

Senarai Kandungan Enakmen

Bil.	Enakmen Ibu
1.	Syariah Evidence Enactment 1996 Enakmen Keterangan Syariah 1996
2.	Water Supply Enactment 1997 Enakmen Perbekalan Air 1997
3.	Wakaf (State of Selangor) Enactment 1994 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999
4.	Muslim Wills (Selangor) Enactment 1999 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
5.	Selangor Water Management Authority Enactment 1999 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999

SYARIAH EVIDENCE ENACTMENT 1996

**ENAKMEN KETERANGAN
SYARIAH 1996**

SELANGOR

ENAKMEN No. 6 tahun 1996

ENAKMEN
KETERANGAN SYARIAH 1996

SUŞUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

QARINAHAN

Bab 1

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Pernakahan.
3. Tafsiran.
4. Anggapan.

Bab 2

QARINAH

Am

5. Keterangan boleh diberikan mengepai fakta persoalan dan qarinah.
6. Fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sambang adalah qarinah.
7. Fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan bagi fakta persoalan atau fakta relevan.
8. Motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau yang kemudian.
9. Fakta yang perlu untuk menghuraikan atau mengemukakan fakta persoalan atau fakta relevan.
10. Apa-apa yang dikatakan atau dilakukan oleh seseorang pelikolot berkenaan dengan rancangan bersama.
11. Bits fakta boleh menjadi qarinah.
12. Dalam guaman bagi mendapatkan gantinggi, fakta yang boleh mahkamah menentukan amanah gantinggi adalah qarinah.
13. Fakta yang menjadi qarinah apabila hak atau 'urf dipersoalkan.

Seksyen

14. Fakta yang menunjukkan wujudnya keadaan akal fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh adalah qarinah.
15. Fakta berkenaan dengan soal sama ada perbuatan dilakukan dengan tak sengaja atau dengan sengaja.
16. Bila wujudnya perjataanan urusan menjadi qarinah.

Iqrar

17. Iqrar ditakrifkan.
18. Kebolehterimaan iqrar.
19. Iqrar yang dibuat dalam keadaan marad-al-maut.

Kenyataan Oleh Orang Yang Tidak Boleh Dipanggil Sebagai Saksi

20. Hal-hal dalam mana pernyataan mengenai fakta relevan oleh orang yang telah mati atau tidak dapat dijumpai, dsb. adalah qarinah.
21. Kerelevanan keterangan tertentu bagi membuktikan dalam prosiding kemudiannya tentang kebenaran fakta yang tersebut di dalamnya.

Pernyataan Yang Dibuat Dalam Keadaan Khas

22. Bila catatan dalam buku akaun relevan.
23. Bila catatan yang dibuat dalam rekod awam pada metaksanakan kewajipan qarinah.
24. Pernyataan dalam peta, carta dan pelan adalah qarinah.
25. Pernyataan mengenai fakta dari jenis awam yang terkandung dalam perundangan atau pemberitabuan tertentu adalah qarinah.
26. Pernyataan mengenai mana-mana undang-undang yang terkandung dalam buku undang-undang adalah qarinah.

Sebanyak Mana Kenyataan Dikehendaki Dibuktikan

27. Apa keterangan perlu diberi apabila pernyataan ialah sebahagian daripada percakapan, dokumen, buku atau siri surat atau kertas.

Bila Penghakiman Mahkamah Qarinah

28. Penghakiman dahulu adalah relevan bagi menghalang guaman atau perbicaraan yang kedua.
29. Bila sesuatu penghakiman dalam bidang kuasa probet, dsb. menjadi qarinah.

Seksyen

30. Bila penghakiman, perintah atau dekri adalah qarinah.
31. Bila penghakiman, dsb., tidak menjadi qarinah.
32. Fraud atau pakat sulit bagi mendapatkan penghakiman atau ketakkompetenan mahkamah boleh dibuktikan.

Bila Pendapat Orang Ketiga Adalah Qarinah

33. Pendapat pakar.
34. Fakta mengenai pendapat pakar.
35. Bila pendapat tentang tulisan tangan adalah qarinah.
36. Bila pendapat tentang kewujudan hak atau 'urf adalah qarinah.
37. Bila pendapat tentang kelaziman, kepercayaan, dsb. adalah qarinah.
38. Bila pendapat berkenaan pertalian adalah qarinah.
39. Bila alasan pendapat adalah qarinah.

Bila Watak Adalah Qarinah

40. Dalam kes mal, watak bagi membuktikan kelakuan yang ditohmahkan tidaklah qarinah.
41. Dalam kes jenayah watak baik dahulu adalah qarinah.
42. Watak buruk dahulu tidaklah qarinah kecuali bagi menjawab.

BAHAGIAN II**PEMBUKTIAN****BAB 3****FAKTA YANG TIDAK PERLU DISUKTIKAN**

43. Fakta yang diberi pengiktirafan kehakiman tidak perlu dibuktikan.
44. Fakta yang mahkamah mesti memberi pengiktirafan kehakiman.
45. Fakta yang diakui tidak perlu dibuktikan.

BAB 4**KETERANGAN LISAN**

46. Pembuktian fakta dengan keterangan lisan.
47. Keterangan lisan mestilah secara langsung.

BAB 5

KETERANGAN DOKUMENTAR

Seksyen

48. Pembuktian kandungan dokumen.
49. Keterangan primer.
50. Keterangan sekunder.
51. Pembuktian dokumen dengan keterangan primer.
52. Hal-hal dalam mana keterangan sekunder berhubung dengan dokumen boleh diberi.
53. Kaedah-kaedah tentang notis untuk mengemukakan.
54. Bukti tandatangan dan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menandatangani atau menulis dokumen yang dijemukakan.
55. Pengakuan mengenai tulisan, tandatangan atau meterai.
56. Pembuktian dokumen.

Dokumen Awam

57. Dokumen awam.
58. Dokumen persendirian.
59. Salinan diperakui bagi dokumen awam.
60. Pembuktian dokumen dengan mengemukakan salinan diperakui.
61. Bukti bagi dokumen rasmi tertentu.

Anggapan Tentang Dokumen

62. Anggapan mengenai ketulenan salinan diperakui.
63. Anggapan tentang dokumen yang dikemukakan sebagai rekod keterangan.
64. Anggapan tentang Warta, akhbar, dsb.
65. Anggapan tentang peta atau pelan yang dibuat dengan kuasa kerajaan.
66. Anggapan tentang koleksi undang-undang dan laporan keputusan.
67. Anggapan tentang surat kuasa wakil.
68. Anggapan tentang salinan diperakui bagi rekod kehakiman negara asing.
69. Anggapan tentang buku, peta dan carta.
70. Anggapan tentang perutusan telegraf.

Seksyen

71. Anggapan tentang penyempurnaan wajar, dsb, mengenai dokumen yang tidak dikemukakan.

BAHAGIAN III

PENGEMUKAAN DAN KESAN KETERANGAN

BAB 6

BEBAN MEMBUKTIKAN

72. Beban mengemukakan keterangan dalam kes mal.
73. Beban membuktikan.
74. Kepada siapa terletaknya beban membuktikan.
75. Beban membuktikan fakta tertentu.
76. Beban membuktikan fakta yang perlu dibuktikan supaya keterangan boleh diterima.
77. Beban membuktikan bahawa kes orang yang dituduh adalah termasuk dalam kecualian.
78. Beban membuktikan fakta yang diketahui secara khas.
79. Beban membuktikan kematian orang yang diketahui masih hidup dalam masa 30 tahun.
80. Beban membuktikan seseorang yang khabarnya mengendinya tidak didengar selama 4 tahun masih hidup.
81. Beban membuktikan tentang pemunyaaan.
82. Mahkamah boleh menganggap kewujudan fakta tertentu.

BAB 7

SAKSI

83. Siapa yang boleh memberi keterangan sebagai saksi.
84. Saksi bisu.
85. Keterangan suami, isteri, ibu bapa dan anak.
86. Bilangan saksi.
87. Cara memberi keterangan.
88. Keterangan oleh seorang saksi dan sumpah plaintif.

BAB 8

PEMERIKSAAN SAKSI

89. Susunan pengemukaan dan pemeriksaan saksi.
90. Mahkamah memutuskan kebolehtenerimaan keterangan.

Seksyen

91. Pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, pemeriksaan semula.
92. Susunan pemeriksaan dan arahan mengenai pemeriksaan semula.
93. Pemeriksaan balas orang yang dipanggil supaya mengemukakan sesuatu dokumen.
94. Saksi-saksi berkenaan dengan watak.
95. Soalan-soalan memimpin.
96. Bila soalan-soalan memimpin tidak boleh ditanya.
97. Bila soalan-soalan memimpin boleh ditanya.
98. Keterangan tentang perkara-perkara bertulis.
99. Pemeriksaan balas tentang pernyataan bertulis yang dahulu.
100. Soalan-soalan yang sah dalam pemeriksaan balas.
101. Mahkamah memutuskan bila soalan-soalan hendak ditanya dan bila saksi dipaksa menjawab.
102. Soalan tidak boleh ditanya tanpa alasan-alasan yang munasabah.
103. Prosedur mahkamah sekiranya soalan ditanya dengan tiada alasan-alasan yang munasabah.
104. Soalan lucuh atau yang membawa aib.
105. Soalan-soalan yang bertujuan untuk memberi aib atau kegusaran.
106. Penyingkiran keterangan bagi menyangkal jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang menguji kebenaran.
107. Soalan oleh pihak ke atas saksinya sendiri.
108. Mencabar kebolehpercayaan saksi.
109. Soalan-soalan yang boleh menyokong keterangan mengenai fakta relevan boleh diterima.
110. Kenyataan-kenyataan dahulu yang dibuat oleh saksi boleh dibuktikan bagi menyokong testimoni yang kemudian tentang fakta yang sama.
111. Apa perkara-perkara yang boleh dibuktikan berhubung dengan kenyataan yang dibuktikan yang menjadi qarinah di bawah seksyen 20 atau 21.
112. Memperingatkan semula.
113. Testimoni mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam dokumen yang disebut dalam seksyen 112.
114. Hak pihak lawan ke atas tulisan yang digunakan untuk memperingatkan semula.
115. Pengemukaan dokumen-dokumen dan terjemahannya.

Seksyen

116. Memberi sebagai keterangan dokumen yang diminta dan dikemukakan atas notis.
117. Menggunakan sebagai keterangan dokumen yang enggan dikemukakan setelah notis diberi.
118. Kuasa Hakim bagi menanya soalan-soalan atau menerintahkan pengemukaan.

Bab 9**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERKAITAN DENGAN TESTIMONI SAKSI**

119. Menentukan bahawa saksi adalah adil.
120. Saksi hendaklah diperiksa melalui pihak yang ada hubungan dengannya.
121. Pemeriksaan rahsia.
122. Bilangan pemeriksa rahsia.
123. Pemeriksaan terbuka.
124. Testimoni dalam pemeriksaan terbuka menjadi sebahagian daripada syahadah.
125. Bila saksi tidak perlu diperiksa.
126. Penafian (ta'in) ke atas saksi.
127. Bila pendapat pemeriksa dan saksi berbeza.
128. Saksi meninggal dunia atau hilang.
129. Bila saksi dikehendaki mengangkat surpah.

Bab 10**PERUNTUKAN AM**

130. Rujukan mutlamad.
131. Pemansuhan seksyen 53 En. Sel. 3/52 dan pemberhentian pemakaian Akta 56.

INDUL.

SELANGOR

ENAKMEN No. 6 tahun 1996

BETA PERKENANKAN,

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

28 Disember 1996

Suatu Enakmen bagi mentakrifkan undang-undang
 Keterangan untuk Mahkamah Syariah dan perkara-
 perkara yang berhubung dengannya.

[1. / . 96]

Sel. no. 33/57

MAKA INTLAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
 oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang
 berikut:

BAHAGIAN I

QARINAHAN

BAB I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Keterangan Syariah 1996.
rajuk
ringkas
dan mula
berkuatkuasa.
- (2) Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta.

Pemakaian.

2. Enakmen ini hendaklah terpakai bagi segala prosiding kehakiman di dalam atau di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah dalam Negeri Selangor.

Tafsiran.

3. (1) Dalam Enakmen ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akil” ertinya sempurna akal;

“baligh” ertinya telah cukup umur mengikut Hukum Syara’;

“bayyinah” ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah qarinah;

“dokumen” ertinya apa-apa perkara yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua peranti lain, dengan menggunakan—

- (a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa juu bentuk pernyataan, perihalan atau gambaran lain;
- (b) apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);
- (c) apa-apa rakaman bunyi, rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walaup bagaimanapun ia dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenut elektronik, atau apa-apa data lain;
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak mengenai apa-apa perkara, melalui apa-apa kombinasi, cara yang disebutkan dalam perenggan (a), (b), atau (c),

atau dengan lebih daripada satu cara yang disebutkan dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa juu cara sekalipun bagi menggambarkan hal itu;

MISALAN

Tulisan ialah dokumen.

Perkataan yang dicetak, dijotograf atau difotograf ialah dokumen.

Peta, pelan, graf atau lakaran ialah dokumen.

Inskripsi pada kayu, logam, batu, atau apa-apa benda, bahan atau barang lain ialah dokumen.

Lukisan, citra, gambar, atau karikatur ialah dokumen.

Fotograf atau negatif ialah dokumen.

Rakaman pita komunikasi telefon, termasuklah rakaman komunikasi sedemikian yang dipancarkan dari suatu jarak, ialah dokumen.

Rakaman fotografi atau rakaman visual lain, termasuklah rakaman pemancaran fotografi atau pemancaran visual lain dari suatu jarak, ialah dokumen.

Hal yang dirakamkan, disimpan, diproses, didapati semula atau dikeluarkan oleh komputer ialah dokumen.

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Selangor) 1989;

*Sel.
Enakmen
2/89.*

“fakta” ertinya dan termasuklah—

- (a) apa-apa benda, keadaan benda atau hubungan benda yang boleh ditanggap dengan pancaindera;
- (b) apa-apa keadaan mental yang disedari oleh seseorang;

MISALAN

- (a) Bahawa adanya benda-benda tertentu yang diatur mengikut susunan tertentu di tempat tertentu ialah suatu fakta;
- (b) Bahawa seseorang telah mendengar atau melihat sesuatu ialah suatu fakta;
- (c) Bahawa seseorang telah menyebut perkataan-perkataan tertentu ialah suatu fakta;
- (d) Bahawa seseorang berpegang pada pendapat tertentu, mempunyai niat tertentu, bertindak dengan suci hati atau secara fraud, atau menggunakan perkataan tertentu dengan pengertian tertentu, atau pada suatu masa tertentu sedar akan perasaan atau deria rasa tertentu, ialah suatu fakta;
- (e) Bahawa seseorang mempunyai reputasi tertentu adalah suatu fakta.

"fakta persoalan" ertinya apa-apa fakta yang daripadanya, sama ada sendiri atau berkaitan dengan fakta lain, kewujudan atau ketakwujudan, jenis atau takat apa-apa hak, liabiliti atau ketakupayaan yang ditegaskan atau dinafikan dalam mana-mana guaman atau prosiding semestinya dapat disimpulkan;

MISALAN

A dituduh berkhawat dengan B.

Dalam perbicaraan, fakta-fakta yang berikut boleh menjadi persoalan:

Bahawa A berada berdua-duaan dengan B di dalam suatu bilik tertutup;

Bahawa A berdua-duaan dengan B di dalam sebuah kereta yang diletakkan di tempat yang gelap.

"filem" ertinya dan termasuklah mikrofilem dan apa-apa negatif;

"Hakim" ertinya Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik masing-masing di bawah seksyen 38(1a), 38(1) dan 40(1) Enakmen Pentadbiran;

"Hukum Syarak" ertinya undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf;

"keterangan" termasuklah—

(a) bayyinah dan syahadah;

(b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;

(c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah: dokumen-dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

“komputer” ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau hal lain, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau perturutan atau walau bagaimana jua pun selainnya disatukan, alat-alat itu hendaklah dikira sebagai sebuah komputer;

“mahkamah” atau “mahkamah Syariah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 37 Enakmen Pentadbiran;

“mikrofilem” ertinya apa-apa bahan lutsinar yang mempunyai imej visual dalam saiz yang dikurangkan sama ada secara tunggal atau sebagai suatu siri dan termasuklah mikrofis;

“negatif” ertinya suatu fotograf negatif lutsinar pada apa-apa benda atau bahan, dan termasuk apa-apa fotograf negatif lutsinar yang dibuat daripada fotograf negatif asal;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang dilantik sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 55 Enakmen Pentadbiran;

“qarinah” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen ini;

“saksi” tidak termasuk plaintif, defendant dan tertuduh;

“syahadah” ertinya apa-apa keterangan yang diberikan di mahkamah dengan menggunakan lafadz ‘asyhadu’ untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan;

“‘urf” ertinya adat atau kebiasaan yang diiktiraf oleh masyarakat atau golongan orang tertentu sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan.

(2) Dalam Enakmen ini—

- (a) suatu fakta dikatakan "terbukti sebaliknya" apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, mahkamah sama ada percaya fakta itu tidak wujud atau berpendapat bahawa ketakwujudan fakta itu adalah sebegini mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu tidak wujud;
- (b) sesuatu fakta adalah dikatakan "tidak terbukti" apabila fakta itu tidak "terbukti" atau tidak "terbukti sebaliknya" mengikut Enakmen ini;
- (c) sesuatu fakta adalah dikatakan "terbukti" apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada percaya bahawa wujudnya fakta itu adalah sebegini mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu wujud.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran perkataan-perkataan atau ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

Anggapan.

4. (1) Bilamana diperintukkan oleh Enakmen ini bahawa mahkamah boleh menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, mahkamah boleh sama ada menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya, atau boleh meminta buktinya.

(2) Bilamana diarahkan oleh Enakmen ini bahawa mahkamah hendaklah menganggap sesuatu fakta sebagai terbukti, mahkamah hendaklah mensifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya.

BAB 2

QARINAH

5. Keterangan boleh diberikan dalam mana-mana guaman atau prosiding mengenai wujud atau tidak wujudnya tiap-tiap fakta persoalan dan mengenai apa-apa fakta lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai qarinah, dan tidak mengenai apa-apa fakta lain.

Keterangan
boleh
diberikan
mengenai
fakta
persoalan
dan
qarinah.

Huraian—Seksyen ini tidak membolehkan mana-mana orang memberikan keterangan mengenai sesuatu fakta yang dia tidak berhak membuktikannya menurut undang-undang yang berhubung dengan prosedur mal.

MISALAN

A dituduh memukul isterinya B dengan tongkat dengan niat hendak menganiaya.

Dalam perbicaraan A fakta-fakta yang berikut adalah menjadi persoalan:

A memukul B dengan tongkat itu.

A mencederakan B dengan pukulan itu dengan niat hendak menganiaya B.

6. Fakta-fakta yang, walaupun tidak menjadi persoalan, sebegitu berkaitan dengan suatu fakta persoalan sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama adalah qarinah.

Fakta yang
menjadi
sebahagian
daripada
transaksi yang
sama adalah
qarinah.

MISALAN

A dituduh memukul isterinya B.

Apa-apa juga yang telah dikatakan atau dibuat oleh A atau B atau oleh orang yang berada di situ pada masa B dipukul atau sejurus sebelum atau selepasnya sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama adalah qarinah.

Fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan, sama ada langsung atau selainnya, bagi fakta persoalan atau fakta relevan, atau fakta yang menjadi keadaan benda dalam mana fakta itu berlaku, atau yang memberikan peluang untuk fakta itu berlaku atau dilakukan adalah qarinah.

Motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau yang kemudian,

7. Fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan, sama ada langsung atau selainnya, bagi fakta persoalan atau fakta relevan, atau fakta yang menjadi keadaan benda dalam mana fakta itu berlaku, atau yang memberikan peluang untuk fakta itu berlaku atau dilakukan adalah qarinah.

8. (1) Apa-apa fakta adalah qarinah jika ia menunjukkan atau menjadi motif atau persediaan bagi mana-mana fakta relevan atau fakta persoalan.

(2) Kelakuan mana-mana pihak, atau kelakuan mana-mana ejen kepada mana-mana pihak dalam apa-apa guaman atau prosiding berkenaan dengan guaman atau prosiding itu, atau berkenaan dengan sesuatu fakta persoalan dalamnya atau yang relevan dengannya, dan kelakuan mana-mana orang yang kesalahan terhadapnya menjadi perkara sesuatu prosiding, adalah qarinah jika kelakuan itu mempengaruhi atau dipengaruhi oleh mana-mana fakta persoalan atau relevan, dan sama ada kelakuan itu berlaku dahulu atau kemudian daripadanya.

Huraian 1—Perkataan “kelakuan” dalam seksyen ini tidak termasuk pernyataan melajinkan jika pernyataan itu menyertai dan menghuraikan perbuatan lain daripada pernyataan tetapi huraian ini tidak akan menyentuh qarinah pernyataan di bawah mana-mana seksyen lain dalam Enakmen ini.

Huraian 2—Apabila kelakuan mana-mana orang adalah qarinah apa-apa pernyataan yang dibuat kepadanya atau di hadapan dan dengan didengarinya yang menyentuh kelakuannya adalah qarinah.

MISALAN

(a) Soalnya ialah sama ada sesuatu dokumen tertentu adalah wasiat A.

Fakta bahawa tidak lama sebelum tarikh wasiat yang dikatakan itu A, telah bertanyakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan dalam wasiat yang dikatakan itu, bahawa dia telah berunding dengan peguam berkenaan dengan pembuatan wasiat itu, dan bahawa dia telah menyebabkan draf wasiat lain disediakan yang tidak dipersetujuinya, adalah qarinah.

(b) Soalnya ialah sama ada A telah melakukan sesuatu jenayah.

Fakta bahawa A telah mlarikan diri selepas menerima sepucuk surat yang memberi amaran kepadanya bahawa siasatan sedang dijalankan bagi mencari penjenayah itu dan kandungan surat itu adalah qarinah.

(c) A dituduh melakukan suatu jenayah.

Fakta bahawa sejurus selepas berlakunya jenayah yang dikatakan itu dia telah mlarikan diri, atau telah cuba menyembunyikan benda yang telah atau mungkin telah digunakan dalam melakukan jenayah itu adalah qarinah.

9. Fakta yang perlu untuk menghuraikan atau mengemukakan sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan, atau yang menyokong atau mematahkan sesuatu kesimpulan yang dibayangkan oleh sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan, atau yang menentukan pengenalan sesuatu benda atau seseorang yang pengenalannya adalah relevan, atau yang menetapkan masa atau tempat di mana sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan telah berlaku atau yang menunjukkan hubungan pihak-pihak yang olehnya sesuatu fakta itu diuruskan adalah qarinah setakat yang fakta itu perlu bagi maksud itu.

Fakta yang perlu untuk menghuraikan atau mengemukakan fakta persoalan atau fakta relevan.

MISALAN

(a) Soalnya ialah sama ada sesuatu dokumen tertentu adalah wasiat A.

Keadaan harta A dan keadaan keluarganya pada tarikh wasiat yang dikatakan itu adalah qarinah.

(b) A dituduh melakukan suatu jenayah.

Fakta bahawa sejurus selepas berlakunya jenayah itu A telah mlarikan diri dari rumahnya adalah qarinah di bawah seksyen 8 sebagai kelakuan yang kemudian daripada dan disentuh oleh fakta persoalan.

Fakta bahawa pada masa dia meninggalkan rumahnya itu dia ada urusan tiba-tiba dan mendesak di tempat dia pergi itu adalah qarinah sebagai mungkin menghuraikan fakta bahawa dia telah meninggalkan rumahnya dengan tiba-tiba.

Apa-apa yang dikatakan atau dilakukan oleh seseorang pekomplot berkenaan dengan rencangan bersama.

Bila fakta boleh menjadi qarinah.

10. Jika ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dua orang atau lebih telah berkomplot bersama-sama untuk melakukan suatu kesalahan atau suatu perbuatan salah boleh dakwa, maka apa-apa juga yang dikatakan, dilakukan atau ditulis oleh salah seorang daripada mereka, berkemaraan dengan niat bersama mereka selepas niat itu mula-mula diterima oleh salah seorang daripada mereka, adalah qarinah terhadap setiap orang yang dipercayai berkomplot sedemikian, serta juga bagi maksud membuktikan adanya komplot itu dan bagi maksud menunjukkan seseorang telah menjadi satu pihak kepadanya.

11. Fakta boleh menjadi qarinah—

- (a) jika ia tak konsisten dengan sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan;
- (b) jika dengan sendirinya atau berkaitan dengan fakta lain, ia menjadikan wujudnya atau tak wujudnya sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan itu amat mungkin atau amat tak mungkin;

MISALAN

(a) Soalnya ialah sama ada A melakukan suatu jenayah di Kuala Lumpur pada suatu hari tertentu.

Fakta bahawa pada hari itu A berada di Ipoh adalah qarinah.

Fakta bahawa hampir dengan masa berlakunya jenayah itu A berada jauh dari tempat di mana jenayah itu dilakukan, yang menjadikannya amat tak mungkin, walaupun tak mustahil, bahawa dia telah melakukan jenayah itu, adalah qarinah.

(b) Soalnya ialah sama ada A telah melakukan suatu jenayah.

Hal keadaannya sebegini rupa hingga menunjukkan bahawa jenayah itu pasti telah dilakukan sama ada oleh A, B, C atau D. Tiap-tiap fakta yang menunjukkan bahawa jenayah itu tak mungkin telah dilakukan oleh seseorang lain dan bahawa ia tidak dilakukan sama ada oleh B, C atau D, adalah qarinah.

12. Dalam gaman untuk menuntut gantirugi, apa-apa fakta yang membolehkan mahkamah menentukan aman gantirugi yang patut diawardkan adalah qarinah.

Dalam gaman bagi mendapatkan gantirugi, fakta yang membolehkan mahkamah menentukan aman gantirugi adalah qarinah.

13. Jika soalnya ialah tentang wujudnya sesuatu hak atau 'urf maka fakta yang berikut adalah qarinah:

Fakta yang menjadi qarinah apabila hak atau 'urf dipersoalkan.

- (a) apa-apa transaksi yang dengannya hak atau 'urf yang dipersoalkan itu telah diwujudkan, dituntut, diubahsuai, diiktiraf, ditegaskan atau dinafikan atau yang tak konsisten dengan kewujudannya;
- (b) hal-hal tertentu dalam mana hak atau 'urf itu telah dituntut, diiktiraf atau digunakan atau dalam mana pengguna nama telah dipertikaikan, ditegaskan atau diselewengkan daripadanya.

14. Fakta yang menunjukkan wujudnya sesuatu keadaan akal fikiran, seperti niat, pengetahuan, kesucian hati, kecuaian, kegopohan, niat jahat atau niat baik terhadap mana-mana orang tertentu, atau menunjukkan wujudnya sesuatu keadaan tubuh atau perasaan tubuh, adalah qarinah apabila wujudnya sesuatu keadaan akal fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh itu menjadi persoalan atau relevan.

Fakta yang menunjukkan wujudnya keadaan akal fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh adalah qarinah.

Huraian 1—Sesuatu fakta relevan yang menunjukkan wujudnya sesuatu keadaan akal fikiran yang relevan mestilah menunjukkan bahawa keadaan akal fikiran itu wujud bukan pada amnya tetapi berhubungan dengan perkara tertentu yang dipersoalkan.

Huraian 2—Jika dalam perbicaraan seseorang yang dituduh atas suatu kesalahan, suatu kesalahan yang dilakukan dahulu olehnya adalah qarinah dalam pengertian seksyen ini, maka subjeknya yang dahulu itu hendaklah juga menjadi suatu qarinah.

MISALAN

(a) Soalnya ialah sama ada A telah melakukan penganiayaan terhadap isterinya B.

Pencurahan perasaan mereka terhadap satu seseorang lain yang sejurus sebelum atau selepas penganiayaan yang dikatakan itu adalah qarinah.

(b) A dibicarakan kerana suatu jenayah.

Fakta bahawa dia telah mengatakan sesuatu yang menunjukkan niat hendaklah melakukan jenayah tertentu itu adalah qarinah.

Fakta bahawa dia telah mengatakan sesuatu yang menunjukkan kecenderungannya pada lazimnya hendak melakukan jenis-jenis oleh tidak menjadi qariah.

Fakta berkenaan dengan soal sama ada perbuatan dilakukan dengan tak sengaja atau dengan sengaja.

15. Apabila ada soal sama ada sesuatu perbuatan telah dilakukan dengan tak sengaja atau dengan sengaja atau dilakukan dengan pengetahuan atau niat tertentu, maka fakta bahawa perbuatan itu menjadi sebahagian siri kejadian yang serupa dan orang yang melakukan perbuatan itu terlibat dalam setiap kejadian itu, adalah qarinah

MISALAN

A telah digunakan khidmat untuk menerima fitrah sebagai amil daripada ramai. Adalah menjadi kewajipan A membuat catatan di dalam sebuah buku bagi menunjukkan banyaknya wang yang telah diterimanya. Dia membuat suatu catatan menunjukkan bahawa pada suatu masa tertentu dia telah menerima kurang daripada yang sebenarnya diterima olehnya.

Soalnya ialah sama ada catatan palsu ini telah dibuat dengan tak sengaja atau sengaja.

Fakta bahawa catatan lain yang dibuat oleh A dalam buku yang sama adalah palsu, dan bahawa tiap-tiap suatu catatan palsu itu, adalah untuk faedah A, adalah qarinah.

Bila wujudnya perjalanan urusan menjadi qarinah.

16. Apabila ada soal sama ada suatu perbuatan tertentu telah dilakukan, wujudnya apa-apa perjalanan urusan yang menurut kelazimannya perbuatan itu pasti telah dilakukan adalah suatu qarinah.

MISALAN

- (a) Soalnya ialah sama ada suatu surat tertentu telah dikirimkan.

Fakta bahawa adalah menjadi perjalanan biasa urusan bagi segala surat yang diletakkan di suatu tempat tertentu akan dibawa ke pejabat pos, dan bahawa surat tertentu itu telah diletakkan di tempat itu, adalah qarinah.

- (b) Soalnya ialah sama ada suatu surat tertentu telah sampai kepada A.

Fakta bahawa ia telah diposkan mengikut amalan biasa dan telah tidak dikembalikan melalui Pejabat Surat Tak Sampai adalah qarinah.

Iqrar

17. (1) Iqrar adalah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

- (2) Sesuatu iqrar hendaklah dibuat—

- (a) dalam mahkamah, di hadapan Hakim; atau
- (b) di luar mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang akil baligh dan adil.

- (3) Sesuatu iqrar yang berkaitan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan adalah qarinah.

18. (1) Iqrar yang berikut tidak boleh diterima:

Keboleh-
terimaan
iqrar.

- (a) iqrar seseorang yang tidak akil baligh;
- (b) tertakluk kepada subseksyen (2), iqrar orang belum dewasa;
- (c) iqrar orang gila atau orang terencat akal (ma'tuh);
- (d) iqrar wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang di bawah jagaan atau tanggungjawabnya;

(e) iqrar yang tidak dibuat secara sukarela; atau

(f) iqrar seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (Mahjur 'alaih).

(2) Iqrar yang dibuat oleh seseorang kanak-kanak murniyiz yang telah diberi kebenaran oleh wali atau penjaganya untuk menjalankan apa-apa perniagaan atau urusan boleh diterima setakat yang iqrar itu berkaitan dengan perniagaan atau urusan itu.

(3) Pihak yang mendapat faedah daripada sesuatu iqrar tidaklah semestinya seorang yang akil baligh.

*Huraian—*Jika orang yang membuat iqrar menyatakan bahawa sesuatu barang atau harta adalah bagi faedah seorang kanak-kanak belum murniyiz, iqrarnya boleh diterima dan orang yang membuat iqrar itu hendaklah terikat dengan pernyataannya.

Iqrar yang dibuat dalam keadaan marad-al-maut.

19. Iqrar yang dibuat oleh seseorang yang berada dalam keadaan marad-al-maut berhubung dengan tanggungan atau obligasinya terhadap seorang lain boleh diterima.

Pernyataan Oleh Orang Yang Tidak Dapat Dipanggil Sebagai Saksi

Hal-hal dalam mana pernyataan mengenai fakta relevan oleh orang yang telah mati atau tidak dapat dijumpai, dsb. adalah qarinah.

20. (1) Pernyataan bertulis atau lisan, mengenai fakta relevan yang dibuat oleh seorang yang telah mati atau yang tidak dapat dijumpai atau yang telah menjadi tak upaya memberi keterangan, atau yang kehadirannya tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah tidak munasabah dalam hal keadaan kes itu adalah sendirinya qarinah dalam hal-hal yang berikut—

(a) apabila pernyataan itu dibuat oleh seseorang tentang sebab kematiannya, atau tentang apa-apa hal keadaan transaksi yang telah mengakibatkan kematiannya, dalam hal dimana sebab kematian orang itu dipersoalkan.

Pernyataan tersebut adalah qarinah sama ada pada masa pernyataan itu dibuat orang yang membuatnya telah menjangkakan atau tidak menjangkakan dia akan mati, dan walau apa jua jenis prosiding dalam mana sebab kematianya itu dipersoalkan.

- (b) apabila pernyataan itu telah dibuat oleh orang itu dalam perjalanan biasa urusan, dan khususnya apabila pernyataan itu terdiri daripada sesuatu catatan atau peringatan yang telah dibuat olehnya dalam buku yang disenggara dalam perjalanan biasa urusan atau pada melaksanakan tugas-tugas profesional; atau dari akuan terima yang ditulis atau ditandatangani olehnya mengenai penerimaan wang, barang, sekuriti atau apa juga jenis harta; atau mengandungi sesuatu dokumen yang digunakan dalam perdagangan, yang ditulis atau ditandatangani olehnya, atau mengandungi tarikh bagi sesuatu surat atau dokumen lain yang biasanya ditarikhkan, ditulis atau ditandatangani olehnya;
- (c) apabila pernyataan itu menentang kepentingan kewangan atau kepentingan ketuanpunyaan orang yang membuatnya, atau apabila, jika benar, pernyataan itu akan mendedahkan atau mungkin mendedahkan orang itu kepada suatu pendakwaan jenayah atau kepada suatu guaman untuk gantirugi;
- (d) apabila pernyataan itu memberikan pendapat mana-mana orang sedemikian tentang wujudnya apa-apa hak awam atau 'urf atau perkara yang mempunyai kepentingan awam atau am yang kewujudannya, jika ia wujud, mungkin telah disedari oleh orang itu, dan apabila pernyataan itu dibuat sebelum timbul apa-apa kontroversi tentang hak, 'urf atau perkara itu;
- (e) apabila pernyataan itu berhubungan dengan wujudnya apa-apa hubungan melalui darah, perkahwinan atau pengangkatan antara orang-

orang yang temang hubungannya itu orang yang membuat pernyataan itu mempunyai cara yang istimewa bagi mengetahui dan apabila pernyataan itu dibuat sebelum timbulnya soal yang dipertikaikan itu;

- (f) apabila pernyataan itu berhubung dengan wujudnya apa-apa hubungan melalui darah, perkahwinan atau pengangkatan antara orang yang telah mati, dan pernyataan itu dibuat dalam mana-mana wasiat atau suratikatan berhubung dengan hal-hal keluarga yang orang telah mati itu seorang ahlinya, atau dalam sesuatu salasilah keluarga atau di atas mana-mana batu nisan, potret keluarga atau benda lain yang di atasnya pernyataan itu biasanya dibuat, dan apabila pernyataan itu dibuat sebelum timbulnya soal yang dipertikaikan itu;
- (g) apabila pernyataan itu terkandung dalam mana-mana dokumen yang berhubung dengan apa-apa transaksi sebagaimana yang tersebut dalam perenggan 13(a);
- (h) apabila pernyataan itu telah dibuat oleh beberapa orang dan menyatakan perasaan atau tanggapan mereka yang relevan dengan perkara yang berkenaan itu.

MISALAN

- (a) Soalnya ialah tentang tarikh kelahiran A.

Suatu catatan dalam buku harian seorang doktor bedah yang telah mati, yang biasanya disenggarakan dalam perjalanan urusan, menyatakan bahawa pada suatu hari tertentu dia telah merawat ibu A yang telah melahirkan seorang anak lelaki adalah qarinah.

- (b) Soalnya ialah sama ada A berada di Kuala Lumpur pada suatu hari tertentu.

Suatu pernyataan dalam buku harian seorang peguambela yang telah mati, yang biasanya disenggarakan dalam perjalanan urusan, yang menyatakan bahawa pada suatu

hari tertentu peguambela itu telah ada bersama A di suatu tempat yang dinyatakan di Kuala Lumpur bagi maksud berbinang dengannya mengenai urusan tertentu adalah qarinah.

- (c) Soalnya ialah sama ada A dan B telah berkahwin dengan sah di sisi undang-undang.

Pernyataan seorang Kadi yang telah mati bahawa dia telah mengahwinkan mereka dalam hal keadaan yang boleh menjadikan upacara itu tidak sah adalah qarinah.

- (d) Soalnya ialah sama ada A seorang yang tidak dapat dijumpai, telah menulis suatu surat pada suatu hari tertentu.

Fakta bahawa suatu surat yang ditulis olehnya bertarikh pada hari itu adalah qarinah.

- (e) Soalnya ialah sama ada A, yang telah mati, adalah bapa B.

Suatu pernyataan oleh A bahawa B adalah anaknya ialah qarinah.

- (f) Soalnya ialah bila tarikh lahir A.

Suatu surat daripada bapa A yang telah mati kepada seorang sahabatnya memberitahu tentang kelahiran A pada suatu hari tertentu adalah qarinah.

- (g) Soalnya ialah sama ada dan Bila A dan B berkahwin.

Suatu catatan dalam dairi C iaitu bapa B yang telah mati berkenaan dengan perkahwinan anak perempuannya dengan A pada suatu hari tertentu, adalah qarinah.

- (2) Keterangan mengenai pernyataan itu hendaklah diberikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

- (3) Keterangan mengenai pernyataan itu tidak boleh diterima dalam hal keadaan berikut:

- (a) apabila orang yang membuat pernyataan itu melarang pernyataan itu diberi sebagai keterangan;
- (b) apabila orang yang membuat pernyataan itu hilang kelayakan untuk memberi keterangan;

(c) apabila orang yang membuat pernyataan itu enggan memberi keterangan atas alasan dia tidak ada keterangan yang relevan dengan pertikaian itu atau bahawa dia tidak membuat pernyataan itu atau dia telah membuat kesilapan berhubung dengan pernyataan itu.

Kerelevan
keterangan
terlentu bagi
membuktik-
kan dalam
prosiding
kemudiannya
tentang
kebenaran
fakta yang
tersebut di
dalamanya.

21. Keterangan yang diberikan oleh seseorang saksi dalam suatu prosiding kehakiman, atau di hadapan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengambil keterangan itu, adalah qarinah bagi maksud membuktikan, dalam prosiding kehakiman kemudiannya atau pada suatu peringkat yang terkemudian dalam prosiding kehakiman yang sama, kebenaran fakta yang dinyatakan olehnya, apabila saksi itu telah mati atau tidak dapat dijumpai atau tidak upaya dihalang memberi keterangan oleh pihak menentang, atau jika kehadirannya tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat Mahkamah, tidak munasabah dalam hal keadaan kes itu:

Dengan syarat bahawa—

- (a) prosiding itu adalah di antara pihak-pihak yang sama atau wakilnya mengenai kepentingan;
- (b) pihak menentang dalam prosiding yang pertama itu telah berhak dan berpeluang untuk memeriksa balas; dan
- (c) masalah yang menjadi persoalan itu pada hakikatnya adalah sama dalam prosiding yang pertama dengan yang kedua.

Huraian—Sesuatu perbicaraan atau siasatan jenayah hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding di antara pendakwa dengan ter tuduh dalam pengertian seksyen ini.

*Pernyataan Yang Dibuat dalam Hal
Keadaan Khas*

Bila catatan
dalam buku
akaun
qarinah.

22. Catatan dalam buku akaun yang biasanya disenggara dalam perjalanan urusan adalah qarinah apabila catatan itu berkaitan dengan perkara yang kena disiasat ole-

mahkamah, tetapi catatan itu sahaja tidaklah menjadi keterangan yang cukup bagi mengenakan apa-apa tanggungan terhadap seseorang.

23. Sesuatu catatan dalam mana-mana daftar, rekod atau lain-lain buku awam atau rasmi yang menyatakan sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan pengkhidmat awam pada menunaikan tugas rasminya atau oleh mana-mana orang yang lain pada melaksanakan sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan yang dibuat oleh seseorang pengkhidmat awam pada menunaikan tugas rasminya atau mana-mana orang lain pada melaksanakan sesuatu kewajipan yang diperintahkan dengan khususnya oleh undang-undang bagi negara di mana daftar, rekod atau buku itu disenggarakan, adalah dengan sendirinya qarinah.

Bila catatan yang dibuat dalam rekod awam yang dibuat pada melaksanakan kewajipan qarinah.

24. Pernyataan mengenai fakta persoalan atau fakta relevan yang dibuat dalam peta atau carta yang diterbitkan dan pada amnya ditawarkan untuk dijual kepada orang ramai, atau dalam peta atau pelan yang dibuat dengan kuasa Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri mengenai perkara pada biasanya digambarkan atau dinyatakan dalam peta, carta atau pelan itu adalah dengan sendirinya qarinah.

Pernyataan dalam peta, carta dan pelan adalah qarinah.

25. Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang wujudnya sesuatu fakta daripada jenis awam, apa-apa pernyataan mengenai fakta itu yang dibuat dalam sesuatu sebutan permulaan yang terkandung dalam sesuatu Akta, Ordinan atau Enakmen, atau dalam pemberitahuan Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri yang tersiar dalam Warta Persekutuan atau Negeri, adalah qarinah.

Pernyataan mengenai fakta dari jenis awam yang terkandung dalam perjudangan atau pemberitahuan tertentu adalah qarinah.

26. Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang undang-undang mana-mana negara, apa-apa pun pernyataan mengenai undang-undang itu yang terkandung dalam sesuatu buku yang berupa dicetak atau diterbitkan dengan kuasa Kerajaan negara itu, dan mengandungi apa-apa undang-undang sedemikian, dan apa-apa laporan

Pernyataan mengenai mana-mana undang-undang yang terkandung dalam buku undang-undang adalah qarinah.

mengenai sesuatu keputusan Mahkamah negara itu yang terkandung dalam buku yang berupa sebagai laporan mengenai keputusan itu, adalah qarinah.

Sebanyak Mana Pernyataan Dikehendaki Dibuktikan

Apa keterangan perlu diberi apabila pernyataan ialah sebahagian daripada percakapan, dokumen, buku atau siri surat atau kertas.

27. Apabila apa-apa pernyataan, yang mengecainya keterangan diberi, menjadi sebahagian daripada suatu pernyataan yang lebih panjang atau sebahagian daripada suatu percakapan, atau sebahagian daripada suatu dokumen yang terpencil atau terkandung dalam dokumen yang menjadi sebahagian daripada buku atau sebahagian dari siri surat atau kertas yang berkaitan, maka keterangan hendaklah diberi mengenai hanya sekian banyak daripada pernyataan, percakapan, dokumen, buku atau siri surat atau kertas itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh mahkamah dalam hal tertentu itu untuk memahami dengan sepenuhnya tentang jenis dan kesan pernyataan itu dan juga dalam hal keadaan pernyataan itu telah dibuat.

Bila Penghakiman Mahkamah Qarinah

Penghakiman dahulu adalah relevan bagi menghalang guaman atau perbicaraan yang kedua.

Bila sesuatu penghakiman dalam bidang kuasa probet, dsb. qarinah.

28. Wujudnya apa-apa penghakiman, perintah atau dekri yang menurut undang-undang mencegah mana-mana mahkamah daripada mengambil atau tahu tentang sesuatu guaman atau daripada mengadakan sesuatu perbicaraan adalah qarinah apabila soalnya ialah sama ada mahkamah patut mengambil tahu tentang guaman itu atau mengadakan perbicaraan itu.

29. (1) Sesuatu penghakiman, perintah atau dekri yang muktamad yang dibuat oleh mahkamah pada menjalankan bidang kuasa probet, hal suami isteri, yang memberi kepada atau melucutkan daripada seseorang sesuatu sifat di sisi undang-undang, atau yang menetapkan seseorang berhak kepada sifat itu, atau berhak kepada apa-apa benda tertentu, bukan terhadap seseorang tertentu tetapi dengan mutlaknya, adalah qarinah apabila adanya sifat di sisi undang-undang itu atau adanya hak seseorang terhadap apa-apa benda itu qarinah.

(2) Penghakiman, perintah atau dekri itu adalah bukti konklusif—

- (a) bahawa sesuatu sifat di sisi undang-undang yang diberi olehnya terakru pada masa penghakiman, perintah, atau dekri itu mula berkuatkuasa;
- (b) bahawa sesuatu sifat di sisi undang-undang yang seseorang ditetapkan olehnya sebagai berhak terakru pada orang itu pada masa ia ditetapkan oleh penghakiman, perintah atau dekri itu sebagai terakru pada orang itu;
- (c) bahawa apa-apa sifat di sisi undang-undang yang dilucutkan olehnya daripada seseorang terhenti dari masa ia ditetapkan oleh penghakiman, perintah atau dekri itu sebagai telah atau patut terhenti; dan
- (d) bahawa apa-apa jua yang kepadanya mana-mana orang ditetapkan olehnya sebagai berhak sedemikian adalah harta orang itu dari masa ia ditetapkan oleh penghakiman, perintah atau dekri itu sebagai telah atau patut menjadi harta orang itu.

30. Penghakiman, perintah atau dekri yang lain daripada yang tersebut dalam seksyen 29 adalah qarinah jika ia berhubungan dengan perkara daripada jenis awam yang relevan kepada siasatan itu; tetapi penghakiman, perintah atau dekri itu tidaklah bukti konklusif mengenai apa yang dinyatakan olehnya.

Bila penghakiman, perintah atau dekri adalah qarinah.

31. Penghakiman, perintah atau dekri selain daripada yang tersebut dalam seksyen 28, 29 dan 30 adalah tidak qarinah melainkan jika kewujudan penghakiman, perintah atau dekri itu adalah suatu fakta persoalan atau qarinah di bawah mana-mana peruntukan lain Enakmen ini.

Bila penghakiman dsb. tidak menjadi qarinah.

32. Mana-mana pihak dalam sesuatu guaman atau prosiding lain boleh menunjukkan bahawa mana-mana penghakiman, perintah atau dekri yang adalah qarinah di bawah seksyen 28, 29 atau 30, dan yang telah dibuktikan oleh pihak menentang, telah diumumkan oleh mahkamah yang tak kompeten untuk mengumumkannya atau telah didapati dengan cara fraud atau pakat-sulit.

Fraud atau pakat-sulit bagi mendapatkan penghakiman atau ketak-kompeten mahkamah boleh dibuktikan.

Bila Pendapat Orang Ketiga Adalah Qarinah

Pendapat pakar.

33. (1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubung dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang-orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, adalah qarinah.

(2) Orang-orang itu dipanggil pakar.

(3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan jika boleh, tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberi pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan.

*MISALAN**

Soalnya ialah sama ada suatu dokumen tertentu ditulis oleh A. Suatu dokumen lain dikemukakan yang dibuktukan atau diauki telah ditulis oleh A.

Pendapat pakar atas soal sama ada kedua-dua dokumen itu telah ditulis oleh orang yang sama atau oleh orang yang berlainan adalah qarinah.

Fakta mengenai pendapat pakar.

34. Fakta yang selainnya tidak qarinah adalah qarinah jika fakta-fakta menyokong atau tak konsisten dengan pendapat pakar apabila pendapat itu adalah qarinah.

Bila pendapat tentang tulisan tangan adalah qarinah.

35. Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang siapakah orang yang telah menulis atau menandatangani sesuatu dokumen, maka pendapat mana-mana orang yang kenal akan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menulis atau menandatangani dokumen itu, bahawa dokumen itu telah atau tidak ditulis atau ditandatangani oleh orang itu, adalah qarinah.

Huraian—Seseorang adalah dikatakan kenal dengan tulisan tangan seseorang lain apabila dia telah melihat orang itu menulis, atau apabila dia telah menerima dokumen yang berupa sebagai ditulis oleh orang itu bagi menjawab dokumen-dokumen yang telah ditulis olehnya sendiri atau dengan kuasanya dan diajamatkan kepada orang itu, atau apabila, dalam perjalanan biasa urosan, dokumen yang berupa sebagai ditulis oleh orang itu lazimnya dikemukakan kepadanya.

MISALAN

Soalnya ialah sama ada sesuatu surat tertentu adalah daripada *A* kepada isterinya.

Keterangan diberi oleh *B* yang ialah setiausaha kepada *A* dan tugasnya ialah untuk meneliti dan memfaikan persuratan *A*.

Pendapat *B* atas soal sama ada surat itu dalam tulisan tangan adalah qarinah, walaupun *B* tidak pernah melihat *A* menulis:

36. Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang kewujudan apa-apa hak atau 'urf, maka pendapat tentang kewujudan hak atau 'urf itu daripada orang yang mungkin tahu mengenai wujudnya hak atau 'urf itu, jika ia wujud, adalah qarinah.

Bila pendapat tentang kewujudan 'urf adalah qarinah:

Huraian—Ungkapan "hak atau 'urf" termasuklah hak atau 'urf yang am bagi sebilangan besar golongan orang itu.

37. Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang—

Bila pendapat tentang kelaziman, kepercayaan, dsb., adalah qarinah:

- (a) kelaziman dan kepercayaan sesuatu kumpulan orang atau keluarga;
- (b) penubuhan pentadbiran sesuatu yayasan agama atau khairat; atau
- (c) pengertian perkataan atau istilah yang digunakan dalam daerah tertentu atau oleh golongan orang tertentu,

maka pendapat orang yang mempunyai cara yang khusus bagi mengetahuinya adalah qarinah.

Bila pendapat berkenaan peritalian adalah qarinah.

38. Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang peritalian seseorang dengan seseorang yang lain, maka pendapat yang dilahirkan melalui kelakuan tentang wujudnya peritalian itu oleh seseorang yang, sebagai anggota keluarga itu atau selainnya, mempunyai cara yang khusus bagi mengetahui perkara itu adalah qarinah.

MISALAN

- (a) Soalnya ialah sama ada A dan B telah berkahwin.

Fakta bahawa mereka telah biasanya diterima dan disifatkan oleh sabahat mereka sebagai suami isteri adalah qarinah.

- (b) Soalnya ialah sama ada A adalah anak B yang sah taraf.

Fakta bahawa A telah sentiasa disifatkan sedemikian oleh anggota keluarganya adalah qarinah.

Bila alasan pendapat qarinah.

39. Apabila pendapat mana-mana orang yang masih hidup adalah qarinah, maka alasan atas mana pendapat itu diasaskan adalah juga qarinah.

MISALAN

Seseorang pakar boleh memberi keterangan mengenai ujian yang telah dijalankan olehnya bagi maksud merumuskan pendapatnya.

Bila Watak Adalah Qarinah

Dalam kes mal, watak bagi membuktikan kelakuan yang ditohmahkan tidaklah qarinah.

Dalam kes jenayah watak baik, dahulu adalah qarinah.

Watak buruk dahulu tidaklah qarinah kecuali bagi menjawab.

40. Dalam kes mal fakta bahawa watak seseorang yang berkenaan adalah sebegitu hingga boleh menjadikan apa-apa kelakuan yang ditohmahkan atasnya mungkin atau tak mungkin tidaklah qarinah, kecuali setakat yang wataknya itu ternyata daripada fakt-fakta yang selainnya qarinah.

41. Dalam prosiding jenayah fakta bahawa orang yang dituduh itu berwatak baik adalah qarinah.

42. Dalam prosiding jenayah fakta bahawa orang tertuduh itu berwatak buruk tidaklah qarinah, melainkan jika keterangan telah diberikan bahawa dia berwatak baik, dan dalam hal yang demikian fakta itu adalah qarinah.

Huraian 1—Seksyen ini tidaklah terpakai bagi kes-kes di mana watak buruk seseorang adalah dengan sendirinya suatu fakta persoalan.

Huraian 2—Sesuatu sabitan yang dahulu adalah qarinh sebagai keterangan mengenai watak buruk.

BAHAGIAN II

PEMBUKTIAN

BAB 3

FAKTA-FAKTA YANG TIDAK PERLU DIBUKTIKAN

- | | |
|--|--|
| <p>43. Tiada fakta yang mengenainya mahkamah akan memberi pengiktirafan kehakiman perlu dibuktikan.</p> | <p>Fakta yang diberi pengiktirafan kehakiman tidak perlu dibuktikan.</p> |
| <p>44. (1) Mahkamah hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman mengenai fakta yang berikut—</p> | |
| <p>(a) semua undang-undang atau peraturan yang kini mempunyai kuatkuasa undang-undang atau yang sebelum ini berkuatkuasa atau yang kemudian daripada ini akan berkuatkuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya;</p> | <p>Fakta yang mahkamah mesti memberi pengiktirafan kehakiman.</p> |
| <p>(b) tatakaluan angkatan bersenjata bagi angkatan bersenjata atau mana-mana angkatan pelawat yang berada di Malaysia secara sah;</p> | |
| <p>(c) perjalanan prosiding di Parlimen dan badan perundangan mana-mana Negeri di Malaysia;</p> | |
| <p>(d) perihal naik takhta Yang di-Pertuan Agong dan naik takhta Raja mana-mana Negeri di Malaysia dan perlantikan Yang di-Pertua Negeri;</p> | |
| <p>(e) meterai semua mahkamah Malaysia, semua meterai yang mana-mana orang diberikuasa untuk menggunakan oleh mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya dan meterai notari awam;</p> | |

- (f) perihal jawatan mula dipegang, nama, gelaran, fungsi dan tandatangan orang yang pada masa ini menyandang apa-apa jawatan awam di Malaysia, jika fakta mengenai perlantikannya kepada jawatan itu diberitahu dalam *Warta* atau dalam mana-mana *Warta Negeri*;
- (g) perjalanan biasa alam, pembahagian waktu semula jadi dan rekaan manusia, pembahagian dunia mengikut geografi, pengertian perkataan Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab, hari-hari perayaan awam, puasa dan kelepasan awam yang diberitahu dalam *Warta* atau dalam mana-mana *Warta Negeri*;
- (h) nama anggota dan pegawai mahkamah serta timbalan dan pegawai bawahan dan pembantu mereka, dan juga nama semua pegawai yang bertindak melaksanakan prosesnya mahkamah, dan nama semua Peguam Syarie dan orang lain yang dibenarkan oleh undang-undang untuk hadir atau bertindak di hadapannya;
- (i) kaedah-kaedah jalan di darat, peraturan-peraturan laut dan kaedah-kaedah udara;
- (j) segala perkara lain yang mahkamah diarah oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya mengiktiraf.

(2) Dalam segala hal ini, dan juga mengenai segala perkara mengenai sejarah awam, sastera, sains atau seni, mahkamah boleh menggunakan buku atau dokumen rujukan yang sesuai untuk membantunya.

(3) Jika mahkamah diminta oleh mana-mana orang supaya memberi pengiktirafan kehakiman mengenai sesuatu fakta, ia boleh enggan berbuat demikian melainkan jika dan sehingga orang itu mengemukakan sesuatu buku atau dokumen sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi membolehkannya berbuat demikian.

45. (1) Tertakluk kepada subseksyen 17(2), tiada fakta perlu dibuktikan dalam mana-mana prosiding jika pihak-pihak dalam prosiding itu atau ejen-ejen mereka bersetuju untuk mengakuinya dalam perbicaraan itu atau jika sebelum perbicaraan itu, mereka bersetuju hendak mengaku secara bertulis di bawah tandatangan mereka, atau jika menurut apa-apa kaedah plidung yang berkuakuasa pada masa itu, mereka disifatkan telah mengakuinya dengan plidung mereka.
- (2) Mahkamah boleh, menurut budi bicaranya, menghendaki supaya fakta yang diajui itu dibuktikan dengan jalan lain daripada iqrar sedemikian.

BAB 4

KETERANGAN LISAN

46. Segala fakta, kecuali kandungan dokumen, boleh dibuktikan dengan keterangan lisan.
47. (1) Keterangan lisan hendaklah dalam segala hal apa pun diberikan secara langsung, iaitu—
- (a) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh dilihat, maka ia mestilah keterangan saksi yang mengatakan dia telah melihat fakta itu;
 - (b) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh didengar, maka ia mestilah keterangan seseorang saksi yang mengatakan dia telah mendengar fakta itu;
 - (c) jika ia merujuk kepada fakta yang boleh ditanggap melalui sesuatunya rasa lain atau dengan apa-apa cara lain, maka ia mestilah keterangan seorang saksi yang mengatakan dia telah menganggapnya dengan deria rasa itu atau dengan cara itu;
 - (d) jika ia merujuk kepada pendapat atau alasan yang berasaskannya pendapat itu dipegang, maka

Fakta yang diajui tidak perlu dibuktikan.

Pembuktian fakta dengan keterangan lisan.

Keterangan lisan mestilah secara langsung.

ia mestilah keterangan orang yang berpegang pada pendapat itu berasaskan alasan tersebut.

(2) Pendapat pakar yang dinyatakan dalam sesuatu treatis yang biasanya ditawarkan untuk jualan dan alasan yang berasaskannya pendapat itu dipegang bolehlah dibuktikan dengan mengemukakan treatis itu.

(3) Jika keterangan lisan itu merujuk kepada kewujudan atau keadaan apa-apa benda material, termasuk sesuatu dokumen, maka mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, menghendaki benda atau dokumen itu dikemukakan untuk pemeriksannya.

BAB 5

KETERANGAN DOKUMENTAR

- | | |
|-------------------------------------|--|
| Pembuktian
kandungan
dokumen. | 48. Kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau melalui keterangan sekunder. |
| Keterangan
primer. | 49. Keterangan primer ertiya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan mahkamah. |

Hurian 1—Jika sesuatu dokumen disempurnakan dalam beberapa bahagian, maka setiap babagian itu adalah keterangan primer bagi dokumen itu.

Jika sesuati dokumen disempurnakan dalam kaunterpart dan setiap kaunterpart itu disempurnakan oleh satu atau beberapa pihak sahaja, maka setiap kaunterpart itu adalah keterangan primer terhadap pihak yang menyempurnakannya.

Huraian 2—Jika sebilangan dokumen semuanya dibuat melalui satu proses yang seragam, seperti dalam hal percetakan, litografi, atau fotografi, maka setiap dokumen itu adalah keterangan primer bagi kandungan semua yang lainnya itu, tetapi jika dokumen itu semuanya salinan daripada dokumen asal yang sama, maka dokumen itu bukanlah keterangan primer mengenai kandungan dokumen asal itu.

Huraian 3—Sesuati dokumen yang dikeluarkan oleh komputer adalah keterangan primer.

MISALAN

Seseorang dibuktikan telah memiliki beberapa plakad, kesemuanya dicetak sekaligus daripada dokumen asal.

Mana-mana satu daripada plakad itu adalah keterangan primer mengenai kandungan mana-mana plakad yang lain itu, tetapi tiada satu pun daripadanya menjadi keterangan primer bagi kandungan dokumen asal itu.

50. Keterangan sekunder termasuklah—

Keterangan
sekunder

- (a) salinan diperakui yang diberikan menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung kemudian daripada itu;
- (b) salinan yang dibuat daripada naskah asal melalui proses mekanikal, yang sendirinya memastikan ketepatan salinan itu, dan juga salinan yang dibandingkan dengan salinan itu;
- (c) salinan yang dibuat daripada atau yang dibandingkan dengan naskah asal;
- (d) kaunterpart dokumen terhadap pihak yang tidak menyempurnakannya;
- (e) keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu dokumen yang diberikan oleh seseorang yang telah melihat atau mendengar sendiri dokumen itu atau menganggapnya dengan apa juar cara.

MISALAN

- (a) Fotograf dokumen asal adalah keterangan sekunder mengenainya, walau pun fotograf dan dokumen asal itu tidak dibandingkan, jika dibuktii bahawa benda yang telah difotograf itu adalah dokumen asal.
- (b) Salinan yang telah dibandingkan dengan salinan surat yang telah dibuat melalui mesin penyalin adalah keterangan sekunder mengenai kandungan surat itu sekiranya dibuktikan bahawa salinan yang dibuat daripada mesin penyalin itu telah dibuat dari dokumen asal.

- (c) Salinan yang disalin daripada suatu salinan tetapi kemudiannya dibandingkan dengan dokumen asal adalah keterangan sekunder; tetapi salinan yang tidak dibandingkan sedemikian itu bukanlah keterangan sekunder mengenai dokumen asal walaupun salinan yang daripadanya ia disalin telah dibandingkan dengan dokumen asal.
- (d) Keterangan lisan mengenai suatu salinan yang telah dibandingkan dengan dokumen asal ataupun keterangan lisan mengenai suatu fotograf atau salinan mesin dokumen asal tidaklah menjadi keterangan sekunder bagi dokumen asal.

Pembuktian
dokumen
dengan
keterangan
primer.

Hal-hal
dalam mana
keterangan
sekunder
berhubungan
dengan
dokumen
boleh
diberikan.

51. Dokumen mestilah dibuktikan dengan keterangan primer kecuali dalam hal yang tersebut kemudian daripada ini.

52. (1) Keterangan sekunder boleh diberikan mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan dalam hal-hal yang berikut—

- (a) apabila dokumen asal itu dibuktikan atau ternyata ada dalam milik atau di bawah kuasa—
 - (i) orang yang terhadapnya dokumen itu hendaklah dibuktikan; atau
 - (ii) mana-mana orang yang ada di luar bidang kuasa atau yang tidak tertakluk kepada proses mahkamah; atau
 - (iii) seseorang yang terikat di sisi undang-undang supaya mengemukakannya, dan setelah diberi notis yang tersebut dalam seksyen 53 orang itu tidak mengemukakannya.

- (b) apabila kewujudan, keadaan atau kandungan dokumen asal telah dibuktikan sebagai telah diakui secara bertulis oleh orang yang terhadapnya ia dibuktikan atau oleh wakilnya yang diakui secara bertulis di hadapan Hakim atau pesuruhjaya sumpah yang beragama Islam;

- (c) apabila dokumen asal itu telah musnah atau hilang, atau apabila pihak yang memberi keterangan mengenai kandungannya tidak boleh mengemukakannya dalam masa yang berpatutan kerana apa-apa sebab lain yang tidak berbangkit daripada kemungkinan atau keabaiannya sendiri;
- (d) apabila dokumen asal itu adalah sebegini keadaannya hingga ia tidak boleh dialih dengan mudah;
- (e) apabila dokumen asal adalah suatu dokumen awam dalam pengertian seksyen 57;
- (f) apabila dokumen asal itu adalah suatu dokumen, yang salinan diperakuinya dibenarkan oleh Enakmen ini atau oleh mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa di Malaysia untuk diberikan sebagai keterangan;
- (g) apabila dokumen asal itu mengandungi berbagai keterangan atau dokumen lain yang tidak boleh diperiksa dengan mudahnya di mahkamah, dan fakta yang hendak dibuktikan itu ialah kesimpulan am mengenai kesemuanya itu.

- (2) (a) Dalam hal yang tersebut dalam subseksyen (1)(a); (c) dan (d) apa-apa keterangan sekunder mengenai kandungan dokumen itu bolehlah diterima.
- (b) Dalam hal yang tersebut dalam subseksyen (1)(b), pengakuan bertulis di hadapan Hakim atau pesuruhjaya sumpah yang beragama Islam itu boleh diterima.
- (c) Dalam hal yang tersebut dalam subseksyen (1)(e) atau (f), hanya salinan diperakui dokumen itu boleh diterima.
- (d) Dalam hal yang tersebut dalam subseksyen (1)(g), keterangan boleh diberikan tentang kesimpulan am mengenai dokumen itu oleh orang yang telah memeriksanya dan yang mahir dalam pemeriksaan dokumen sedemikian.

Kaedah-
kaedah
tentang notis
untuk menge-
mukakan.

53. Keterangan sekunder mengenai kandungan dokumen yang tersebut dalam seksyen 52(1)(a) tidak boleh diberikan melainkan jika pihak yang bercadang hendak memberi keterangan sekunder itu terlebih dahulu memberi kepada pihak yang memiliki atau berkuasa atas dokumen itu, atau kepada Peguam Syarienya, suatu notis untuk mengemukakannya yang ditetapkan oleh undang-undang, dan jika tiada notis yang ditetapkan oleh undang-undang, apa-apa notis sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh mahkamah menurut keadaan kes itu:

Dengan syarat bahawa notis itu bukannya dikehendaki bagi menjadikan keterangan sekunder boleh diterima dalam mana-mana hal lain yang mahkamah fikirkan kehendak mengenai notis itu patut diketepikan:

- (a) apabila dokumen yang hendak dibuktikan itu sendirinya suatu notis;
- (b) apabila daripada keadaan kes itu pihak menentang mesti mengetahui yang dia akan dikehendaki mengemukakannya;
- (c) apabila ternyata atau terbukti bahawa pihak menentang telah memperolehi milik dokumen asal itu dengan cara fraud atau paksa;
- (d) apabila pihak menentang atau ejennya mempunyai dokumen asal itu dalam Mahkamah;
- (e) apabila pihak menentang atau ejennya telah mengaku kehilangan dokumen itu; atau
- (f) apabila orang yang memiliki dokumen itu berada di luar bidang kuasa atau tidak tertakluk kepada proses mahkamah.

Bukti tanda-
tangan dan
tolisan
tangan orang
yang dikata-
kan telah
menanda-
tangan atau
menulis
dokumen
yang di-
kemukakan.

54. Jika sesuatu dokumen dikatakan telah ditandatangani atau telah ditulis kesemuanya atau sebahagiannya oleh seseorang, maka tandatangan atau tulisan tangan mengenai sekian banyak daripada dokumen itu yang dikatakan sebagai dalam tulisan tangan orang itu hendaklah dibuktikan sebagai dalam tulisan tangannya.

55. (1) Pengakuan mengenai tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang melaksanakan dokumen itu.

Pengakuan
mengenai
tulisan,
tandatangan
atau meterai.

(2) Sesuatu pengakuan melalui dokumen yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterainya dan diserahkan kepada orang lain boleh diterima sebagai iqrar, dengan syarat seksyen 17(2) dipatuhi.

56. (1) Jika seseorang yang menyempurnakan sesuatu dokumen menafikan tulisan pada atau tanggungan yang

Pembuktian
dokumen.

diwujudkan oleh dokumen itu, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen tersebut hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi kepada dokumen itu.

(2) Jika saksi-saksi kepada dokumen itu tidak boleh didapati, tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu.

(3) Jika saksi kepada dokumen itu atau orang yang tersebut dalam subseksyen (2) boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan itu, orang yang menyempurnakan dokumen tersebut hendaklah terikat dengan apa-apa tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu.

(4) Jika saksi kepada dokumen itu atau orang yang tersebut dalam subseksyen (2) tidak mengenal pasti tulisan dan tandatangan pada dokumen itu sepenuhnya, maka tulisan dan tandatangan pada dokumen itu hendaklah disahkan oleh sekurang-kurangnya dua orang pakar.

(5) Jika tulisan dan tandatangan pada dokumen itu telah disahkan oleh pakar, maka orang yang menyempurnakan dokumen itu hendaklah terikat dengan apa-apa tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu.

(6) Jika sesuatu dokumen tidak boleh dibuktikan dengan mana-mana cara yang disebut terdahulu, orang yang menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah, apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu adalah orang yang menyempurnakan, mengangkat sumpah, dan jika ia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutannya membuktikan tuntutannya.

Dokumen Awam

Dokumen awam.

57. Dokumen-dokumen yang berikut adalah dokumen awam—

- (a) dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan—
 - (i) kuasa pemerintah berdaulat;
 - (ii) badan-badan rasmi dan tribunal; dan
 - (iii) pegawai awam, perundangan, kehakiman dan eksekutif, sama ada bagi Persekutuan atau Negeri; dan
- (b) rekod awam yang disimpan di Malaysia mengenai dokumen persendirian.

Dokumen persendirian.

58. Segala dokumen selain daripada dokumen yang disebut dalam seksyen 57 adalah dokumen persendirian.

Salinan diperakui bagi dokumen awam.

59. Tiap-tiap pegawai awam yang mempunyai dalam jagaannya sesuatu dokumen awam yang seseorang ada hak memeriksa hendaklah memberikan kepada orang itu, apabila diminta, salinan dokumen itu apabila fee di sisi undang-undang baginya dibayar, berserta dengan suatu perakuan ditulis di kaki salinan itu bahawa ia adalah salinan yang benar bagi dokumen itu atau bahagiannya, mengikut mana-mana yang berkenaan dan perakuan itu hendaklah ditarikhkan serta ditandatangani oleh pegawai itu dengan nama dan jawatan rasminya, dan hendaklah dimeterai jika pegawai itu dibenarkan oleh undang-undang menggunakan sesuatu meterai, dan salinan yang diperakui demikian hendaklah dipanggil salinan diperakui.

*Huraian—*Mana-mana seorang pegawai yang diberi kuasa menyerahkan salinan itu dalam perjalanan biasa tugas rasmiinya hendaklah dalam pengertian seksyen itu disifatkan mempunyai jagaan ke atas dokumen itu.

60. Salinan yang diperakui mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 59 boleh dikemukakan bagi membuktikan kandungan dokumen awam atau bahagian dokumen awam itu yang mengenainya ia berupa sebagai salinan.

Pembuktian
dokumen
dengan
mengemuka-
kan salinan
diperakui.

61. Dokumen awam yang berikut bolehlah dibuktikan seperti berikut—

Bukti bagi
dokumen
rasmi
tertentu.

- (a) tindakan, perintah atau pemberitahuan Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri dalam mana-mana jabatannya—
 - (i) melalui rekod jabatan itu yang diperakui oleh ketua jabatan itu masing-masing; atau
 - (ii) oleh Menteri dalam hal Kerajaan Persekutuan, dan oleh Menteri Besar, Ketua Menteri atau Menteri Negeri (jika ada) atau Setiausaha Kerajaan Negeri dalam hal Kerajaan Negeri; atau
 - (iii) melalui apa-apa dokumen yang berupa sebagai dicetak dengan kuasa Kerajaan yang berkenaan.
- (b) prosiding Parlimen atau badan perundangan mana-mana Negeri, melalui minit mesyuarat badan itu, atau melalui Akta Parlimen, Ordinan, Enakmen atau ringkasan yang disiarkan atau, melalui salinan yang berupa sebagai dicetak dengan kuasa kerajaan yang berkenaan;
- (c) prosiding sesuatu badan perbandaran, lembaga bandaran atau pihak berkuasa tempatan yang lain di Malaysia, melalui suatu salinan prosiding itu yang diperakui oleh penyimpannya yang sah, atau melalui suatu buku bercetak yang berupa sebagai diterbitkan dengan kuasa badan itu;

- (d) tindakan eksekutif atau prosiding badan perundangan sesuatu negara asing, melalui *Warta* yang disiarkan dengan kuasanya atau yang biasanya diterima di negara itu sedemikian, melalui salinan yang diperakui di bawah meterai negara itu atau pemerintah berdaulatnya atau melalui suatu pengiktirafannya dalam sesuatu Akta, Ordinan Malaysia atau Enakmen mana-mana negeri;
- (e) dokumen awam daripada apa-apa kelas lain di sesuatu negara asing, melalui dokumen asal atau melalui salinan yang diperakui oleh penyimpannya yang sah di sisi undang-undang, berserta dengan suatu perakuan yang dimeterai dengan meterai notari awam atau pegawai konsul Malaysia bahawa salinan itu diperakui dengan wajar oleh pegawai yang mempunyai jagaan yang sah ke atas dokumen asal itu dan apabila jenis dokumen itu dibuktikan mengikut undang-undang negara asing itu.

Anggapan Tentang Dokumen

Anggapan
mengenai
ketulenan
salinan
diperakui.

62. (1) Mahkamah hendaklah menganggap sebagai tulen tiap-tiap dokumen yang berupa sebagai suatu perakuan, salinan diperakui atau dokumen lain yang ditetapkan oleh undang-undang boleh diterima sebagai keterangan mengenai sesuatu fakta tertentu, dan yang berupa sebagai diperakui dengan wajar oleh mana-mana pegawai kerajaan di dalam atau di luar Malaysia yang diberi kuasa bagi maksud itu:

Dengan syarat bahawa dokumen itu adalah pada hakikatnya mengikut bentuk dan berupa sebagai disempurnakan mengikut cara yang diarahkan oleh undang-undang bagi maksud itu.

- (2) Mahkamah hendaklah juga menganggap bahawa mana-mana pegawai yang olehnya mana-mana dokumen sedemikian berupa sebagai telah ditandatangani atau

diperakui memegang, pada masa dia menandatanganinya, jawatan rasmi yang dinyatakannya dalam dokumen itu.

63. Apabila dikemukakan di hadapan mana-mana mahkamah sesuatu dokumen yang berupa sebagai suatu rekod atau memorandum keterangan atau mengenai mana-mana sebahagian keterangan yang telah diberikan oleh seseorang saksi dalam sesuatu prosiding kehakiman atau di hadapan seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh undang-undang bagi mengambil keterangan itu, atau yang berupa sebagai suatu iqrar oleh seseorang banduan atau seseorang tertuduh, yang telah diambil mengikut undang-undang dan yang berupa sebagai ditandatangani oleh seseorang Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret atau oleh mana-mana pegawai yang disebut terdahulu, maka mahkamah hendaklah menganggap bahawa—

Anggapan tentang dokumen yang dikemukakan sebagai rekod keterangan.

- (a) dokumen itu adalah tulen;
- (b) apa-apa pernyataan yang berupa sebagai dibuat oleh orang yang menandatanganinya tentang hal keadaan dalam mana ia telah diambil adalah benar; dan
- (c) keterangan, pernyataan atau iqrar itu telah diambil dengan wajar.

64. Mahkamah hendaklah menganggap ketulenan tiap-tiap dokumen yang berupa sebagai *Warta Kerajaan Persekutuan* atau mana-mana Kerajaan Negeri, atau berupa sebagai akhbar atau jurnal dan tiap-tiap dokumen yang berupa sebagai dokumen yang diarah oleh mana-mana undang-undang supaya disimpan oleh mana-mana orang, jika dokumen itu disimpan pada hakikatnya mengikut cara yang dikehendaki oleh undang-undang dan dikemukakan daripada jagaan wajar.

Anggapan tentang *Warta*, akhbar, dsb.

65. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa peta atau pelan yang berupa sebagai dibuat dengan kuasa Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri telah dibuat sedemikian dan adalah tepat.

Anggapan tentang pera atau pelan yang dibuat dengan kuasa Kerajaan.

Anggapan tentang kumpulan undang-undang dan laporan keputusan.

66. Mahkamah hendaklah menganggap ketulenan tiap-tiap buku yang berupa—

- (a) sebagai dicetak atau diterbitkan di bawah kuasa Kerajaan mana-mana negara dan sebagai mengandungi apa-apa undang-undang negara itu; atau
- (b) sebagai mengandungi laporan keputusan-keputusan mahkamah negara itu.

Anggapan tentang surat kuasa wakil.

67. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa tiap-tiap dokumen yang berupa sebagai surat kuasa wakil, dan sebagai telah disempurnakan di hadapan serta disahkan oleh Hakim atau pegawai konsul Malaysia telah disempurnakan dan disahkan sedemikian.

Anggapan tentang salinan diperakui bagi rekod kehakiman negara asing.

68. Mahkamah boleh menganggap bahawa mana-mana dokumen yang berupa sebagai salinan diperakui bagi sesuatu rekod kehakiman mana-mana negara asing adalah tulen dan tepat jika dokumen itu berupa sebagai diperakui dengan apa-apa cara yang diperakui oleh wakil Yang di-Pertuan Agong di dalam atau bagi negara itu sebagai cara yang biasanya dipakai di dalam negara itu bagi memperakui salinan rekod kehakiman.

Anggapan tentang buku, peta, dan carta.

69. Mahkamah boleh menganggap bahawa mana-mana buku yang dirujuk olehnya untuk mendapat maklumat mengenai Hukum Syara' atau mengenai apa-apa perkara kepentingan awam atau kepentingan am, dan bahawa mana-mana peta atau carta yang disiarkan yang pernyataan di dalamnya adalah fakta relevan dan yang dikemukakan untuk pemeriksannya, telah ditulis dan disiarkan oleh orang dan pada masa dan di tempat yang ia berupa telah ditulis atau disiarkan.

Anggapan tentang perutusan telegraf.

70. Mahkamah boleh menganggap bahawa sesuatu perutusan yang dihantar dari sesuatu pejabat telegraf kepada orang yang perutusan itu berupa dialamatkan adalah bersamaan dengan perutusan yang telah diserahkan untuk dihantar di pejabat yang darinya perutusan itu berupa

telah dihantar; tetapi mahkamah tidak boleh membuat apa-apa anggapan tentang siapakah yang telah menyerahkan perutusan itu untuk dihantar.

71. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa yang tiap-tiap dokumen yang telah diminta dan tidak dikemukakan, setelah notis supaya mengemukakannya diberi di bawah seksyen 53, telah diakusaksi, disetem dan disempurnakan mengikut cara yang dikehendaki oleh undang-undang.
- Anggapan tentang penyempurnaan wajar, dsb.. mengenai dokumen yang tidak dikemukakan.

BAHAGIAN III

PENGEMUKAAN DAN KESAN KETERANGAN

BAB 6

BEBAN MEMBUKTIKAN

72. Dalam kes mal, beban mengemukakan keterangan terletak pada pihak yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al Mudd'a'i) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al Mudd'a'alaih).
- Beban mengemukakan keterangan dalam kes mal.

73. (1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberi penghakiman tentang apa-apa hak atau liabiliti di sisi undang-undang dengan bergantung atas kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.
- Beban membuktikan.
- (2) Apabila seseorang terikat membuktikan kewujudan sesuatu fakta, maka beban membuktikan terletak pada orang itu.

MISALAN

A berhasrat supaya mahkamah memberikan penghakiman supaya *B* dihukum kerana jenayah yang *A* katakan telah dilakukan oleh *B*.

A mesti membuktikan bahawa *B* telah melakukan jenayah itu.

Pada siapa terletaknya beban membuktikan.

74. Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding adalah terletak pada orang yang mungkin gagal sekiranya tiada apa-apa keterangan jua pun diberikan oleh mana-mana pihak.

Beban membuktikan fakta tertentu.

75. Beban membuktikan sesuatu fakta tertentu adalah terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu.

MISALAN

A berkehendakkan mahkamah mempercayai bahawa pada masa yang berkenaan itu dia berada di suatu tempat lain.

A mestilah membuktikannya.

Beban membuktikan fakta yang perlu dibuktikan supaya keterangan boleh diterima.

76. Beban membuktikan mana-mana fakta yang perlu dibuktikan untuk membolehkan seseorang memberi keterangan mengenai mana-mana fakta lain adalah terletak pada orang yang hendak memberikan keterangan itu.

MISALAN

(a) A berhasrat untuk membuktikan suatu akuan marad-al-maut yang dibuat oleh B.

A mesti membuktikan marad-al-maut itu dan kematian B.

(b) A berhasrat untuk membuktikan dengan keterangan sekunder tentang kandungan suatu dokumen yang telah hilang.

A mestilah membuktikan bahawa dokumen itu telah hilang.

Beban membuktikan bahawa kes orang yang dituduh adalah termasuk di dalam kecualian Set. Enakmen 9/1995.

77. Apabila seseorang dituduh atas sesuatu kesalahan, maka beban membuktikan kewujudan hal keadaan yang menjadikan kes itu termasuk dalam mana-mana kecualian am yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah terletak padanya, dan mahkamah hendaklah menganggapkan hal keadaan tersebut sebagai tidak ada.

MISALAN

(a) *A* dituduh bersekedudukan dengan *B*.

Pendakwa mengemukakan keterangan menunjukkan bahawa *A* telah menceraikan *B*, isterinya.

A mendakwa bahawa dia dipaksa menceraikan isterinya.

Beban membuktikan bahawa dia dipaksa itu terletak pada *A*.

(b) *C* dituduh melakukan persetubuhan secara haram dengan *D*.

C mendakwa bahawa dia telah berkahwin dengan *D* di sebuah negara asing.

Beban membuktikan perkahwinan itu berlaku terletak pada *C*.

78. Apabila mana-mana fakta diketahui secara khas oleh seseorang, maka beban bagi membuktikan fakta itu terletak padanya.

Beban
membuktikan
fakta yang
diketahui
secara khas.

MISALAN

Apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan sesuatu niat yang lain daripada niat yang dibayangkan oleh sifat dan hal keadaan perbuatan itu, beban membuktikan niat itu adalah terletak padanya.

79. Apabila soalnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa orang itu masih hidup dalam masa tiga puluh tahun, beban membuktikan bahawa dia telah mati adalah terletak pada orang yang menegaskannya.

Beban
membuktikan
ke matian
orang yang
diketahui
masih hidup
dalam masa
30 tahun.

80. Apabila soalnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang-orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya sekiranya dia masih hidup, maka beban membuktikan bahawa dia masih hidup berpindah kepada orang yang menegaskannya.

Beban
membuktikan
seseorang
yang
khabarnya
mengenainya
telah tidak
didengari
selama 4
tahun masih
hidup.

Beban membuktikan tentang pemunyaa.

Mahkamah boleh menganggap kewujudan fakta tertentu.

81. Apabila soalnya ialah sama ada seseorang adalah pemunya apa-apa benda yang dibuktikan sebagai ada dalam mitsiknya, beban membuktikan bahawa dia bukanlah pemunya benda itu adalah terletak pada orang yang menegaskan bahawa dia bukan pemunyanya.

82. Mahkamah boleh menganggap kewujudan apa-apa fakta yang difikirkannya mungkin telah berlaku, setelah mengambil perhatian akan perjalanan biasa kejadian semulajadi, kelakuan manusia dan urusan awam dan peribadi, dalam hubungannya dengan fakta bagi sesuatu hal yang tertentu.

MISALAN

Mahkamah boleh menganggap—

- (a) bahawa tindakan kehakiman dan rasmi telah dilaksanakan mengikut peraturan;
- (b) bahawa perjalanan biasa urusan telah diikuti dalam hal-hal tertentu.

BAB 7

SAKSI

Siapa yang boleh memberi keterangan sebagai saksi.

83. (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini semua orang Islam adalah kompeten memberi *syahadah* atau *bayyinah* sebagai saksi dengan syarat mereka hendaklah akil, baligh, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak menimbulkan tohmah.

Huraian—Seseorang Islam adalah disifatkan adil jika dia menunaikan *obligasi agamanya*, melaksanakan tanggungjawab keagamaan yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak berkekalan mesukkan dosa kecil.

(2) Seseorang yang bukan Islam adalah kompeten memberi *bayyinah* untuk seorang Islam jika keterangan boleh diterima mengikut Hukum Syara'.

Huraian—*Bayyinah* seorang pakar bukan Islam terhadap seorang Islam boleh diterima jika perlu.

(3) Seseorang yang tidak adil adalah kompeten memberi bayyinah tetapi tidak kompeten memberi syahadah.

(4) Seseorang yang belum baligh atau seseorang yang tidak sempurna akal adalah kompeten memberi bayyinah tetapi tidak kompeten memberi syahadah.

Huraian—Bayyinah seorang kanak-kanak dalam kes kecederaan yang dilakukan oleh beberapa orang kanak-kanak ke atas yang lain boleh diterima dengan syarat mereka tidak berselisih faham dan mereka berada di tempat kejadian itu.

(5) Seseorang yang mempunyai lemah ingatan atau pelupa atau mengidap hilang ingatan adalah kompeten memberi bayyinah tetapi tidak kompeten memberi syahadah.

(6) Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baiknya dan mempunyai kepentingan dengan pihak menentang adalah kompeten memberi bayyinah tetapi tidak kompeten memberi syahadah bagi pihak itu.

(7) Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan buruk dengan pihak menentang adalah kompeten memberi bayyinah tetapi tidak kompeten memberi syahadah.

84. (1) Seseorang saksi yang tidak dapat bercakap boleh saksi bisu. membéri bayyinah dengan apa-apa cara yang boleh difahami seperti melalui tulisan atau isyarat.

(2) Bayyinah yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah dilakukan dalam mahkamah terbuka.

85. (1) Keterangan seorang suami terhadap isterinya dan keterangan isteri terhadap suaminya boleh diterima sebagai syahadah dan bayyinah.

Keterangan
suami, isteri,
ibu, bapa,
dan anak.

(2) Keterangan seorang anak terhadap ibu bapanya dan keterangan ibu bapa terhadap anaknya boleh diterima sebagai syahadah dan bayyinah.

(3) Keterangan seorang suami bagi isterinya dan keterangan isteri bagi suaminya boleh diterima sebagai bayyinah.

(4) Keterangan ibu bapa bagi anaknya dan keterangan anak bagi ibu bapanya boleh diterima sebagai bayyinah.

Bilangan
saksi.

86. (1) Dakwaan oleh seseorang yang dikenali sebagai kaya bahawa dia telah menjadi papa adalah tidak mencukupi bagi membuktikan dakwaannya melainkan jika ia disokong oleh tiga orang saksi lelaki.

Huraian—Dalam paditan zakat, pengakuan oleh seorang kaya bahawa dia telah menjadi papa tidaklah menjadi bukti yang mencukupi melainkan ia disokong oleh keterangan tiga orang saksi lelaki.

(2) Dalam hal melihat anak bulan, keterangan seorang lelaki yang adil adalah mencukupi bagi membuktikan fakta itu.

(3) Keterangan seorang lelaki hendaklah menjadi bukti yang cukup dalam hal keadaan yang berikut—

- (a) keterangan seorang guru dalam hal yang melibatkan murid sekolah;
- (b) keterangan pakar dalam menilai barang rosak;
- (c) keterangan mengenai penerimaan dan penolakan saksi;
- (d) pemberitahuan mengenai pemecatan wakil;
- (e) keterangan mengenai ketacatan dalam barang untuk dijual.

(5) Keterangan seorang perempuan adalah mencukupi bagi membuktikap apa-apa fakta yang biasanya dilihat oleh atau dalam pengetahuan seorang perempuan.

MISALAN

Keterangan seorang perempuan yang menyusukan seorang bayi atau keterangan seorang bidan dalam perkara haidh, kelahiran dan penyusuan boleh diterima.

(6) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

87. (1) Dalam kes-kes mal, keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan defendant, dan jika defendant menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah diminta mengangkat sumpah mengikut Hukum Syaria'. Cara memberi keterangan.

(2) (a) Jika defendant mengangkat sumpah di bawah subseksyen (1), tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak.

(b) Jika defendant enggan mengangkat sumpah maka mahkamah bolehlah meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah tersebut tuntutannya hendaklah diterima.

(3) Dalam kes-kes jenayah, keterangan hendaklah diberikan bagi pihak pendakwa dan bagi pihak tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah.

88. Jika dalam suatu kes mal, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan bersama-sama dengan sumpah plaintif. Keterangan oleh seorang saksi dan sumpah plaintif.

MISALAN

Dalam suatu tuntutan pembayaran hutang oleh plaintif terhadap defendant, keterangan seorang saksi yang dikemukakan oleh plaintif yang diberikan bersama-sama dengan sumpah plaintif boleh menjadi bukti yang cukup terhadap tuntutannya.

BAB 8

PEMERIKSAAN SAKSI

Susunan
pengemukuan
dan
pemeriksaan
saksi.

89. Susunan bagaimana saksi-saksi dikemukakan dan diperiksa hendaklah dikawalselia oleh undang-undang dan amalan yang ada pada masa itu berhubung dengan prosedur mal dan jenayah masing-masing, dan sekiranya tiada undang-undang sedemikian, menurut budi bicara mahkamah.

Mahkamah
akan
menutuskan
keboleh-
terimaan
keterangan.

90. (1) Apabila salah satu pihak bercadang hendak memberi keterangan sesuatu fakta, mahkamah bolehlah bertanya kepada pihak yang bercadang hendak memberi keterangan itu bagaimanakah fakta yang dikatakan itu, jika dibuktikan, akan menjadi qarinah; dan mahkamah hendaklah menerima keterangan itu jika difikirkannya bahawa fakta itu, jika dibuktikan, akan menjadi qarinah, dan tidak selainnya.

(2) Jika fakta yang dicadangkan hendak dibuktikan itu adalah suatu fakta yang keterangan mengenainya boleh diterima hanya setelah sesuatu fakta lain dibuktikan, maka fakta yang kemudian disebut itu mestilah dibuktikan sebelum keterangan diberi mengenai fakta yang mula-mula disebut itu, melainkan jika pihak itu mengakujanji hendak membuktikan fakta itu dan mahkamah berpuas hati dengan akujanji itu.

(3) Jika kerelevan suatu fakta yang dikatakan adalah bergantung kepada terbuktinya terlebih dahulu suatu fakta lain yang dikatakan, mana mahkamah boleh, menurut budi bicaranya, sama ada membenarkan keterangan mengenai fakta yang pertama itu diberikan sebelum fakta yang kedua itu dibuktikan, ataupun menghendaki supaya keterangan diberikan mengenai fakta yang kedua itu sebelum keterangan diberikan mengenai fakta yang pertama itu.

MISALAN

- (a) Adalah dicadangkan hendak membuktikan suatu pernyataan berkenaan dengan suatu fakta relevan yang telah dibuat oleh seseorang yang dikatakan telah mati, iaitu pernyataan yang adalah qarinah di bawah seksyen 20.

Fakta bahawa orang itu telah mati mestilah dibuktikan oleh orang yang bercadang hendak membuktikan pernyataan itu sebelum keterangan diberikan mengenai pernyataan itu.

- (b) Adalah dicadangkan hendak membuktikan kandungan suatu ~~dokumen~~ yang dikatakan telah hilang dengan mengemukakan salinan suatu salinannya.

Fakta bahawa dokumen asal itu telah hilang mestilah dibuktikan oleh orang yang bercadang hendak mengemukakan salinan itu sebelum salinan itu dikemukakan.

- 1) Pemeriksaan seseorang saksi oleh pihak yang menggilnya adalah disebut pemeriksaan utamanya.

Pemeriksaan utama.
Pemeriksaan
balas,
pemeriksaan
semula.

Pemeriksaan seseorang saksi oleh pihak menentang dia disebut pemeriksaan balasnya.

Jika seseorang saksi telah diperiksa balas dan diainya diperiksa oleh pihak yang telah menggilnya, maka pemeriksaan itu adalah disebut pemeriksaan semulanya.

- 2) S~~O~~si-saksi hendaklah mula-mulanya diperiksa utama, kemudiannya, diperiksa balas jika diendaki sedemikian, oleh pihak menentang, diainya pula, diperiksa semula jika dikehendaki diainya oleh pihak yang telah memanggil mereka.

Susunan
pemeriksaan
dan arahan
mengenai
pemeriksaan
semula.

Pemeriksaan dan pemeriksaan balas mestilah ibungan dengan fakta-fakta relevan, tetapi pemeriksaan balas tidak perlu dihadkan kepada fakta yang telah diberikan sebagai keterangan oleh saksi dalam pemeriksaan utamanya.

(3) Pemeriksaan semula hendaklah diarahkan kepada penghuraian perkara-perkara disebut dalam pemeriksaan balas, dan jika, dengan kebenaran mahkamah, suatu perkara baru dikemukakan dalam pemeriksaan semula, maka pihak menentang boleh selanjutnya memeriksa balas atas perkara itu.

(4) Mahkamah boleh dalam segala hal membenarkan seseorang saksi dipanggil semula sama ada untuk pemeriksaan utama selanjutnya atau untuk pemeriksaan balas selanjutnya, dan jika mahkamah membenarkan sedemikian maka pihak-pihak adalah berhak kepada pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula selanjutnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemeriksaan
balas orang
yang
dipanggil
supaya
mengemukakan sesuatu
dokumen.

93. Seseorang yang disaman supaya mengemukakan sesuatu dokumen tidaklah menjadi seorang saksi semata-mata oleh sebab dia mengemukakan dokumen itu, dan dia tidak boleh diperiksa balas melainkan jika dan sehingga dia dipanggil sebagai seorang saksi.

Saksi-saksi
berkenaan
dengan
watak.

94. Saksi-saksi berkenaan dengan watak boleh diperiksa balas dan diperiksa semula.

Soalan-soalan
memimpin.

95. Apa-apa soalan yang menyarankan jawapan yang hendak atau yang dijangka akan didapati oleh orang yang mengemukakannya atau yang menyarankan fakta-fakta yang dipertikaikan yang saksi itu dikehendaki memberi keterangan, adalah disebut soalan memimpin.

Bila soalan-
soalan
memimpin
tidak boleh
ditanya.

96. (1) Soalan-soalan memimpin tidak boleh, jika dibantah oleh pihak menentang, ditanya dalam pemeriksaan utama atau dalam pemeriksaan semula, kecuali dengan kebenaran mahkamah.

(2) Mahkamah hendaklah membenarkan soalan-soalan memimpin tentang perkara pengenalan atau perkara yang tidak dipertikaikan, atau perkara yang pada pendapatnya telah terbukti dengan secukupnya.

- (b) menentukan siapa dia dan apakah taraf hidupnya; atau
- (c) melemahkan kebolehpercayaannya dengan mencela wataknya walaupun jawapan kepada soalan tersebut mungkin secara langsung atau tak langsung, cenderung kepada melibatkannya dalam jenayah atau boleh mendedahkan atau mungkin secara langsung atau tak langsung cenderung kepada mendedahkannya kepada sesuatu penalti atau lucuthak.

103. (1) Jika sesuatu soalan adalah berhubungan dengan sesuatu perkara yang tak relevan dengan guaman atau prosiding itu, kecuali setakat yang soalan itu menyentuh kebolehpercayaan saksi itu dengan mencela wataknya, maka mahkamah hendaklah memutuskan sama ada saksi itu boleh dipaksa menjawab soalan itu atau tidak, dan mahkamah boleh, jika difikirkannya tidak patut memaksa saksi itu menjawab soalan itu, mengingatkan saksi itu bahawa dia tidak terpaksa menjawabnya.

Mahkamah akan memutuskan bila soalan-soalan hendak ditanya dan bila saksi dipaksa menjawab.

(2) Pada menjalankan budi bicaranya, mahkamah hendaklah mengambil perhatian akan perkara-perkara yang berikut—

- (a) soalan-soalan itu adalah wajar jika ia sedemikian rupa hingga kebenaran tohmahan yang dibayangkan olehnya itu akan benar-benar menyentuh pendapat mahkamah tentang kebolehpercayaan saksi itu atas perkara yang dinyatakannya;
- (b) soalan-soalan itu adalah tak wajar jika tohmahan yang dibayangkan olehnya itu adalah berhubungan dengan perkara-perkara yang telah berlaku sebegini lama dahulu atau yang berkeadaan sedemikian sehingga kebenaran tohmahan itu tidak akan menyentuh atau akan menyentuh sedikit sahaja pendapat mahkamah tentang kebolehpercayaan saksi itu atas perkara yang dinyatakan;

97. (1) Soalan-soalan memimpin boleh ditanya dalam pemeriksaan balas, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut—

Bila soalan
soalan
memimpin
boleh
ditanya.

- (a) soalan itu tidak boleh mengandungi perkataan-perkataan yang saksi itu dikehendaki memperkatakan balik; dan
- (b) soalan itu tidak boleh menganggap fakta-fakta yang belum terbuktı sebagai telah terbuktı atau mensifatkan bahawa jawapan-jawapan tertentu telah diberikan berlawanan dengan fakta itu.

(2) Mahkamah boleh, menurut budi bicaranya, mlarang soalan-soalan memimpin daripada dikemukakan kepada saksi yang menunjukkan kecenderungan yang kuat atau berat sebelah memihak kepada pihak yang memeriksa balas.

98. Mana-mana saksi boleh ditanya semasa dalam pemeriksaan sama ada apa-apa kontrak, pemberian atau pelupusan lain mengenai harta yang berkenaan dengannya dia memberi keterangan itu tidak terkandung dalam sesuatu dokumen, dan jika dia mengatakan ada, atau sekiranya dia hampir hendak membuat apa-apa pernyataan tentang kandungan sesuatu dokumen yang, pada pendapat mahkamah, patut dikemukakan, maka pihak menentang boleh membantab keterangan itu diberikan sehingga dokumen itu dikemukakan atau sehingga terbuktı fakta-fakta yang memberi hak kepada pihak yang telah memanggil saksi itu untuk memberi keterangan sekunder mengenainya.

Keterangan
tentang
perkara-
perkara
ber tolis.

Huraian—Seseorang saksi boleh memberikan keterangan lisan mengenai pernyataan-pernyataan yang telah dibuat oleh orang lain mengenai kandungan dokumen jika pernyataan-pernyataan itu adalah sendirinya fakta-fakta relevan.

MISALAN

Soalnya ialah sama ada *A* telah menyerang *B*.

C mendeposkan bahawa dia telah mendengar *A* berkata kepada *D*: “*B* telah menulis surat menuduh saya mencuri dan saya akan membala dendam terhadapnya”. Pernyataan adalah relevan sebagai menunjukkan motif serangan itu dan keterangan boleh diberikan mengenai pernyataan itu walaupun tiada apa-apa keterangan lain diberikan berkenaan dengan surat itu.

Pemeriksaan balas tentang pernyataan berulis yang dahulu.

99. (1) Seseorang saksi boleh diperiksa balas tentang pernyataan-pernyataan dahulu yang dibuat olehnya secara bertulis atau yang diubah ke dalam bentuk tulisan, dan yang relevan dengan perkara-perkara yang dipersoalkan dalam guaman atau prosiding yang dalamnya dia diperiksa balas itu, tanpa tulisan itu ditunjukkan kepadanya atau dibuktikan; tetapi jika dimaksudkan hendak menyangkal saksi itu dengan tulisan itu, maka saksi itu mestilah, sebelum tulisan itu boleh dibuktikan, diminta supaya mengambil perhatian kepada mana-mana tulisan yang hendak digunakan bagi maksud menyangkalnya.

(2) Jika seseorang saksi, apabila diperiksa balas tentang pernyataan lisan dahulu yang dibuat olehnya yang relevan dengan perkara-perkara yang dipersoalkan dalam guaman atau prosiding yang dalamnya dia diperiksa balas itu dan yang tak konsisten dengan testimoni yang sedang diberinya, tidak mengaku dengan nyata bahawa dia telah membuat pernyataan itu, maka bukti bolehlah diberikan yang dia telah sebenarnya membuat pernyataan lisan itu; tetapi sebelum bukti boleh diberikan hal keadaan pernyataan yang dikatakan itu yang cukup untuk menentukan hal kejadian tertentu itu mestilah disebutkan kepada saksi itu, dan dia mestilah ditanya sama ada dia telah membuat pernyataan itu atau tidak:

Soalan-soalan yang sah dalam pemeriksaan balas.

100. Apabila seseorang saksi boleh diperiksa balas, maka dia bolehlah, sebagai tambahan kepada soalan-soalan yang disebut terdahulu daripada ini, ditanya apa-apa soalan yang cenderung kepada—

(a) menguji ketepatannya, kebenarannya atau kebolehpercayaannya;

- (c) soalan-soalan itu adalah tak wajar jika terdapat ketakseimbangan besar antara kepentingan tohmahan yang dibuat ke atas watak saksi itu dengan kepentingan keterangannya;
- (d) mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, mengambil kesimpulan daripada keengganan saksi itu menjawab bahawa jawapannya jika diberikan tidak akan memberikan faedah kepadanya.

Soalan tidak boleh ditanya tanpa alasan yang munasabah.

- 102.** Tiada apa-apa soalan seperti yang tersebut dalam seksyen 101 boleh ditanya melainkan jika orang yang bertanya itu mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi memikirkan bahawa tohmahan yang dibayangkan oleh soalan itu betul-betul berasas.

MISALAN

- (a) Seorang Peguam Syarie diberitahu oleh seorang Peguam Syarie lain atau suatu sumber yang boleh dipercayai bahawa seorang saksi penting adalah seorang penjudi profesional. Ini adalah suatu alasan yang munasabah bagi menanya saksi itu sama ada dia seorang penjudi profesional.
- (b) Seorang Peguam Syarie diberitahu oleh seseorang di dalam mahkamah bahawa seorang saksi penting adalah seorang penjudi profesional. Apabila ditanya oleh Peguam Syarie itu, pemberi maklumat itu memberikan sebab-sebab yang memuaskan bagi pernyataan itu. Ini adalah suatu alasan yang munasabah bagi menanya saksi itu sama ada dia seorang penjudi profesional.
- (c) Seorang saksi yang tidak diketahui apa-apa pun mengenainya ditanya secara rambang sama ada dia seorang penjudi profesional. Di sini tidak ada apa-apa alasan munasabah bagi soalan itu.
- (d) Seorang saksi yang tiada pun diketahui apa-apa pun mengenainya apabila disoal mengenai cara hidup dan mata pencarciannya, memberi jawapan yang tidak memuaskan. Ini boleh jadi suatu alasan yang munasabah bagi menanya saksi itu sama ada dia seorang penjudi profesional.

103. Jika mahkamah berpendapat sesuatu soalan seperti yang tersebut dalam seksyen 101 telah ditanya tanpa alasan-alasan yang munasabah, maka mahkamah boleh jika soalan itu telah ditanya oleh seorang Peguam Syarie melaporkan hal keadaan itu kes kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Selangor atau pihak berkuasa lain yang kepadanya Peguam Syarie itu tertakluk dalam menjalankan profesionnya.

Prosedur
Mahkamah
sekitaranya
soalan
ditanya tanpa
alasan-alasan
yang
munasabah.

104. Mahkamah boleh melarang apa-apa soalan atau pertanyaan yang disifatkan sebagai lucu atau bersifat kandal, walaupun soalan atau pertanyaan itu mungkin ada hubungan dengan soalan-soalan yang ada di hadapan mahkamah, melainkan jika soalan atau pernyataan itu berhubungan dengan fakta persoalan atau perkara-perkara yang perlu diketahui untuk menentukan sama ada fakta persoalan itu wujud atau tidak.

Soalan lucu
dan bersifat
skandal.

105. Mahkamah hendaklah melarang apa-apa soalan yang ternyata padanya bertujuan menghina atau menggusar, atau apa-apa yang ternyata padanya bersifat menyinggung atau tak sewajarnya walaupun soalan itu adalah sendirinya wajar.

Soalan-soalan
yang
bertujuan
bersifat
menghina
atau
menggusar.

106. Apabila seseorang saksi telah ditanya dan telah menjawab sesuatu soalan yang relevan dengan siasatan itu hanya setakat yang ia cenderung kepada melemahkan kebolehpercayaannya dengan mencela wataknya, tiada keterangan boleh diberikan bagi menyangkal; tetapi jika dia memberi jawapan palsu, maka dia boleh kemudiannya dipertuduh kerana memberi keterangan palsu.

Penyingkiran
keterangan
bagi
menyangkal
jawapan-
jawapan
kepada
soalan-soalan
yang mengaji
kebenaran.

Kecualian 1—Jika seorang saksi ditanya sama ada dia dahulunya telah disabitkan atas apa-apa jenayah dan dia menafikauinya, maka keterangan boleh diberikan mengenai sabitannya yang dahulu itu.

Kecualian 2—Jika seorang saksi ditanya apa-apa soalan yang cenderung kepada mencabar kesaksamaannya dan dia menjawab dengan menafikan fakta-fakta yang disarangkan itu, maka dia boleh disangkal.

MISALAN

- (a) Seorang saksi ditanya sama ada dia pernah dibuang kerja daripada suatu jawatan kerana kecurangan. Dia menafikannya.

Keterangan diberikan bagi menunjukkan bahawa dia pernah dibuang kerja kerana kecurangan.

Keterangan itu tidak boleh diterima.

- (b) A mengesahkan bahawa pada suatu hari tertentu dia telah melihat B di Melaka. A ditanya sama ada dia sendiri berada di Pulau Pinang pada hari itu. Dia menafikannya.

Keterangan diberikan bagi menunjukkan bahawa A berada di Pulau Pinang pada hari itu.

Keterangan itu boleh diterima, bukan untuk menyangkal A atas suatu fakta yang menyentuh kebolehpercayaannya, tetapi sebagai menyangkal fakta yang dikatakan bahawa B telah dilihat di Melaka pada hari yang berkenaan itu.

- (c) A, ditanya sama ada dia pernah berkata bahawa dia akan membala dendam terhadap B. Dia menafikannya.

Dia boleh disangkal atas alasan bahawa soalan itu boleh mencabar kesaksamaannya.

Soalan oleh
suatu pihak
kepada
saksinya
sendiri.

Mencabar
keboleh-
percayaan
saksi.

107. Mahkamah boleh, menurut budi bicaranya, membenarkan orang yang memanggil seseorang saksi mengemukakan kepadanya apa-apa soalan yang boleh dikemukakan dalam pemeriksaan balas oleh pihak menentang.

108. Kebolehpercayaan seseorang saksi boleh dicabar dengan cara-cara yang berikut oleh pihak menentang atau, dengan izin mahkamah, oleh pihak yang memanggilnya—

- (a) dengan keterangan yang diberikan oleh orang yang menyatakan bahawa mengikut pengetahuan mereka tentang saksi itu mereka percaya saksi itu tidak boleh dipercayai;

- (b) dengan membuktikan bahawa saksi itu telah disogok atau telah menerima tawaran sogokan, atau telah menerima apa-apa dorongan rasuah supaya memberikan keterangannya;
- (c) dengan membuktikan pernyataan-pernyataannya dahulu yang tak konsisten dengan mana-mana bahagian keterangannya yang boleh disangkal.

Huraian—Seorang saksi yang mengatakan seorang saksi lain tidak boleh dipercayai tidak boleh, dalam masa pemeriksaan utamanya, memberikan sebab-sebab dia mempercayai sedemikian, tetapi dia boleh ditanya sebab-sebabnya dalam pemeriksaan-balas, dan jawapan-jawapan yang diberikan olehnya tidak boleh disangkal, walaupun, jika jawapan itu palsu, dia boleh kemudiannya dipertuduh kerana memberikan keterangan palsu.

113. A witness may also testify to facts mentioned in any such document as is mentioned in section 112 although he has no specific recollection of the facts themselves, if he is sure that the facts were correctly recorded in the document.

ILLUSTRATION

A book-keeper may testify to facts recorded by him in books regularly kept in the course of business if he knows that the books were correctly kept, although he has forgotten the particular transactions entered.

Right of
adverse party
as to writing
used to
refresh
memory.

114. Any writing referred to under section 112 or 113 shall be produced and shown to the adverse party if he requires it; such party may, if he pleases, cross-examine the witness thereupon.

Production of
documents
and their
translation.

115. (1) A witness summoned to produce a document shall, if it is in his possession or power, bring it to court notwithstanding any objection which there may be to its production or to its admissibility. The validity of any such objection shall be decided on by the court.

(2) The court, if it sees fit, may inspect the document unless it refers to affairs of State, or take other evidence to enable it to determine on its admissibility.

(3) If for such a purpose it is necessary to cause any document to be translated, the court may, if it thinks fit, direct the translator to keep the contents secret unless the document is to be given in evidence.

116. When a party calls for a document which he has given the other party notice to produce, and the document is produced and inspected by the party calling for its production, he is bound to give it as evidence if the party producing it requires him to do so and if it is relevant.

Giving as evidence of document called for and produced on notice.

117. When a party refuses to produce a document which he has had notice to produce, he may not afterwards use the document as evidence without the consent of the other party or the order of the court.

Using as evidence of document production of which was refused on notice.

ILLUSTRATION

A sues B on an agreement, and gives B notice to produce it. At the trial A calls for the document, and B refuses to produce it. A gives secondary evidence of its contents. B seeks to produce the document itself to contradict the secondary evidence given by A, or in order to show that the agreement is not stamped. He may not do so.

118. The judge may, in order to discover or to obtain proper proof of relevant facts, ask any question he pleases, in any form at any time, of any witness or of the parties, about any fact relevant or irrelevant; and may order the production of any document or thing; and neither the parties nor their agents shall be entitled to make any objection to any such question or order, nor, without the leave of the court, to cross-examine any witness upon any answer given in reply to any such question:

Judge's power to put questions or order production.

Provided that the judgement must be based upon facts declared by this Enactment to be relevant and duly proved.

CHAPTER 9

SPECIAL PROVISIONS RELATING TO
TESTIMONY OF WITNESS

Determining
that a
witness
is *adil*.

119. Where a witness has given his evidence by way of *syahadah* and the judge has reason to believe that he is not *adil*, the judge shall order such witness to be examined as hereinafter provided.

Witness to
be examined
through
parties
related to
him.

Explanation—If it appears to a Judge that a witness who has given *syahadah* is unworthy of credit he shall cause such witness to be examined to determine whether he is *adil* or otherwise.

120. The examination referred to in section 119 shall be carried out by means of secret examination and, if the judge so requires, in an open court through parties related to him.

ILLUSTRATIONS

- (a) If the witness is a student he shall be examined through his teacher.
- (b) If the witness is a member of the armed forces, he shall be examined through his commanding officer.
- (c) If the witness is a civilian, he shall be examined through a trustworthy resident of the place where he resides.

Secret
examination.

121. (1) A secret examination shall be conducted by means of a secret letter in which a judge will write the name of the defendant or the accused and the subject-matter of the claim or the charge, as the case may be, the name of the witness, his identification, occupation and place of residence.

(2) The secret letter shall be enclosed in a sealed envelope and delivered by the court to the person appointed as the secret examiner.

(3) On receipt of the secret letter and after reading its content, the secret examiner shall write below the name of the witness specified therein the word "*adil*" or the

words "not adil" (*jurh*), according to his evaluation, and shall forthwith return the letter to the judge.

(4) Where the secret letter is returned to the judge with the words "not adil" or "wallahu a'alam" or any other words to that effect written thereon, or if there is nothing written thereon, the judge shall not admit the evidence of such witness and may request another witness to be produced.

122. The secret examination may be conducted by one number of or more secret examiners as may be determined by the ^{secret} examiner judge.

123. (1) A judge may order a witness to be examined ^{open} in open court although such witness has been subject to ^{secret} examination a secret examination and found to be *adil* by the secret examiners.

(2) An open examination of a witness shall be conducted by the secret examiners in open court before a judge in the presence of the parties to the proceedings.

124. The testimony of a witness in an open examination conducted under section 123 shall form part of his ^{Testimony in open examination forms part of syahadah.} *syahadah.*

125. A judge is not required to examine any witness who has been examined and found to be "adil" under this Part if he becomes a witness before the same judge in a latter proceeding and the interval between the two proceedings does not exceed 6 months. ^{When witness need not be examined.}

126. When any party to a proceedings declares as not ^{Denial (*ta'tib*) over a witness.} *adil* any witness of the adverse party, either before or after an examination of the witness under section 122 or 123 by adducing any evidence which could prevent the admission of his evidence, the judge shall require him to prove that fact.

Explanation—When a defendant proves that any witness is not *adil*, the judge shall reject the evidence of the witness but if the defendant fails to prove his fact the judge shall proceed with the examination of the witness if he has not done so or give his decision according to the evidence if he has conducted the examination.

When findings of witness and examiners differ.

127. Where the examination of a witness under section 122 or 123 is conducted by two or more examiners and a majority of such examiners are of the opinion that the witness is not "*adil*", the judge shall not make a decision based on the evidence of such witness.

Dead or missing witness.

128. Whenever a witness dies or disappears after giving evidence in any matter relating to *mu'amalat*, the judge may conduct an examination on his evidence and may give a decision based on such evidence.

When witness required to take the oath.

129. If the circumstances so require or an examination of a witness under this Part cannot be carried out and a party to the proceedings makes an application to the judge for the witness to take the oath as a witness of truth so as to strengthen his evidence, the judge shall order such witness to take such oath and shall remind the witness that if he fails to do so his evidence shall not be admitted.

CHAPTER 10

GENERAL

Final Reference.

130. (1) Any provision or interpretation of the provision of this Enactment which is contrary with Islamic law shall, to the extent of the contradiction, be void.

(2) If there is any matter which is not provided for or is not clearly stated in this Enactment, the court shall refer to Islamic Law.

Repeal of section 53 of Sel. En. 3/52 and cessation of application of Act 56.

131. With the coming into operation of this Enactment, section 53 of Administration of Muslim Law Enactment (Selangor) 1952 shall be repealed and the Evidence Act 1950 shall henceforth cease to apply.

SCHEDULE

(Section 3)

1. Adil	عادل
2. Akil	عاقل
3. Al Mudda a'alaih	الدعي عليه
4. Al mudda'i	المدعي
5. Amil	عامل
6. Asyhadu	أشهد
7. Bayyinah	بيشه
8. Baligh	بالغ
9. Fitrah	قطره
10. Iqrar	إقرار
11. Jurh	جرد
12. Mahjur' alaih	مهجور عليه
13. Marad al-maut	مراد الموت
14. Mazhab	مذهب
15. Ma'tuh	معتهدة
16. Mu'amalat	معاملات
17. Mumayyiz	مميز
18. Nasab	نسب
19. Qarinah	قرينة
20. Syahadah	شهادة
21. Ta'in	تعزيز

22. 'Urf

عُرْفٌ

23. Wali

وَلِيٌ

24. Wallahu 'a'alam

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Passed this 6th day of December 1996.

[PU. Sel. (AM) 0100/2; DUN. Sel. 30287/1 Jld. I.]

HAJI MOHAMMED KENUSRIN HAJI MUNAWI,
Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor



DICETAK OLEH

PERCETARAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD, IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
BAKTI PRAHK DAN DENGAN PERINTAH KERATAN MALAYSIA

Harga: RM8.80

**WATER SUPPLY
ENACTMENT 1997**

**ENAKMEN PERBEKALAN
AIR 1997**

SELANGOR

ENAKMEN No. 1 tahun 1997

ENAKMEN PEMBEKALAN AIR 1997

SUSUNAN ~~FASAL~~ SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

~~Sebagian
Fasal~~

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

Jabatan Kawal Selia Air

PENGARAH PEMBEKALAN AIR

En 8/2003

Jabatan Kawal Selia Air

3. Pengarah ~~Bebekalan Air~~.
4. Pengisytiharan dan pemberian kuasa.
5. Perjanjian Penswastaan.
6. Tugas-tugas Pengarah.
7. Kuasa untuk masuk dengan waran atau sebaliknya, pemeriksaan, penelitian, penyitaan, dsb.
8. Kuasa menyiasat.
9. Halangan, dsb. suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

PELESENAN

10. Keperluan lesen dan pengecualianya.
11. Kecualian Perjanjian IzinJalu.
12. Cagaran : penggantungan dan pembatalan lesen.

PEMBEKALAN AIR

Sekyjen
Fasa II

29. Pembekalan sambungan di antara sesalur utama dan premis-premis.
30. Caj-caj bagi sambungan air.
31. Perjanjian-perjanjian bekalan dengan pengguna-pengguna.
32. Pengurangan atau pemberhentian bekalan: liabiliti.
33. Pengecualian-pengecualian kepada tanggungan untuk membekalkan air.
34. Pematuhan peraturan-peraturan.

BAHAGIAN VII

CAJ-CAJ AIR DAN DEPOSIT

35. Caj-caj yang ditetapkan boleh dipungut dan disimpan oleh pemegang lesen.
36. Deposit untuk bekalan air.
37. Mendapatkan balik wang yang perlu dijelaskan.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN DAN PENALTI

38. Merosakkan sistem bekalan air, mengalih anak sungai dsb.
39. Dengan sengaja mengganggu meter.
40. Kegagalan untuk membayar air dan perkhidmatan yang dibekalkan.
41. Air dari pili bomba, dsb.
42. Penghuni kena memberitahu kerosakan paip.
43. Mengganggu sistem bekalan air atau mana-mana bahagian darinya.
44. Liabiliti mana-mana orang yang merosakkan atau menyebabkan kerosakan.
45. Pemegang lesen mempunyai kuasa untuk menghentikan bekalan air.
46. Penalti am.

2 SELANGOR No. 1 TAHUN 1997

*Sekatan
Fees*

13. Sekatan penggunaan untuk tujuan tertentu.
14. Pengecualian kelengkapan daripada disgres dan penahanan.
15. Kelulusan diperlukan untuk sambungan dsb. sistem bekalan air.
16. Penyelesaian pertelingkahan di antara Pengarah dan Pemegang Lesen.
17. Kesalahan.

§

BAHAGIAN IV

BEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

18. Kelayakan.
19. Kuasa untuk menetapkan tarif.
20. Kuasa pemegang lesen untuk memasang sesalur utama dan paip.
21. Kemasukan ke dalam premis untuk pemeriksaan dan pembaikan.
22. Keselamatan bagi pemasangan bekalan air.

BAHAGIAN V

KAWASAN-KAWASAN TADAHAN

23. Pengisytiharan kawasan kawasan tадahan.
24. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi kawasan tадahan.
25. Notis kepada pemunya atau penghuni untuk mencegah pencemaran.

BAHAGIAN VI

BEKALAN AIR

26. Bekalan air persendirian.
27. Bekalan air kepada Kerajaan dsb.
28. Bekalan paip awam.

BAHAGIAN IX

SEKATAN BEKALAN AIR

*Eksyen
Fasal*

47. Pemberhentian dan pengurangan sementara bekalan air.
48. Sekatan-sekatan semasa kecemasan bekalan air.
49. Penalti bagi ketidakpatuhan.
50. Tiada liabiliti untuk perlanggaran.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

51. Pembekalan dan pengawalan meter.
52. Perigi.
53. Penalti bagi membina perigi tanpa lesen.
54. Kuasa am untuk membuat peraturan.
55. Penyampaian notis atau dokumen lain.
56. Ketakstetapan perihalan, dsb.
57. Perakuan bagi membuktikan tuanpunya tanah.
58. Liabiliti pemindah milik.
59. Kesalahan oleh pembubuhan perbadanan.
60. Beban pembuktian.
61. Perlindungan kepada pemberi maklumat.
62. Keizinan Pendakwa Raya.
63. Pengkompaunan kesalahan.
64. Bidangkuasa dan kuasa Mahkamah.
65. Akta Perlindungan Piñak Berkuasa Awam 1948.
66. Pengarah dan pegawai sebagai pengkhidmat awam.
67. Pemansuhan undang-undang yang ada dan pengecualian.
68. Pengarah dan pegawai-pegawai dianggap dilantik di bawah Enakmen ini.

SELANGOR

ENAKMEN No. 1 tahun 1997

BETA PERKENANKAN,

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ.
Sultan Selangor

((MOHOR KERAJAAN))

5 Jun 1997

“Sulatu Enakmen untuk membuat peruntukan yang berhubungan dengan bekalan air; dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

(1hb Ogos 1997) Sel. Pn. 27/97

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tajuk singkas dan mula berkuatkuasa Pembekalan Air 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan berlainan Enakmen ini.

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“caj” termasuk tarif dan deposit yang tersebut di bawah subseksyen 36(1);

"dengan curang" mempunyai maksud sepetimana di dalam Kanun Keseksaan;

"ditentukan" ertinya ditentukan oleh Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

→ "kawasan bekalan air" ertinya suatu kawasan di mana pemegang lesen diberikuasa untuk membekalkan air;

"Kerajaan Negeri" ertinya Kerajaan Negeri Selangor;

"kerosakan" berhubung dengan orang perseorangan, termasuk bencana diri dan kematian;

→ "Pengarah" ... Pengarah Jabatan Kawalan Air En 8/3
"Pengarah" ertinya Pengarah Bekalan Air Negeri yang dilantik di bawah seksyen 3 dan termasuk mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen yang sama;

"lengkap air" termasuk paip-paip (selain dari sesalur utama) penutup, pili penutup, injap, simpai logam, meter, tangki, tempat mandi, tandas pam, pemanas air, sistem telemeter dan lain-lain radas, atau perkakas yang digunakan berhubung dengan bekalan atau penggunaan air;

"lesen" ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 10;

En. 9/2002 "meter" ertinya apa-apa perkakas, pelengkap atau alat-alat yang digunakan untuk tujuan mengukur, menentukan, mengatur atau menganggar jumlah air yang telah dipakai, dibekalkan atau digunakan;

→ "Negeri Selangor"

"paip penghubung" ertinya suatu bahagian pada paip perkhidmatan di antara sesalur utama dan meter tersebut atau di mana jika tidak ada meter, sesuatu tempat di mana meter disifatkan diletak sebagaimana ditentukan oleh Pengarah;

"paip pengagihan" ertinya mana-mana paip pengguna yang menghantar air dari tempat simpanan atau tangki bekalan atau radas air panas yang dibekalkan dari tangki

"paip perkhidmatan" ertiya apa-apa jenis paip yang digunakan untuk membekalkan air dari suatu sesalur utama kepada mana-mana premis di mana paip itu adalah tertakluk kepada tekanan air dari sesalur utama, atau mana-mana paip yang lettaknya kepada tekanan yang sama melainkan penutup atau injanya ditutup;

"Pendaftar" ertiya Pendaftar seperti ditafsirkan di bawah Kanun Tanah Negara

Akta 56/65

"pengguna" ertiya seorang yang dibekalkan dengan air dari sesalur utama atau seorang bertanggungan membayar caj untuk bekalan air dan termasuk seorang penghuni;

"penghuni" ertiya seorang yang menghuni atau mempunyai kawalan ke atas premis dan, berhubungan dengan premis di mana bahagian-bahagiannya yang lain dihuni oleh orang lain, bermaksud setiap orang yang menghuni atau mengawal sepuas bahagian itu;

"perjanjian" ertiya suatu perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan mana-mana pemegang lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 5;

"perkhidmatan bekalan air" termasuk pengeluaran air dari sumber air, rawatannya dan pengagihan dan pembekalan air yang telah dirawat kepada pengguna dan apa-apa perkhidmatan yang berhubung dengannya;

"pemegang lesen" ertiya seseorang yang diberi lesen di bawah seksyen 10 dan mana-mana orang atau mana-mana kumpulan orang di mana Kerajaan Negeri telah membuat apa-apa perjanjian untuk menswastakan kesemua, atau sebahagian darjada pengurusan, operasi, pengagihan bekalan air atau obligasi untuk membekalkan air di dalam mana-mana kawasan bekalan air mengikut seksyen 5, termasuk pihak berkuasa membekal;

"pihak berkuasa awam" mempunyai erti yang sama di bawah Artikel 16(1) Perlembagaan Persekutuan;

“pihak berkuasa membekal” ertiinya Jabatan Bekalan Air Selangor dan mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan di bawah sesiatu Enakmen atau di bawah mana-mana undang-undang lain untuk membekal air di Negeri Selangor;

Akta 388.

“Pihak Berkuasa Negeri” mempunyai erti yang sama seperti di bawah Akta Tafsiran 1948 dan 1967;

“premis” termasuk mana-mana bangunan, tanah, kenderaan, kapal, pesawat udara dan apa-apa ‘khemah atau binaan;

“sumber air” termasuk semua sungai, anak sungai, empangan, wadah, longkang, parit-parit dan saluran di mana air mengalir selain dari paip-paip untuk bekalan air kepada mana-mana premis;

“sesalur utama” ertiinya apa-apa paip air yang disenggarakan dan dikawal oleh pemegang lesen atau pihak berkuasa membekal yang mana paip perkhidmatan boleh disambungkan;

“sistem bekalan air” ertiinya seluruh sistem yang menggabungkan loji, pelengkap, sesalur utama, paip-paip, loji rawatan, stesyen pengepam, wadah perkhidmatan atau wadah imbangan atau mana-mana satu gabungan di atas dan semua binaan lain, pemasangan, bangunan, pelengkap dan appurtenan yang digunakan dan tanah-tanah di mana perkara yang sama ditempatkan untuk penyarian pengumpulan, penyaluran, rawatan dan pengagihan dan pembekalan air;

“sistem paip” ertiinya semua paip, tangki, injap dan pemasangan dari sesalur utama kepada dan di dalam premis pemunya atau penghuni;

“cubit-meter” ertiinya mana-mana meter yang menunjuk

En. 1/88

"sungai" termasuk cawangan sungai dan juga lain-lain anak sungai, terusan atau sumber air semulajadi;

→ "tertakluk"; ...

→ "tanah pertaklukan"; ...

"tujuan domestik" tertakluk kepada subseksyen (2) dan 3) bererti bekalan air untuk rumah kediaman, air pancut bersendirian, atau untuk tujuan perhiasan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), dalam Enakmen ini rujukan kepada tujuan domestik, berhubung dengan bekalan air kepada mana-mana premis, adalah rujukan kepada meminum, membasuh, memasak, dan kegunaan kebersihan di mana air yang dibekalkan kepada premis tersebut boleh digunakan dan di mana keseluruhan atau sebahagian daripada premis tersebut akan atau akan dihuni sebagai rumah kediaman, tujuan-tujuan tersebut hendaklah diambil untuk meliputi apa-apa tujuan di luar rumah (termasuk mencuci kenderaan dan menyiram taman) sebagaimana berkaitan dengan penghunian rumah tersebut;

(3) Tiada apa-apa rujukan untuk sesuatu tujuan domestik boleh diambil untuk meliputi—

- (a) apa-apa tujuan perniagaan penyediaan makanan atau minuman untuk dimakan atau diminum melainkan di dalam premis itu;
- (b) untuk apa-apa perniagaan mencuci kereta atau mendobi; atau
- (c) untuk apa-apa tujuan perdagangan, perkilangan atau untuk perkapalan, atau untuk tujuan pengairan.

BAHAGIAN II

JABATAN KAWALDELA AIR PENGARAH PEMBEKALAN AIR

En. 8/4003

3. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik, dari kalangan anggota perkhidmatan awam, Pengarah ~~Pembekalan Air Negeri~~ dan mana-mana pegawai lain sebagaimana disifirkan perlu untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan sempurna dan mereka hendaklah

Jabatan
Kawaledla
Air

mempunyai kuasa dan fungsi Pengarah, melainkan kuasa perwakilan dalam subseksyen (2), tertakluk kepada arahan dan penyeliaan Pengarah.

(2) Pengarah boleh, berhubung dengan apa-apa perkara, secara bertulis di bawah tandatangannya, mewakilkan semua atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Enakmen ini kecuali kuasa perwakilannya di bawah subseksyen ini.

(3) Sesuatu perwakilan di bawah subseksyen (2) boleh dibatalkan mengikut budibicara Pengarah dan tidak menghalang Pengarah dari menjalankan kuasa atau melaksanakan fungsi yang diwakilkan di bawah subseksyen itu.

4. Tanpa menjelaskan seksyen 3, Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari masa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta—

- (a) mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan bekalan air;
- (b) memberikuasa kepada mana-mana pemegang lesen atau membuat suatu perjanjian dengan mana-mana orang atau mana-mana kumpulan orang, untuk menjalankan apa-apa hak, kuasa, obligasi, fungsi, atau tugas di bawah mana-mana seksyen di dalam Enakmen ini sebagaimana dinyatakan di dalam perintah; dan
- (c) menyatakan apa-apa perkara lain sebagaimana difikirkan perlu.

5. Mengikut apa-apa pemberian kuasa di bawah seksyen 4(b) Kerajaan Negeri boleh membuat apa-apa perjanjian dengan mana-mana pemegang lesen atau mana-mana orang atau mana-mana kumpulan orang untuk menswastakan kesemua atau sebahagian daripada pengurusan, operasi, pengagihan bekalan air atau obligasi untuk membekalkan air di dalam mana-mana kawasan bekalan air atas apa-

apa termasuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana Pihak Berkuasa Negeri boleh tentukan.

→ 5A. Tertakluk ...

→ 5B. Selepas ...

6. (1) Pengarah dan mana-mana pegawai lain hendaklah melaksanakan fungsi dan tugas seperti berikut:

Tugas-tugas Pengarah.

- (a) untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri di atas apa-apa cadangan untuk mengeluarkan apa-apa lesen di bawah seksyen 10;
- (b) untuk melaksanakan fungsi kawalselia berhubung dengan perkhidmatan pembekalan air termasuk menetapkan piawai pelaksanaan dan piawai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan dan penguatkuasaannya;
- (c) tertakluk kepada seksyen 62(1), untuk mendakwa apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini;
- (d) untuk mempertingkatkan kecekapan di dalam pembekalan air, di antaranya, memastikan pembekalan air yang optima pada harga yang munasabah;
- (e) untuk menjaga kepentingan pengguna berkaitan dengan—
 - (i) harga yang akan dikenakan dan lain-lain syarat mengenai bekalan air;
 - (ii) keberterusan bekalan air; dan
 - (iii) mutu air dan perkhidmatan bekalan air yang diberikan;
- (f) untuk memastikan bahawa semua permintaan air yang munasabah dipenuhi;
- (g) untuk memastikan bahawa pemegang lesen berupaya untuk membayai perjalanan aktiviti-aktiviti yang mana mereka diberikuasa di bawah lesen mereka untuk dilaksanakan;

12. SELANGOR NO. 1 TAHUN 1997

- (h) untuk mempertingkatkan, mendorong dan memastikan pembekalan air yang mencukupi dengan mengambil kira perkembangan ekonomi di Negeri Selangor khususnya, dan di Malaysia atmnya;
- (i) untuk menyiasat tentang apa-apa kecelakaan yang melibatkan mana-mana bahagian sistem bekalan air atau apa-apa yang terbit dari operasi dan penyenggaraan mana-mana sistem bekalan air;
- (j) untuk menghendaki pemegang lesen untuk melaksanakan apa-apa tugas yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (k) untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri di atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan bekalan air;
- (l) untuk menjalankan apa-apa kegiatan lain sebagaimana difikirkan perlu bermanfaat atau sesuai oleh Pengarah untuk maksud menjalankan atau yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugas dan fungsi-fungsinya di bawah Enakmen ini.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari masa ke semasa memberi arahan yang bersifat am yang tidak bercanggah dengan peruntukan Enakmen ini berhubung dengan perjalanan kuasa-kuasa dan pelaksanaan dan fungsi-fungsi Pengarah di bawah Enakmen ini dan hendaklah menjadi tanggungjawab Pengarah untuk melaksanakan arahan tersebut.

Kuasa untuk
masuk
dengan
waran atau
sebaliknya,
Pemeriksaan,
Penelitian,
Penyitaan,
dsb.

7. (1) Pengarah boleh, untuk tujuan melaksanakan tugas-tugasnya atau menjalankan apa-apa fungsinya di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau untuk apa-apa tujuan Enakmen ini atau mana-mana peraturan di bawahnya, memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang munasabah untuk

PEMBEKALAN AIR

memeriksa dan meneliti mana-mana bahagian sistem bekalan air, loji atau pelengkapannya, atau untuk lain-lain alasan yang wajar.

(2) Dalam apa-apa perkara di mana maklumat diberi secara bersumpah kepada mana-mana Majistret bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat dalam mana-mana premis apa-apa artikel, barang, buku, dokumen, pepasangan atau sebahagian daripadanya, digunakan atau akan digunakan untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini Majistret hendaklah mengeluarkan waran yang dibuat di bawah tandatangannya di mana Pengarah atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor yang dinamakan atau dirujuk di dalam waran boleh memasuki premis tersebut pada bila-bila masa siang atau malam, dan menggeledah dan merampas atau menyita apa-apa artikel, barang, buku, dokumen, pepasangan atau bahagian daripadanya:

Dengan syarat jika Pengarah atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor berpuashati atas maklumat yang diterima bahawa beliau mempunyai alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa atas sebab kelewatan untuk memperolehi waran geledah, apa-apa artikel, barang, buku, dokumen, pepasangan atau sebahagian darinya digunakan untuk melakukan atau akan digunakan untuk melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, akan dialihkan atau dimusnahkan, beliau boleh memasuki premis tersebut tanpa waran dan merampas atau menyita apa-apa artikel, barang, buku, dokumen, pepasangan atau apa-apa bahagian daripadanya.

(3) Pengarah atau seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor yang membuat geledah boleh merampas apa-apa artikel, barang, buku, dokumen, pepasangan atau sebahagian daripadanya yang digunakan atau akan digunakan atau boleh dipergunakan untuk tujuan melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan jika artikel, barang, buku, dokumen,

pepasangan atau sebahagian daripadanya dirampas, beliau hendaklah mengemukakannya di hadapan Majistret, dan di atas pengemukaannya, Majistret hendaklah mengarahkan perkara yang sama disimpan di bawah jagaan Pengarah atau pihak polis dengan tujuan siasatan atau pendakwaan di bawah Enakmen ini.

(4) Pengarah hendaklah pada setiap masa membawa bersamanya kad pengenalan rasmi atau lencana dalam bentuk sebagaimana ditetapkan, dan tiada sesiapa boleh dikehendaki untuk membenarkan mana-mana orang ke dalam premisnya sesiapa yang mendakwa dirinya sebagai Pengarah kecuali dengan pengemukaan kad pengenalan atau lencananya.

8. (1) Pengarah dan mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya boleh, berhubung dengan apa-apa penyiasatan berkait dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya, menggunakan kuasa-kuasa khas berhubung dengan siasatan polis kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan oleh Kanun Prosedur Jenayah untuk mana-mana kesalahan boleh tangkap.

9. Sesiapa sahaja yang—

(a) enggan membenarkan Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya / akses ke mana-mana tempat;

(b) menyerang, menggalang, menghalang atau atau mana-mana melengahkan Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya / untuk menyembunyikan apa-apa kemasukan yang sah di bawah Enakmen ini, atau di dalam melaksanakan apa-

apa tugas yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini;

En 1/99

- (c) enggan memberikan kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya/apa maklumat berkaitan dengan suatu kesalahan atau apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini, atau apa-apa maklumat lain yang mana secara munasabah dikehendaki daripadanya dan yang beliau mempunyai pengetahuan atau ada mempunyai kuasa untuk memberikan; atau
- (d) dengan sengaja memberikan maklumat palsu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN III

PELESENAN ~~Ditetapkan~~ ditetapkan by En 8/83

10. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan pemakaian Bahagian III atau penguatkuasaan mana-mana seksyen di bawah Bahagian III kepada mana-mana orang atau mana-mana kumpulan orang yang mana Kerajaan Negeri telah membuat suatu perjanjian untuk menswastakan kesemua, atau sebahagian daripada pengurusan, operasi, pengagihan bekalan air atau obligasi untuk membekalkan air di dalam mana-mana kawasan bekalan air mengikut seksyen 5.

(2) ~~Tertakluk kepada apa-apa pengecualian sebagaimana boleh ditetapkan di bawah seksyen kecil 6A pada sesiapa, selain dari pembekal yang diberikuasa, boleh—~~

(a) menyenggara atau menjalankan atau dibenarkan untuk menggunakan atau menjalankan sesuatu sistem bekalan air;

(b) mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air;

(c) mengeluarkan air dari mana-mana sungai dan merawatnya; atau

(d) menjalankan atau mengurus apa-apa kemudahan, bagi membekal air kepada pengguna-pengguna dan memungut dan menyimpan caj seperitimana yang ditetapkan dari mereka kecuali di bawah dan mengikut terma-terma lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

(3) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana boleh dinyatakan oleh Pengarah.

(4) Lesen boleh dikeluarkan oleh Pengarah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk suatu tempoh, dalam apa-apa bentuk dan atas pembayaran apa-apa fee sebagaimana boleh ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Pengarah boleh, sama ada pada masa lesen itu dikeluarkan atau pada bila-bila masa selepas itu, mengetahui apa-apa syarat sebagaimana didapati perlu atau suaimanfaat mengambil kira akan tugas-tugasnya yang dikenakan di bawah seksyen 6 dan syarat-syarat itu boleh diubah, dipinda atau dibatalkan.

(6) Lesen tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Negeri.

(7) Tidak lebih dari satu lesen untuk menjalankan kegiatan yang sama di bawah subseksyen (1) boleh dikeluarkan bagi kawasan bekalan air yang telah sedia dibekalkan dengan air oleh pemegang lesen yang lain melainkan dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri.

(8) Lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, terus berkuatkuasa selama tempoh sebagaimana ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri:

Dengan syarat tiada lesen boleh, tanpa kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri, melebihi tempoh tiga puluh satu tahun.

(9) Tempoh sesuatu lesen hendaklah dinyatakan di dalam lesen.

(10) Apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan:

(a) kawasan bekalan air;

(b) tarif yang kena dibayar oleh pengguna;

(c) fee tahunan lesen yang kena dibayar oleh pemegang lesen;

(d) hak-hak dan kewajipan-kewajipan tertentu pemegang lesen berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang hendak diberikan oleh pemegang lesen;

(e) keperluan bahawa pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa kod amalan yang ditetapkan;

(f) kualiti minima air yang perlu dibekalkan oleh pemegang lesen;

(g) apa-apa arahan atas perkara-perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

11. (1) Tiada apa-apa yang terkandung di dalam Enakmen ini boleh—

(a) menjelaskan hak pemegang lesen untuk memasuki sesuatu perjanjian, yang biasanya dikenali sebagai perjanjian izinialu, dengan pemunya atau penghuni mana-mana tanah bagi tujuan menjalankan bekalan atau salur paip di atas tanah; atau

Kecualian
Perjanjian
Izinialu.

(b) menjelaskan mana-mana perjanjian izinlalu yang sedia wujud pada masa berkuatkuasanya Enakmen ini.

(2) Walau apapun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tanah, Pendaftar, apabila dikemukakan kepadanya salinan asal dan didepositkan dengannya satu salinan yang diakui sah apa-apa perjanjian izinlalu, seperti mana dirujuk di subseksyen (1), hendaklah menyebabkan dibuat di dalam daftar dokumen hakmilik tanah yang berkaitan yang terlibat dengan perjanjian izinlalu itu, suatu catatan kewujudannya perjanjian izinlalu tersebut.

→ **14. Jika ...**

Cagaran Penggantian dan pembenaran lesen

12. (1) Sebelum apa-apa lesen dikeluarkan, Pengarah boleh menghendaki apa-apa cagaran sebagaimana beliau boleh tetapkan untuk dikemukakan sebagai syarat untuk pematuhan wajar terma-terma dan syarat-syarat lesen dan Enakmen ini.

(2) Jika pada pendapat Pengarah pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat-syarat lesen gagal untuk membayar balik apa-apa bayaran kepada Kerajaan Negeri atau telah terhenti dari kerja atau menjalankan sistem bekalan air mengikut syarat-syarat lesen atau perjanjian yang telah dibuat di antara Kerajaan Negeri dan pemegang lesen mengikut seksyen 5, Pengarah boleh melalui notis yang dikeluarkan kepada pemegang lesen menghendakinya membetulkan atau meremedikan perlanggaran atau kegagalan yang dinyatakan di dalam notis tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.

(3) Jika sekiranya pemegang lesen gagal untuk meremedikan atau membetulkan perlanggaran atau kegagalan tersebut seperti yang dikehendaki oleh notis, maka lesen boleh bila-bila masa selepas itu digantung atau dibatalkan oleh Pengarah:

Dengan syarat di mana suatu lesen telah digantung atau dibatalkan di atas alasan pemegang lesen telah terhenti dari bekerja atau menjalankan sistem bekalan airnya atau

kepada Pihak Berkuasa Negeri terhadap penggantungan atau pembatalan itu dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri atas rayuan itu hendaklah muktamad.

(4) Pemegang lesen hendaklah tidak berhak ke atas apa-apa pampasan untuk sebarang kerugian olehnya disebabkan penggantungan atau pembatalan lesen di bawah seksyen ini.

(5) Apa-apa pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen di bawah seksyen ini hendaklah diberitahu dalam *Warta*.

(6) Atas pembatalan atau penamatkan sesuatu lesen dan di mana adalah munasabah untuk melakukan, Pengarah hendaklah mengarahkan pemegang lesen supaya mengalihkan pepasangan dan kelengkapannya dalam tempoh yang dinyatakan di bawah arahan tersebut, sekiranya gagal pemegang lesen hendaklah liable ke atas semua kos yang tertanggung untuk mengalihkannya dan kos itu bolehlah didapatkan balik dari cagaran yang didepositkan (jika ada) di bawah subseksyen (1):

Dengan syarat Pengarah adalah berhak untuk mengambil milikan ke atas semua atau sebahagian dari sistem bekalan air yang dimiliki oleh pemegang lesen yang mana leseninya telah dibatalkan atau ditamatkan dan untuk menjalankannya atau membenarkan mana-mana pihak berkuasa membekal air untuk menjalankannya dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Pengarah hingga ke satu masa pemegang lesen yang baru dilantik dan bekas pemegang lesen bersetuju dengan pemegang lesen yang baru ke atas kos dan nilai sistem bekalan air atau sebahagiannya yang akan diambilalih oleh pemegang lesen baru atau untuk dialihkan atas arahan Pengarah yang dibuat di bawah subseksyen ini.

13. Pemegang lesen yang, di bawah syarat-syarat leseninya, disekat untuk menggunakan atau membekal air untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja, hendaklah tidak menggunakan atau membekalkan air untuk tujuan lain selain daripada yang telah ditentukan.

Sekatan
penggunaan
untuk tujuan
tertentu.

Pengecualian
kelengkapan
daripada
distres dan
penahanan.

Kelulusan
diperlukan
untuk
sambungan
dsb. sistem
bekalan air.

Penyelesaian
perbezaan
kahan di
antara
Pengarah dan
pemegang
lesen.

Kesalahan.

14. Walau apapun yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain jika mana-mana kelengkapan yang dimiliki oleh pemegang lesen atau pihak berkuasa membekal telah diletakkan di dalam atau pada premis yang tidak dimiliki atau diduduki oleh pemegang lesen atau pihak berkuasa membekal bagi tujuan mengeluar, merawat, mengagih, membekal atau mengukur air, kelengkapan itu hendaklah tidak tertakluk kepada distres maupun liable dalam perlaksanaan di bawah apa-apa proses Mahkamah atau di dalam mana-mana prosiding bankripsi atau ketaksovenan terhadap mana-mana orang.
15. Tertakluk kepada kerja-kerja, pembinaan, sambungan pengubahan yang akan dijalankan di bawah seksyen 34 atau apa-apa pengecualian terdahulu yang telah diberikan oleh Pengarah, mana-mana pemegang lesen selain daripada pihak berkuasa membekal yang ingin membina, menyambung atau mengubah mana-mana bahagian sistem bekalan airnya hendaklah memberi notis cadangan pembinaan, sambungan atau pengubahan kepada Pengarah. Pemegang lesen atau seseorang yang diberikuasa olehnya hendaklah mengemukakan pelan dan terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Pengarah yang akan dari masa ke semasa memeriksa pemasangan yang telah siap bagi sistem bekalan air itu.
16. Jika terdapat apa-apa perbezaan pendapat di antara pemegang lesen dan Pengarah berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersangkutan dengan pembinaan, penyenggaraan, atau perjalanan mana-mana bahagian sistem bekalan air, perkara itu hendaklah dirujuk kepada dan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mana keputusannya hendaklah muktamad.
17. (1) Mana-mana pemegang lesen, tanpa kebenaran bertulis dari Pengarah, membekalkan air atau memasang apa-apa sesalur utama atau paip atau membiña apa-apa sistem bekalan air di luar kawasan bekalan airnya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi

dua tahun atau kedua-duanya, dan apa-apa sesalur utama, paip atau kerja yang tidak dibenarkan itu boleh, selepas disabitkan, dialihkan di atas arahan Pengarah, dan jika arahan itu tidak dipatuhi, kos untuk pengalihan itu hendaklah didapatkan balik dari pemegang lesen.

(2) Mana-mana pemegang lesen, tanpa alasan yang sah, gagal untuk mematuhi apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan di dalam lesen adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

BAHAGIAN IV

BEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

18. (1) Tiada bahagian mana-mana sistem bekalan air *kelayakan* selain yang dimiliki oleh pihak berkuasa membekal boleh dikerjakan atau diuruskan atau dijalankan atau menyebabkan dikerjakan, atau diuruskan atau dijalankan kecuali oleh atau di bawah kawalan orang-orang yang memiliki kelayakan-kelayakan tertentu dan memegang sijil-sijil sebagaimana yang ditetapkan, dan tiada sesiapa yang tidak memiliki kelayakan-kelayakan atau memegang sijil-sijil seperti yang dinyatakan boleh mengurus, menjajangkan atau mempunyai kawalan ke atas atau menugaskan mana-mana bahagian mana-mana sistem bekalan air itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan, dan hendaklah apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan, jika pelanggaran itu berterusan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari selama mana perlanggaran itu berterusan.

19. (1) Pemegang lesen boleh, berkaitan dengan perkhidmatan pembekalan air, melevi apa-apa tarif sebagaimana diluluskan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa mengambil kira apa-apa syarat di dalam lesen yang berkaitan dengan pembekalan air di kawasan-kawasan yang berlainan dan di bawah keadaan yang berlainan dan tarif yang telah diluluskan itu hendaklah diwartakan.

(2) Setiap tarif yang dilevi oleh pemegang lesen menurut subseksyen (1)—

(a) hendaklah dirangka supaya menunjukkan cara-cara dan prinsip-prinsip atas mana tarif itu dibuat dan juga harga-harga yang hendak dikenakan; dan

(b) hendaklah disiarkan dengan apa-apa cara supaya publisiti secukupnya diperolehi.

(3) Apa-apa semakan tarif hendaklah tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

20. (1) Pemegang lesen boleh dari masa ke semasa memasang, meletak, menjalan, atau menyenggara atau menyebabkan dipasang, diletakkan, dijalankan atau disenggarakan mana-mana sesalur-sesalur utama, paip-paip, pelengkap, akueduk-akueduk dan konduit-konduit pada, di bawah, di atas atau merentasi mana-mana premis.

(2) Pemegang lesen tidak boleh melaksanakan kerja-kerja yang dibenarkan di bawah seksyen ini kecuali semata-mata untuk tujuan membekalkan air atau menyenggara apa-apa pelengkap kepada dan di dalam kawasan bekalan airnya dan melainkan ia telah terlebih dahulu memberi notis yang munasabah secara bertulis kepada pemunya atau penghuni premis tersebut.

(3) Pemegang lesen tidak boleh memperolehi apa-apa hak selain daripada hak untuk menggunakan sahaja di

pemegang lesen meletakkan apa-apa sesalur-sesalur utama, paip-paip, pelengkapan, akueduk-akueduk dan konduit-konduit.

(4) Kecuali sebagaimana diperuntukkan, pemegang lesen tidak boleh melaksanakan kerja-kerja tersebut berhubung dengan mana-mana premis yang terletakhak atau di bawah kawalan atau pengurusan Kerajaan Negeri atau mana-mana pemegang lesen yang lain atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak berkuasa membekal tanpa kebenaran Kerajaan Negeri atau pemegang lesen itu atau pihak berkuasa, sebagaimana diperlukan.

(5) Dalam melaksanakan kerja-kerja yang dibenarkan di bawah seksyen ini, pemegang lesen hendaklah meminimakan apa-apa kerosakan padanya di mana mungkin berhubung dengan premis-premis tersebut dan dia hendaklah membayar pampasan sepenuhnya kepada semua orang yang berkepentingan untuk apa-apa kerosakan yang dialami oleh meteka oleh sebab pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

20A. Mana-mana

21. (1) Pemegang lesen atau mana-mana pekerja pemegang lesen yang diberikuasa olehnya boleh, pada bila-bila masa yang munasabah tanpa notis, memasuki mana-mana premis di mana apa-apa paip telah diletakkan atau kerja-kerja sedang dijalankan untuk memeriksa dan jika perlu, membaikinya.

Kemasukan
ke dalam
premis untuk
pemeriksaan
dan
pembalikan.

(2) Pemegang lesen atau mana-mana pekerja pemegang lesen yang diberikuasa olehnya hendaklah pada setiap masa membawa bersamanya kad pengenalan dirinya dalam bentuk sebagaimana ditetapkan dan tiada sesiapa boleh dikehendaki untuk menbenarkan mana-mana orang ke dalam premisnya sesiapa yang mendakwa dirinya sebagai pemegang lesen atau pekerja pemegang lesen yang diberikuasa olehnya jika orang itu enggan mengemukakan kad pengenalan dirinya.

24 SELANGOR NO. 1 TAHUN 1997

Keselamatan bagi pemasangan bekalan air

22. (1) Pemegang lesen hendaklah mendirikan dan menyenggara pagar yang mencukupi di sekeliling loji-loji rawatan dan di bahagian-bahagian lain atau bahagian-bahagian sistem bekalan airnya dan menyediakan dan mengadakan keselamatan yang maksima di seluruh kawasan tersebut dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak keselamatan oleh Majlis Keselamatan Negeri dan Majlis Keselamatan Negara dan peruntukan-peruntukan Akta Kawasan dan Tempat Terlindung 1959.

(2) Jika pemegang lesen gagal mematuhi seksyen ini, Pengarah adalah mempunyai kuasa untuk meremedi kegagalan tersebut dan segala perbelanjaan yang ditanggungnya hendaklah didapatkan balik dari pemegang lesen dan jika perbelanjaan tersebut tidak dibayar oleh pemegang lesen apabila dituntut, perkara yang sama boleh didapatkan balik oleh Kerajaan Negeri.

En 8/03

BAHAGIAN V

Det by En 1/03

KAWASAN-KAWASAN TADAHAN

Pengisytiharan kawasan-kawasan tадahan

23. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah yang disiarkan di dalam *Warta*, mengisyiharkan mana-mana tasik atau sungai atau jalan air atau mana-mana bahagian daripadanya atau kawasan sekelilingnya sebagai kawasan tадahan untuk wadah penampungan atau tempat kemasukan bekalan air jika difikirkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pengisyiharan itu adalah perlu untuk tujuan pemuliharaan atau perlindungannya.

(2) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah

- (a) menentukan sempadan-sempadan kawasan tадahan;
- (b) menyatakan jenis-jenis aktiviti, jika ada, di dalam Kawasan tадahan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya yang mana hendaklah

menjadi kawasan larangan untuk melindungi dan menjamin sumber air; dan

- (c) memaklumkan butir-butir lain sebagaimana diperlukan untuk maklumat awam.

24. Jika difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan mencegah pencemaran, kontaminasi atau pengelodakan mana-mana sungai atau wadah di dalam suatu kawasan tadahan, Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menghalang atau mengawalselia aktiviti-aktiviti dalam kawasan itu, dan peraturan-peraturan tersebut boleh mengandungi peruntukan-peruntukan yang berlainan untuk kawasan-kawasan tadahan yang berlainan atau sebahagian daripadanya.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi kawasan tadahan.

25. (1) Pengarah boleh, melalui notis—

Notis kepada pemunya atau penghuni untuk mencegah pencemaran.

- (a) menghendaki pemunya atau penghuni mana-mana premis di dalam kawasan tadahan yang mana penggunaan atau kependudukannya atau aktiviti-aktiviti di dalam premis menyebabkan atau akan menyebabkan pencemaran, kontaminasi, pengelodakan mana-mana tasik, sungai, jalan air atau wadah untuk melaksanakan dan menyenggarakan dalam keadaan baik apa-apa kerja sebagaimana dia fikirkan perlu untuk mencegah pencemaran, kontaminasi atau pengelodakan mana-mana tasik, sungai, jalan air atau wadah;

- (b) menghendaki mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dilarang di bawah perintah yang dibuat di bawah subseksyen 23(2) untuk menghentikan aktiviti itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis tersebut.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi sesuatu notis di bawah subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan boleh

D e l b u y E n 1/98

dikenakan derida tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan bagi kesalahan kedua atau selanjutnya boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada denda atau hukuman yang dikenakan di bawah subseksyen (2) akan menjejaskan kuasa Pengarah untuk melaksanakan dan menyenggarakan dalam keadaan baik apa-apa kerja sebagaimana dia fikirkan perlu untuk mencegah pencemaran, kontaminasi atau pengelodakan mana-mana tasik, sungai, jalan air atau wadah dan kos bagi pelaksanaan atau pembaikan tersebut hendaklah didapatkan balik sebagai hutang yang perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN VI

BEKALAN AIR

Bekalan air > 26. Pemegang lesen boleh, atas sesuatu permohonan persendirian bertulis daripada pemunya atau penghuni mana-mana premis atau daripada mana-mana orang, membekalkan air, tertakluk kepada seksyen 31, kepada premis-premis atau orang itu.

Bekalan air kepada Kerajaan dsb. 27. Pemegang lesen hendaklah, atas arahan daripada Kerajaan Negeri atau Pengarah, membekalkan air kepada mana-mana badan Kerajaan, agensi atau pihak berkuasa awam itu atas apa-apa terma dan syarat-syarat sebagaimana Pihak Berkuaşa Negeri atau Pengarah tetapkan dari masa ke semasa.

Bekalan 28. (1) Pemegang lesen boleh, atas permintaan mana-

(2) Bekalan tersebut hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat-syarat seperti yang dipersetujui bersama oleh pemegang lesen dan Pihak Berkuasa Tempatan, dengan syarat caj-caj untuk air yang dibekalkan itu hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan hendaklah diberitahu dalam *Warta*.

29. Apabila suatu permohonan untuk bekalan air diluluskan, pemegang lesen hendaklah membuat sambungan yang diperlukan di antara sesalur utama dan premis yang akan dibekalkan.

Pembekalan
sambungan
di antara
sesalur utama
dan premis-
premis.

30. Tiada penyambungan boleh dibuat ke sesalur utama sehinggalah anggaran kosnya telah didepositkan oleh pemegang lesen dan sehinggalah kesemua peralatan-peralatan air yang diperlukan untuk membekalkan air itu telah terlebih dahulu dipasangkan dan disempurnakan menurut apa-apa kehendak mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, berkaitan dengan perkara yang sama.

Caj-caj bagi
sambungan
air.

31. Seorang pemohon yang mana permohonan untuk bekalan air telah diluluskan hendaklah, setelah mula berkuatkuasanya Enakmen ini dan jika dikehendaki oleh pemegang lesen, membuat perjanjian dengan pemegang lesen untuk pembekalan air atas apa-apa terma dan syarat-syarat sebagaimana dinyatakan sebelum air dibekalkan kepada pengguna:

Perjanjian-
perjanjian
bekalan
dengan
pengguna-
pengguna.

Dengan syarat—

(a) perjanjian itu hendaklah di dalam bentuk dan isi kandungan yang diluluskan oleh Pengarah; dan

(b) tiada apa-apa yang terkandung di dalam seksyen ini boleh menjadikan apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, kewajipan atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau ditanggung di bawah mana-mana kontrak yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang di antara pihak berkuasa membekal dan pengguna yang sedia wujud pada

Pengurangan
atau
pemberhentian
bekalan
air.
Liabiliti.

within the recognisable period according to the Islamic Law.

(2) Subject to subsection (1) a will may be made to an unborn child of another person if such unborn child is of the legitimate descendant child of that other person.

(3) The property of the unborn child shall be administered by his guardian of property or executor, as the case may be, until he is born and thereafter, such property shall be given to him when he is competent to receive it.

Bequest to
two or more
unborn
children, etc.

25. Where a pregnant woman gives birth, at a time or at two different time at an interval of less than six months, to two or more alive babies, the bequest shall be—

- (a) equally divided among them unless otherwise provided in the will;
- (b) where one of them is a stillborn, the alive one shall be entitled to the entire bequest, unless otherwise provided in the will, and;
- (c) where any one of the babies dies after birth and if the will is related to the corpus of the property, it shall be passed on to his heirs, and in the case of the will being of the usufruct, his share, shall be passed to the testator's heirs.

PART VII

PROVISIONS RELATING TO TESTAMENTARY OF DISPOSITION

Bequest to
heirs and non
heirs.

26. (1) Where a bequest is made to a person who is not an heir within the limit of one third of the testator's net estate after the payment of his debts, the bequest shall be given effect to without the heir's consent.

(2) A bequest made to an heir in excess of one-third shall not be given effect to unless the heirs consent to it after the testator's death.

(3) A bequest made by an indebted person shall take effect only to the extent of his remaining estate after the payment of his debts.

PART VIII

OBLIGATORY WILL

27. (1) Where a person dies without making any will to his grandchildren through his son who has predeceased him or dies with him at the same time, then his grandchildren shall be entitled to the will of one-third of his estate and, if such grandchildren is given less than one-third, his share shall be executed in accordance with the provisions of the obligatory will provided for under this section. Bequest to grandchildren.

(2) The obligatory will for the grandchildren shall be to the extent of their father's share in the estate of his deceased grandfather, presuming that the father died after the death of the grandfather.

Provided that the will shall not exceed one-third of the deceased's estate.

(3) The grandchildren shall not be entitled to the bequest if they inherited from their grandfather or grandmother, as the case may be, or if the grandfather or grandmother had, during his or her lifetime and without having received any consideration, made a will to them or gave them a property equivalent to what they would have been entitled according to the obligatory will:

Provided that if the will is less than what they would have been entitled, it shall be increased accordingly and, if it was more, the excess shall be treated as voluntary will which is subject to the consent of heirs.

PART IX

GENERAL

Islamic Law. 28. (1) Any provisions or interpretation of the provisions under this Enactment which is inconsistent with the Islamic Law shall, to the extent of inconsistency, be void.

(2) In the event of a lacuna or in the absence of any matter not expressly provided for by this Enactment, the Court shall apply Islamic Law.

Power to make rules 29. His Highness the Sultan may, with the advice of the Majlis, by notification in the *Gazette*, make rules for carrying out the provisions of this Enactment and in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing, such rules may provide for—

- (a) the forms, registers and other documents to be used in respect of any act or thing done under or in pursuance of this Enactment;
- (b) the forms of any certificate, notice or other documents required for the purpose of implementing this Enactment;
- (c) the making of searches and the giving of certified copies; and
- (d) such other matters as may be necessary for the proper administration of this Enactment.

FIRST SCHEDULE

(Subsection 2(3))

ARABIC SCRIPT FOR CERTAIN WORDS AND EXPRESSIONS

Hakim	—	حاكم
Hakim Syarie	—	حاكم شرعي

<i>Hukum Syarak</i>	—	حکوم شرع
<i>Iddah</i>	—	عده
<i>Iddah bain</i>	—	عده بائن
<i>Iqrar</i>	—	اقرار
<i>Marad al maut</i>	--	مرض الموت
<i>Qarinah</i>	—	قرینہ
<i>Talaq raj'ie</i>	—	طلاق رجعي
<i>Urf</i>	—	عرف
<i>Waris</i>	—	وارث
<i>Wasi</i>	—	واصی
<i>Wasiat</i>	—	واصیۃ

SECOND SCHEDULE

(Subsection 4(3))

FORM OF WRITTEN WILL

بسم الله الرحمن الرحيم

(In the name of Allah, The Most Gracious, Most Merciful)

Praise be to Allah, peace and blessing of Allah be upon His Messenger,
the prophet Muhammed (s.a.w), the last of the prophets.

This is the last will of me,
(State name)

NRIC No: of
(State address)

duly affirmed and witnessed by the undersigned witnesses that I
am of healthy and sound mind which enable me to appreciate the
nature of the will and the responsibilities it entails; and who bear
witness that there is no god except Allah; alone with no associates
and prophet Muhammed (s.a.w.) is his slave and Messenger and
Paradise is true and so is Hell; Hereafter (akhira) is no doubt
coming and Allah resurrects those in graves;

I enjoin my children, family and relatives to fear Allah Azzawajalla
and to obey Him and to remain firm on His syariat and religion and
they shall not die unless they are Muslim; I also enjoin that when
the span of life of His creatures is arrived, as determined by Allah,
they shall be careful with my estate, namely, by paying the expenses

for the purpose of my funeral ceremony and burial, then to discharge of my debts which have been liable on my *zimmah* and I now hereby acknowledge in the presence of these witnesses that such debt shall be paid to* (state name or names) in the amount of (state amount) and then, the payment of my legacies out of one-third from my estate to* (state name or names) and the distribution of the residue among my successors. They are * (state name or names), as prescribed by the *syariat* of Allah Ta'ala and I also enjoin that they look after my infant; they are* (state name or names) and to administer their shares until they have reached the age of baligh and maturity; and I appoint (state name of executor/s) to be my executor/s and I trust his or their religion, trustworthiness, good character (*adil*) and sound judgement and it is in his or their absolute discretion to do such act or thing as his or they deem fit for the benefit of them and this appointment has been accepted by the abovementioned executor/s in accordance with Islamic Law in the presence of the undersigned witnesses and I so declare accordingly.

Signed by the said testator
in the presence of us, who at
request and in his presence
have subscribed our names
as witnesses.

.....
(Name of testator)

.....
(Name of first witness)

.....
(Name of second witness)

* delete whichever is not applicable

Passed this 9th day of August 1999.
[P.U. Sel. AGM/0037; JAI Sel. 6976.]

ASMAWAR BIN SAMAT,
Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor

Maklumat Peretak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua hak terpelihara. Tiada sebarang bahagian jas daripada perbincangan ini boleh diterbitkan semula atau dikemaskini dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disajikan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau teknik lain tanpa persetujuan Peretakan Nasional Malaysia Berhad (Peretak kepada Kerajaan Malaysia yang dilindungi).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

**SELANGOR WATER
MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999**

**ENAKMEN LEMBAGA URUS
AIR SELANGOR 1999**

SELANGOR

ENAKMEN No. 2 tahun 1999

**ENAKMEN
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga Urus Air Selangor.
4. Keanggotaan Lembaga.
5. Menteri Lembaga.
6. Fungsi dan kuasa Lembaga.
7. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.
8. Perwakilan.
9. Arahan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
10. Maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN III

PENGARAH, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LEMBAGA

11. Pelantikan Pengarah dan pegawai lain.
12. Tugas Pengarah.
13. Kuasa untuk menentukan syarat-syarat perkhidmatan.
14. Tata tertib.
15. Jawatankuasa tata tertib.
16. Peraturan tertentu.

Seksyen

18. Penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam.
19. Pengenaan surcaj.
20. Pemberitahuan tunjuk sebab sebelum disurcaj.
21. Amaun surcaj.
22. Pemberitabuan surcaj.
23. Penarikan balik surcaj.
24. Mendapatkan semula surcaj.
25. Lembaga boleh menerima pakai peraturan, dsb.
26. Jawatankuasa.
27. Orang yang tidak boleh dilantik sebagai anggota atau diambil bekerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga.
28. Pengkhidmat awam untuk maksud Kanun Kesiksaan.
29. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

30. Kumpulan Wang.
31. Hadiyah.
32. Kuasa untuk meminjam.
33. Kewangan.
34. Pinjaman dan biasiswa kepada pegawai dan pekerja.
35. Sekatan pemberian bantuan kewangan, dsb.
36. Pelaburan.
37. Akaun dan audit.
38. Siasatan terhadap Akaun.
39. Laporan Tahunan.

BAHAGIAN V

PERLINDUNGAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER AIR

40. Tanggungjawab bagi sumber air.
41. Kawalan penggunaan dan aliran air.
42. Pelencongan aliran air.

Seksyen

43. Kuasa Pengarah terhadap zon rizab sungai dan pesisiran pantai.
44. Kuasa untuk mengenakan caj.
45. Hak terhadap air untuk tujuan pertanian sara diri.
46. Pelaksanaan Pelan Pengurusan Bersepadu.
47. Kajian Pelan Pembangunan.
48. Penubuhan zon perlindungan.
49. Kawalan pembaziran air.
50. Arahan untuk melaksanakan kerja-kerja tertentu.
51. Pelaksanaan kerja-kerja oleh Lembaga.
52. Perintah impau.
53. Kelengkapan sukatam.
54. Tafsiran.

BAHAGIAN VI**PERISYIHIARAN LEMBAGA SUNGAI, AIR BUMI DAN BADAN AIR**

55. Pemakaian.
56. Perisyiharan lembangan sungai, kawasan tadahan air, air bumi, tanah perairan dan badan air yang ditetapkan.
57. Kuasa dan tugas Lembaga dalam kawasan yang ditetapkan.
58. Kerja atau pembangunan dalam kawasan yang ditetapkan tertakluk kepada nasihat Lembaga.
59. Kuasa untuk mengeluarkan lesen.
60. Lembaga hendaklah dirundingi sebelum pengeluaran bahan batu batan.
61. Lembaga hendaklah dirundingi sebelum meluluskan pelantongan, pengambilan atau pembuangan apa-apa bahan.
62. Tafsiran.

BAHAGIAN VII**PENGGUNAAN EFISIEN DAN PEMULIHARAAN SUMBER**

63. Pembangunan amalan-amalan efisien.
64. Harga air bolehubah.
65. Memindahkan air yang dipemuliharkan melalui amalan-amalan efisien.

BAHAGIAN VIII**LANGKAH-LANGKAH MITIGASI****Seksyen**

66. Kawalan penyaliran aliran puncak.
67. Penyertaan Pengarah dalam pembangunan Pelan Struktur dan Pelan Tempatan.
68. Tebatan banjir.
69. Nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan banjir.
70. Larangan pembinaan dinding dan bangunan di kawasan tebing sungai atau kawasan saluran banjir.
71. Peringatan bencana banjir.
72. Perintah am kemarau.
73. Pengurusan aras air bumi di kawasan tanah-tanah bermasalah.

BAHAGIAN IX**PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

74. Pengecualian.
75. Penilaian kesan terhadap air oleh projek yang dicadangkan.
76. Penilaian kesan terhadap alam sekitar oleh projek yang sedang berjalan.
77. Keluasan penilaian kesan terhadap alam sekitar.
78. Sekatan terhadap pencemaran.
79. Larangan pencemaran sesuatu sumber air.

BAHAGIAN X**PENSWASTAAN**

80. Pemakaian.
81. Pemindahan milik pengusahaan.
82. Keperluan Pelan Penswastaan.
83. Kelulusan Pelan Penswastaan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
84. Pelaksanaan Pelan Penswastaan.
85. Tanggungan berkenaan dengan pengusahaan itu.
86. Kuasa, fungsi dan tugas Lembaga berkenaan dengan pengusahaan yang diswastakan.

Seksyen

87. Pelesenan pengendali.
88. Penggantungan dan penarikan balik lesen.
89. Tugas-tugas pengendali.
90. Standard prestasi.
91. Penyerahan laporan, akaun, dsb.
92. Penyerahan maklumat.
93. Lembaga hendaklah dimaklumkan berkenaan pertukaran kawalan pengendali.
94. Kegagalan pelaksanaan oleh pengendali.
95. Pengurangan atau pemberhentian bekalan oleh pengendali.

BAHAGIAN XI**AKTIVITI ATAS PERMUKAAN BADAN AIR**

96. Kawalan navigasi.
97. Pelesenan navigasi.
98. Rekreasi.

BAHAGIAN XII**PENGUATKUASAAN**

99. Kuasa untuk masuk, menggeledah, memeriksa dan merampas.
100. Pemberian maklumat.
101. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang tahu mengenai kes.
102. Pemeriksaan orang yang tahu mengetahui kes.
103. Kebolehenerima pernyataan sebagai keterangan.
104. Perlindungan kepada pemberi maklumat.
105. Penggalangan terhadap hak akses Lembaga.
106. Tanggungan bagi kerosakan harta-benda.
107. Gangguan atau pengubahsuai tanpa kebenaran.
108. Pemotongan bekalan air.
109. Kuasa untuk menangkap.
110. Pendakwaan.
111. Penggalangan suatu kesalahan.
112. --

Seksyen

113. Kuasa untuk mendapat kembali kos dan perbelanjaan.
114. Hukuman untuk kesalahan yang tidak diperuntukkan sebaliknya.
115. Percubaan dan persubatan.
116. Kesalahan oleh organisasi dan oleh pengkhidmat dan agen.
117. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidangkuasa.
118. Kuasa pegawai polis tidak terjejas.

BAHAGIAN XII**PELBAGAI**

119. Hak akses.
120. Penyerahan pemberitahuan atau dokumen.
121. Kuasa untuk mlarang.
122. Perintah perlindungan air.
123. Kuasa untuk melantik agen.
124. Pengambilalihan harta.
125. Perlindungan daripada tanggungan peribadi.
126. Kuasa Pengarah untuk menetapkan borang.
127. Peraturan.

BAHAGIAN XIV**PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN**

128. Pemansuhan undang-undang yang sedia ada.
129. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat peruntukan peralihan tambahan.
130. Peruntukan peralihan mengenai pegawai.

JADUAL PERTAMA.**JADUAL KEDUA.****JADUAL KETIGA.**

SELANGOR

ENAKMEN No. 2 tahun 1999

BETA PERKENANKAN,

**TENGKU IDRIS SHAH IBNI SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
*Pemangku Raja Selangor***

(MOHOR KERAJAAN)

12 Mei 1999

Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Urus Air Selangor dan perkara-perkara berhubungan dengannya dan membuat peruntukan bagi pengurusan dan perlindungan lembangan sungai, badan air, air bumi, perairan pantai dan tanah perairan serta perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

1/5/2000 - Bhg. I, II, IV, V,
[*] VI, VII, VIII, XII, XIII,
] X, XI
1/3/2003 - Bhg IX, X, XI, & XII

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:**

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen **Lembaga Urus Air Selangor 1999.** Tajuk ringkas, penaksaian dan mula berkuat kuasa.

(2) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi semua sungai, lembangan sungai, kawasan tadahan air, tanah perairan, air bumi, perairan pantai dan badan air dalam Negeri Selangor kecuali yang berada senenangnya dalam Purat

- (b) menggalangi, melencangkan atau menjelaskan aliran dan pergerakan air di dalam sesuatu sumber air;
- (c) mengubahkan keadaan asal sumber air itu;
- (d) mengurangkan daya sesuatu sumber air untuk mengandung air; atau
- (e) menebusgunakan tanah yang menjadi sebahagian daripada sesuatu sumber air,

dan bagi maksud perenggan (b) tafsiran ini, sesuatu aktiviti atau kerja-kerja boleh, tanpa menjelaskan keluasan perenggan itu, terdiri dari pembinaan jambatan, lebuhraya, tambatan, benteng hakisan, pemecah ombak, pembetungan, laluan pejalan kaki, tanjakan bot, tambatan bot, rak ikan, kolam pemeliharaan ikan dan tanda navigasi pada, dalam atau di atas sesuatu sumber air;

“alam sekitar” ertinya faktor-faktor fizikal bagi kawasan di sekeliling manusia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi bagi binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan dan faktor-faktor sosial astetika;

“badan air” ertinya mana-mana alur, tasik, kolam, tanah perairan, perairan pantai dan badan air lain, sama ada semulajadi atau buatan dan termasuklah mana-mana badan air yang ditetapkan;

“badan air yang ditetapkan” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai badan air yang ditetapkan di bawah Bahagian VI;

“bahan buangan” termasuklah apa-apa benda yang ditetapkan sebagai buangan terjadual, atau apa-apa benda sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal, atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan dalam alam sekitar dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran;

“bahan pencemar” ertinya apa-apa benda semulajadi atau buatan, sama ada dalam bentuk pepejal, separuh

(3) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam ~~Warta~~, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya—

- (a) peruntukan yang berlainan Enakmen ini;
- (b) Enakmen ini bagi sungai, lembangan sungai, air bumi, perairan pantai dan badan air yang berlainan atau mana-mana bahagian daripadanya; dan
- (c) peruntukan yang berlainan Enakmen ini bagi sungai, lembangan sungai, air bumi, perairan pantai dan badan air yang berlainan atau mana-mana bahagian daripadanya.

Tafsiran. 2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air bumi” ertinya air bawah permukaan yang terdapat di bawah aras air di dalam tanah-tanah dan bentukan geologik dan termasuklah—

- (a) sesuatu telaga, lubang gerek atau bentuk kerja sepertinya yang digali ke dalam strata bawah tanah, termasuklah mana-mana adit atau saluran yang dibina berhubungan dengan telaga, lubang gerek atau bentuk kerja itu bagi menyenangkan pengumpulan air di dalam telaga, lubang gerek atau bentuk kerja itu;
- (b) mana-mana penggalian ke dalam strata bawah tanah di mana paras air dalam penggalian itu bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada air yang memasukinya daripada strata itu; dan
- (c) mana-mana air bumi yang ditetapkan;

“aktiviti pengubahan sumber” ertinya pelaksanaan apa-apa kerja-kerja atau aktiviti yang melibatkan atau berkemungkinan mempunyai kesan—

- (a) memisahkan, mengeluarkan atau menggali bahan daripada sesuatu sumber air yang mengubahkan keadaan dasar, tebing atau pesisiran sumber air itu;

"mampu" ertinya menguruskan kegunaan dan pembangunan sumber dengan sebeginu cara dan pada kadar yang membolehkan manusia dan masyarakat membuat persediaan secara berterusan bagi kebaikan sosial, kesihatan, ekonomi dan kebudayaan mereka di samping menjaga daya sokongan kehidupan air untuk memelihara kehidupan dan melindungi sumber-sumber alam sekitar yang disokong oleh sumber air;

"negeri-negeri" ertinya negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia;

"Negeri" ertinya Negeri Selangor;

"orang" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967;

Akta 388.

"pemegang kepentingan" ertinya mana-mana orang, organisasi, pertubuhan atau pihak berkuasa awam yang mempunyai kepentingan di dalam atau terjejas oleh pembangunan, penggunaan dan pemuliharaan mana-mana sumber air;

"pencemaran" ertinya apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia, atau biologi mana-mana bahagian alam sekitar dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekitar, bahan pencemar atau bahan buangan hingga menjadikan apa-apa kegunaan berfaedah, menyebabkan suatu keadaan yang berbahaya atau mungkin berbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada binatang, burung, hidup-hidupan liar, ikan atau hidup-hidupan dalam air, atau kepada tumbuh-tumbuhan atau menyebabkan suatu pelanggaran terhadap apa-apa syarat, had atau sekatan yang dikenakan ke atas sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;

"Pengarah" ertinya ketua pegawai eksekutif Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 9 dan termasuklah mana-mana pegawai yang menjalankan tugas-tugas Pengarah;

"kerja-kerja" termasuklah apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan—

- (a) pembinaan, pembuatan atau pemasangan apa-apa struktur, bangunan, alat, vesel, pembetongan, kerjatanah atau tambak pada, di dalam atau atas, mana-mana sumber air;
- (b) pengorekan, penambakan, mendalamkan atau pembuangan apa-apa bahan atau benda ke dalam mana-mana sumber air;
- (c) menarik, memotong dan menebang apa-apa tumbuh-tumbuhan di kawasan tanah bersebelahan dengan mana-mana badan air atau yang berada dalam lembangan sungai; dan
- (d) pengepongan, pelencongan, pembuangan, penggalangan atau penggangguan terhadap aliran dan penggunaan air di dalam mana-mana sumber air;

"Lembaga" ertiinya Lembaga Urus Air Selangor yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"lembangan sungai" ertiinya mana-mana sungai dan kawasan tadahan air yang mengelilingi sungai itu dan termasuklah lembangan sungai yang ditetapkan;

"lembangan sungai yang ditetapkan" ertiinya mana-mana kawasan yang diisyitarkan sebagai lembangan sungai yang ditetapkan di bawah Bahagian VI;

"lesen" ertiinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen iaiti;

"maksud awam" ertiinya penggunaan mana-mana sumber air yang Negeri mempunyai kepentingan termasuklah navigasi, rekeusi, pengekalan kehidupan akuatik dan ikan, habitat ikan dan kehidupan liar, kehidupan liar, kualiti air, kesihatan awam, pemberhentian pencemaran,

atau campuran sekurang-kurangnya dua daripada benda ini, atau bau-bau busuk atau bunyi atau haba yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan atau yang berkemungkinan dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan daripada mana-mana sumber yang boleh secara langsung atau tidak langsung menyebabkan pencemaran dan termasuk apa-apa benda berbahaya kepada alam sekitar;

“dasar” berhubungan dengan sesuatu sumber air, ertiya tanah yang dibatasi oleh tebing yang paling terdekat dengan sumber air itu;

“ditetapkan” ertiya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

Akta 56.
“dokumen” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Keterangan, 1950;

“kawasan tadahan air” ertiya mana-mana kawasan daripada mana sesuatu sumber air menerima aliran permukaan yang berasal dari hujan dan termasuklah mana-mana kawasan tadahan air yang ditentukan;

“kawasan yang ditetapkan” ertiya mana-mana—

- (a) kawasan tadahan air;
- (b) lembangan sungai;
- (c) badan air;
- (d) air bumi; atau
- (e) tanah perairan,

yang ditetapkan atau mana-mana kawasan lain yang diisyiharkan sebagai kawasan yang ditetapkan di bawah Enakmen ini;

“kawasan tadahan air yang ditetapkan” ertiya mana-mana kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan tadahan air yang ditetapkan di bawah Bahagian VI;

“Kerajaan Negeri” ertiya Kerajaan Negeri Selangor;

“pengendali” ertinya mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Bahagian X;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah Timbalan Pengerusi sementara semasa melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi;

“Pentadbir Tanah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di dalam Kanun Tanah Negara, 1965; *Akta 56/65*.

“perairan pantai” ertinya bahagian tertentu laut Negeri yang tidak melebihi tiga batu nautika diukur daripada tanda air surut pasang surut perbani biasa dan termasuklah semua tanah yang terletak di antara tanda air pasang dan tanda air surut pasang surut perbani biasa;

“perbadanan” ertinya perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7;

“pihak berkuasa awam” ertinya mana-mana pihak yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang negeri, atau mana-mana orang yang dilantik oleh atau bertindak bagi mana-mana pihak berkuasa itu;

“Pihak Berkuasa Negeri” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam *Akta Tafsiran 1948* dan *Akta 388* 1967;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana dewan bandaraya, majlis perbandaran atau majlis daerah, mengikut mana yang berkenaan;

“premis” termasuklah mana-mana bangunan atau struktur atau mana-mana bahagiannya (sama ada siap atau sebaliknya), tanah tanpa apa-apa bangunan atau struktur, dan mana-mana dermaga, jermuang, kemudahan penurunan penumpang, vesel atau struktur timbul atas

"rizab sungai" ertinya sungai itu dan had dataran banjir menghala ke darat yang terletak dalam jarak 50 meter dari tanda air pasang biasa sungai itu atau jarak lain yang diperuntukkan oleh Lembaga dan termasuklah mana-mana rizab sungai yang ditetapkan;

"sumber" ertinya apa-apa perkara, benda, bahan atau cecair yang berlaku dalam, berhubungan dengan atau bergantung kepada air sama ada ia memerlukan penggunaan tenaga kerja terhadap pengeluarannya dan sama ada di atas atau di bawah permukaan dan termasuklah tetapi tidak terhad kepada—

- (a) flora dan fauna;
- (b) air, galian, pasir atau tanah;
- (c) produk semulajadi yang lain; atau
- (d) mana-mana kawasan yang mempunyai ciri-ciri untuk maksud awam;

"sumber air" ertinya mana-mana sungai, lembangan sungai, air bumi atau badan air;

"sungai" ertinya mana-mana alur buatan, saluran air semulajadi atau mana-mana anak sungai atau lengcongan buatan terhadapnya dan mana-mana kepongan di dalam alur;

"Tabung" ertinya Tabung yang ditubuhkan di bawah bahagian IV;

"tanah perairan" ertinya mana-mana kawasan paya, fen, tanah gambut, rawa atau tanah rendah yang ditenggelami atau dipenuhi air yang statik atau mengalir, sama ada semulajadi atau sebaliknya, tawar, keroh atau masin, mengikut mesim, tidak berterusan atau berterusan dan termasuklah mana-mana tanah perairan yang ditetapkan;

"tebing" berhubungan dengan sesuatu sumber air ertinya tebing sumber air itu yang terbentuk secara semulajadi atau buatan;

"vesel" termasuklah mana-mana kapal atau bot atau apa-apa jenis vesel yang digunakan bagi navigasi;

"zon banjir" ertiinya mana-mana kawasan di tepi sungai yang senang dilanda banjir.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Urus Air Selangor".

Penubuhan
Lembaga Urus
Air Selangor.

(2) Lembaga hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meteri biasa, dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang diletakkan pada Lembaga, atas apa-apa terma yang didapati patut.

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang Keanggotaan Lembaga dari sepuluh ahli lain seperti berikut:

- (a) Menteri Besar yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Setiausaha Kerajaan Negeri yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;

- (e) dua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Menteri Besar;
- (f) Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Persekutuan;
- (g) tidak lebih dari lima ahli lain yang, pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kepakaran tinggi dalam perkara yang berhubungan dengan pengurusan dan pemuliharaan lembangan sungai, air bumi dan sumber air; dan
- (h) Pengarah yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga yang disebut di dalam perenggan (g) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Anggota-anggota Lembaga bolehlah dibayar gaji atau elauan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Peruntukan-peruntukan di dalam Jadual Pertama adalah terpakai berkenaan dengan Lembaga dan anggota-anggotanya.

Meteri
Lembaga.

5. (1) Meteri biasa Lembaga hendaklah mengandungi reka bentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Meteri biasa Lembaga hendaklah disimpan di dalam jagaan Setiausaha dan tidak boleh digunakan kecuali dengan kelulusan Lembaga.

(3) Meteri Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan secara rasmi dan kehakiman.

6. (1) Fungsi Lembaga adalah untuk—

- (a) memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menjaga, memelihara dan memudahkan pembangunan mampar, penggunaan dan pemuliharaan sumber air yang efisien bagi maksud awam;
- (b) membangun, melaksana dan menggalakkan projek infrastruktur untuk tujuan pelbagai fungsi;
- (c) mengatur dan mengawal pemindahan air antara lembangan di dalam Negeri;
- (d) membangun dan melaksanakan panduan, standard prestasi, cara-cara dan tatacara-tatacara berhubungan dengan pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber-sumber air;
- (e) menyelaras perhubungan pelbagai agensi dalam Negeri dan menggalakkan kerjasama serta penyelarasan untuk kegunaan sumber-sumber air pelbagai fungsi;
- (f) menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (g) mengendalikan penyelidikan berhubungan dengan pengurusan, penggunaan efisien, pembangunan dan pemuliharaan sumber-sumber air dan sumber-sumber di dalamnya;
- (h) menyediakan latihan dan mengadakan kemudahan untuk latihan berhubungan dengan fungsi Lembaga;
- (i) menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubungan dengan perisytiharan kawasan yang ditetapkan dan dilindungi serta merumus dan melaksanakan pelan pembangunan dan pelan pengurusan untuk

Fungsi dan
kuasa
Lembaga.

- (j) menjaga kepentingan Negeri di dalam hal pembangunan, pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber-sumber air;
- (k) mengurus dan mengawal pemasangan, pengendalian dan penyelenggaraan tempat-tempat dan peralatan kepunyaan Lembaga;
- (l) menjaga kepentingan pengguna-pengguna air berhubungan dengan jumlah, kualiti dan harga yang hendak dikenakan untuk bekalan air;
- (m) menggalakkan penubuhan pertubuhan pemegang kepentingan untuk Lembaga dalam pembangunan dan pemuliharaan sumber-sumber air;
- (n) memberikan lesen atas syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga kepada mana-mana pihak berkuasa awam atau orang bagi mengusahakan sebarang kegiatan yang berhubungan dengan sumber-sumber air dan untuk mengawalselia pemegang-pemegang lesen serta aktiviti-aktiviti mereka;
- (o) menswastakan, dengan kejulusan Pihak Berkuasa Negeri, mana-mana pengusahaannya mengikut peruntukan Enakmen ini;
- (p) menyiasat sebarang kejadian, kesalahan atau kemalangan yang berlaku di atas atau berhubungan dengan suatu sumber air;
- (q) membuat apa-apa benda laju yang didapatinya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah mempuuyai kuasa untuk—

- (a) mengendalikan tinjauan, membuat kajian daya maju dan mengumpul maklumat untuk penyelidikan dan penyediaan pelan-pelan pengurusan serta pemuliharaan mana-mana sumber air;

- (b) merumus, meluluskan dan melaksanakan pelan-pelan pengurusan dan pembangunan untuk sumber-sumber air dan membuat sebarang kerja yang berhubungan dengannya;
- (c) merumus dan meluluskan caj dan fee untuk penggunaan sumber-sumber air dan sumber-sumber di dalamnya;
- (d) menasihati Pihak Berkuasa Negeri tentang penetapan sebarang kawasan sebagai kawasan yang ditetapkan atau zon terlindung untuk perlindungan, pengawalan dan pengurusan yang lebih rapi bagi kawasan itu;
- (e) mengatur dan mengawalselia mana-mana aktiviti pengubahan sumber dan tindakan seseorang atau badan berkenaan mana-mana sumber air;
- (f) menetap dan mengenakan fee dan apa-apa caj lain yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya di bawah Enakmen ini;
- (g) membina, menyelenggara, memulih, mendiami semula dan menggunakan sebarang struktur, bangunan, atau kerja-kerja di dalam batasan mana-mana sumber air;
- (h) membina, menyelenggara, memperbaiki, memulih dan membaik pulih sebarang kerja-kerja di luar batasan sumber-sumber air seperti yang diperlukan untuk perlindungan kerja-kerja kepunyaannya di dalam batasan mana-mana sumber air;
- (i) mengawalselia pengeluaran lesen dan permit atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar untuk masuk kepada atau keluar daripada sebarang kawasan yang ditetapkan atau dilindungi, atau untuk pelaksanaan aktiviti pengubahan sumber di dalam batasan mana-mana

- (j) menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubungan dengan pemindahan air dari, di antara dan di kalangan negeri-negeri;
- (k) menyelaras kegiatan pihak berkuasa awam, pertubuhan pemegang kepentingan dan mana-mana orang berhubungan dengan pengurusan, penggunaan efisien dan pemuliharaan sumber-sumber air;
- (l) melantik atau menggaji agen, penasihat teknikal, konsultan atau orang lain untuk mengendalikan apa-apa perkara atau memasukki kontrak bagi pelaksanaan apa-apa kerja, untuk perkongsian keuntungan atau usahasama dengan mana-mana orang atau badan;
- (m) memperolehi melalui pembelian, hadiah atau sebaliknya dan melupuskan atau berurus dengan harta alih dan harta tak alih dan sebarang kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga;
- (n) membuat atau melaksanakan sebarang perbuatan yang dianggap oleh Lembaga sebagai perlu, bermanfaat atau suai manfaat untuk dilakukan atau dibuat di dalam pelaksanaan tugas-tugasnya atau untuk melaksanakan secara lebih berkesan tujuan-tujuan Enakmen ini; dan
- (o) melaksanakan semua fungsi dan kuasa dan menjalankan semua tugas yang diberikan atau diwakilkan kepadanya di bawah atau berkenaan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Kuasa 100%
membutuhkan
perbadanan.

7. Lembaga bolehlah dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menurut Jadual 2, menu buhkan suatu perbadanan untuk melaksanakan dan mempunyai tanggungjawab, pejalanan dan pengurusan terhadap mana-mana sumber air yang telah diurus oleh Lembaga pada melaksanakan tugas dan fungsinya di bawah seksyen 6.

8. (1) Lembaga bolehlah, tertakluk kepada apa-apa perwakilan syarat, had atau sekatan yang didapatinya patut dikenakan, mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa, jawatankuasa kecil, pihak berkuasa awam atau Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Pengarah kuasa serta kebenaran untuk melaksanakan bagi pihaknya mana-mana fungsi, tanggungjawab dan kuasa yang ditentukan oleh Lembaga untuk dilaksanakan di dalam atau di luar Negeri kecuali kuasa untuk meminjam wang, mendapatkan pinjaman atau membuat peraturan dan sebarang fungsi, tugas atau kuasa yang telah diwakilkan boleh dilaksanakan atau dilakukan di atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(2) Tanpa prejudis kepada keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh mewakilkan kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Pengarah atau mana-mana ahlinya, pegawaiannya atau jawatankuasanya kuasa untuk membenarkan perbelanjaan dari Tabung atau sebarang wang lain di bawah kawalan Lembaga sehingga satu had yang disebutkan oleh Lembaga dalam kes itu.

9. Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan kepada Lembaga arahan-arahan yang bersifat am yang bukan tak konsisten dengan peruntukan Enakmen ini dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan-arahan itu.

10. Lembaga hendaklah membekalkan sebarang penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan hartanya, kewangannya dan kegiatannya seperti diperlukan atau diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

Arahan oleh
Pihak
Berkuasa
Negeri.

Maklumat
kepada Pihak
Berkuasa
Negeri.

BAHAGIAN III

PENGARAH, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LEMBAGA

11. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang Pengarah atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh

Pelantikan
Pengarah dan

(2) Pelantikan Pengarah hendaklah dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan hendaklah disjarkan di dalam *Warta*.

(3) Jika pada sesuatu tempoh Pengarah atas apa-apa sebab tidak boleh menjalankan kuasa dan tugas jawatannya Lembaga boleh melantik orang lain yang layak dan wajar untuk bertindak sebagai Pengarah.

(4) Lembaga boleh melantik, dengan terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan berpatutan, mana-mana pegawai dan pengkhidmat lain yang diperlukan untuk menjalankan tujuan-tujuan Enakmen ini.

12. Pengarah hendaklah—

- (a) bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan Lembaga yang patut;
- (b) bertanggungjawab untuk penyediaan dasar-dasar, pelan-pelan, program-program, skim-skim atau projek-projek untuk dipertimbangkan oleh Lembaga;
- (c) bertanggungjawab untuk melaksanakan, menyelia dan mengawal kesemua keputusan-keputusan dasar, pelan-pelan, program-program, skim-skim dan projek-projek yang diluluskan oleh Lembaga;
- (d) menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas kesemua pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga; dan
- (e) melakukan tugas-tugas dan menggunakan kuasa yang dari semasa ke semasa ditetapkan atau diwakilkan oleh Lembaga atau sebagaimana yang diarah oleh Pengerusi.

Kuasa untuk menerangkan syarat perkhidmatan

13. (1) Pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan, menerima ganjaran gaji, fee dan eluan,

dan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Lembaga bolehlah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk menentukan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

14. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan pengkhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang yang sedemikian menurut Enakmen ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16.

15. (1) Lembaga bolehlah menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pegawai dan pekerjanya.

(2) Yang berikut hendaklah terpakai bagi sebuah jawatankuasa tatatertib—

(a) sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Lembaga selain Pengarah atau pekerja Lembaga atau apa-apa gabungan anggota dan pekerja itu; dan

(b) seseorang pekerja yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada seseorang pekerja yang ke atasnya jawatankuasa yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(3) Sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan tatatertib pekerja yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(4) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk

hukuman atau apa-apa gabungan dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen 16.

Peraturan
tatatertib.

16. (1) Lembaga bolehlah, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi tatatertib pekerja.

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tatatertib;
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tatatertib yang didapati sesuai oleh Lembaga dan hukuman itu boleh meliputi—
 - (i) amaran;
 - (ii) denda;
 - (iii) pelucutahan emolumen;
 - (iv) penangguhan pergerakan gaji;
 - (v) pengurangan gaji;
 - (vi) penurunan pangkat; dan
 - (vii) buang kerja;
- (c) hendaklah memberikan peluang kepada pekerja yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib kecuali dalam hal-hal yang berikut—
 - (i) jika seseorang pekerja dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;

- (ii) jika Lembaga, atas syor arahan Menteri yang dipertanggungkan dengan hal-hal dalam negeri, berpuashati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suai manfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau
 - (iii) jika telah—
 - (A) dibuat terhadap seseorang pekerja apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi; atau
 - (B) dikenakan terhadap seseorang pekerja apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya;
- di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis;
- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen seseorang pekerja sementara menanti selesainya prosiding jenayah atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya;
 - (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pekerja—
 - (i) jika pekerja itu telah disabitkan oleh sesuatu mahkamah jenayah; atau
 - (ii) jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dikenakan ke atas pekerja itu; dan

(f) boleh mengadakan peruntukan bagi tatacara pendengaran rayuan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 17.

Lembaga
Rayuan
Tatatertib.

17. (1) Suatu keputusan jawatankuasa tatatertib boleh dirayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut—

(a) Timbalan Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dan mempunyai undi pemutus; dan

(b) dua anggota Lembaga yang lain, yang bukannya anggota jawatankuasa tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan, anggota jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubung dengan rayuan itu.

(3) Lembaga Rayuan Tatatertib boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.

Penamatatan
perkhidmatan
demi
kepentingan
awam.

18. (1) Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pekerja ditamatkan demi kepentingan awam, maka Lembaga bolehlah meminta daripada pegawai atasan pekerja itu suatu laporan lengkap yang mengandungi butir-butir yang berhubungan dengan kerja dan tatakelakuan pekerja itu.

(2) Jika, setelah menimbangkan laporan yang diterima di bawah subseksyen (1), Lembaga berpuas hati bahawa dengan mengambil kira syarat perkhidmatan, kegunaan pekerja itu, kerja dan tatakelakuan pekerja itu dan segala

hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pekerja itu berkuat kuasa mulai dari tarikh yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Adalah sah di sisi undang-undang bagi jawatankuasa tatatertib yang berkenaan untuk mengesyorkan kepada Lembaga supaya perkhidmatan seseorang pekerja ditamatkan demi kepentingan awam, walaupun prosiding tatatertib belum dijalankan di bawah Enakmen ini, dan Lembaga boleh dengan demikian menamatkan perkhidmatan pekerja itu.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Enakmen ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, dalam menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja demi kepentingan awam di bawah seksyen ini, pekerja itu boleh tidak diberikan peluang untuk didengar dan seseorang pekerja yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi kepentingan awam di bawah seksyen ini tidak boleh dianggap telah dibuang kerja, tanpa mengira sama ada penamatkan perkhidmatan pekerja itu melibatkan suatu unsur hukuman atau berkaitan dengan tatakelakuan berhubungan dengan jawatannya yang dianggap oleh Lembaga tak memuaskan atau patut disalahkan.

19. (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada Pengesahan surcaj. Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutan wang itu adalah atau telah menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Lembaga yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau secara tak langsung, bagi apa-

apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Lembaga;

- (d) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatian dalam pembayaran wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga; atau
- (e) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya.

(2) Dalam seksyen ini, "pegawai perakaunan" termasuklah seseorang pekerja yang dipertanggungkan dengan—

- (a) kewajipan untuk memungut, menerima atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Lembaga;
- (b) kewajipan untuk membuat pembayaran, atau yang sebenarnya membuat pembayaran, daripada apa-apa wang Lembaga; atau
- (c) kewajipan untuk menerima, menyimpan, melupuskan atau mengakaunkan, apa-apa barang simpanan dan harta Lembaga, atau yang sebenarnya menerima, memegang, melupuskan atau mengakaunkan tentang barang simpanan dan harta itu.

Pemberi-
tahuan tunjuk
sebab
sebelum
disurcaj.

- 20.** Lembaga hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, menyampaikan kepadanya suatu pemberitahuan bertulis yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.

21. Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima Amaun surcaj. dalam masa empat belas hari dari tarikh pemberitahuan disampaikan kepada seseorang di bawah seksyen 20, Lembaga boleh—

- (a) dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 19(1)(a), (b) dan (c), mensurajkan terhadap orang itu wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan
- (b) dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebutkan dalam perenggan 19(1)(d) dan (e), mensurajkan apa-apa jumlah wang terhadap orang itu sebagaimana yang didapati patut oleh Lembaga.

22. Lembaga hendaklah memberitahu orang yang Pemberi-
tabuan surcaj. disurcajkan berkenaan dengan apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 21.

23. Walau apa pun apa-apa jua seksyen 21 dan 22, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dikenakan, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu tentang penarikan balik itu. Penarikan
balik surcaj.

24. Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 21 dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 23 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang disurcaj dan boleh didakwa dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga, jika diarahkan oleh Lembaga, didapatkan melalui potongan— Mendapatkan
semula surcaj.

42. (c) Membuat Lembaga yang bertujuan untuk mengamalkan, membangunkan dan membina teknologi Negeri, merentas pokok dengan memastikan apa-apa tajaismeuan yang difikirkannya patut muda-muda peraturan, kredibiliti, dasar, pekeliling dan arahap yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Keratuan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

- Jawatankuasa 26. (1) Lembaga balelahi menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya suai manfaat untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasa yang boleh diwakilkan oleh Lembaga atau untuk memeriksa dan melaporkan kepada Lembaga berkenaan apa-apa hal yang berikutan atau berhubungan dengan mana-mana fungsi dan kuasa Lembaga di bawah Enakmen iai,
- (2) Hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada—
- (a) seorang Pengurus, yang adalah Timbalan Pengurus Lembaga;
 - (b) Pengarah;
“¹ Dalam hal ini, kita tidak perlu menulis bahwa dalam pengembangan teknologi dan sains, kita tidak boleh mengabaikan faktor-faktor sosial dan politik yang berdampak pada perkembangan teknologi dan sains. Namun, kita juga tidak boleh mengabaikan faktor-faktor teknologi dan sains yang berdampak pada perkembangan faktor-faktor sosial dan politik. Karena itu, kita perlu memahami bahwa teknologi dan sains adalah dua hal yang saling berkaitan dan berpengaruh satu sama lain. Jadi, kita perlu memahami bahwa teknologi dan sains adalah dua hal yang saling berkaitan dan berpengaruh satu sama lain.

2. Pengembangan teknologi dan sains dalam perspektif faktor-faktor sosial dan politik

(*) Dalam hal ini, kita tidak perlu menulis bahwa dalam pengembangan teknologi dan sains, kita tidak boleh mengabaikan faktor-faktor sosial dan politik yang berdampak pada perkembangan teknologi dan sains. Namun, kita juga tidak boleh mengabaikan faktor-faktor teknologi dan sains yang berdampak pada perkembangan faktor-faktor sosial dan politik. Karena itu, kita perlu memahami bahwa teknologi dan sains adalah dua hal yang saling berkaitan dan berpengaruh satu sama lain.

(**) Dalam hal ini, kita tidak perlu menulis bahwa dalam pengembangan teknologi dan sains, kita tidak boleh mengabaikan faktor-faktor sosial dan politik yang berdampak pada perkembangan teknologi dan sains. Namun, kita juga tidak boleh mengabaikan faktor-faktor teknologi dan sains yang berdampak pada perkembangan faktor-faktor sosial dan politik. Karena itu, kita perlu memahami bahwa teknologi dan sains adalah dua hal yang saling berkaitan dan berpengaruh satu sama lain.

(***) Dalam hal ini, kita tidak perlu menulis bahwa dalam pengembangan teknologi dan sains, kita tidak boleh mengabaikan faktor-faktor sosial dan politik yang berdampak pada perkembangan teknologi dan sains. Namun, kita juga tidak boleh mengabaikan faktor-faktor teknologi dan sains yang berdampak pada perkembangan faktor-faktor sosial dan politik. Karena itu, kita perlu memahami bahwa teknologi dan sains adalah dua hal yang saling berkaitan dan berpengaruh satu sama lain.

III. Kesimpulan

A. Pengembangan teknologi dan sains dalam perspektif faktor-faktor sosial dan politik

(*) Dalam hal ini, kita tidak perlu menulis bahwa dalam pengembangan teknologi dan sains, kita tidak boleh mengabaikan faktor-faktor sosial dan politik yang berdampak pada perkembangan teknologi dan sains. Namun, kita juga tidak boleh mengabaikan faktor-faktor teknologi dan sains yang berdampak pada perkembangan faktor-faktor sosial dan politik. Karena itu, kita perlu memahami bahwa teknologi dan sains adalah dua hal yang saling berkaitan dan berpengaruh satu sama lain.

B. Pengembangan teknologi dan sains dalam perspektif faktor-faktor teknologi dan sains

(**) Dalam hal ini, kita tidak perlu menulis bahwa dalam pengembangan teknologi dan sains, kita tidak boleh mengabaikan faktor-faktor teknologi dan sains yang berdampak pada perkembangan faktor-faktor sosial dan politik. Namun, kita juga tidak boleh mengabaikan faktor-faktor sosial dan politik yang berdampak pada perkembangan teknologi dan sains. Karena itu, kita perlu memahami bahwa teknologi dan sains adalah dua hal yang saling berkaitan dan berpengaruh satu sama lain.

serta perintah-perintah yang dibuat di bawah Akta itu. Lembaga bolehlah, sekiranya diperlukan, menasihati Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar dalam menimbangkan apa-apa laporan atau dalam membuat apa-apa keputusan berkenaan pembangunan, aktiviti atau projek yang dicadangkan.

Akta 127.

(3) Pencadang projek itu hendaklah membuat atau menyebabkan dibuat suatu laporan ke atas apa-apa kerja-kerja dalam mana-mana kawasan yang ditetapkan yang tidak diperuntukkan di bawah terma-terma seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Laporan itu hendaklah mengikut garis panduan yang disediakan oleh Lembaga setelah berunding dengan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar dan hendaklah mengandungi penilaian kesan kerja-kerja yang dicadangkan itu terhadap alam sekitar, dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelak, mengurangkan, meringankan atau mengawal apa-apa kesan yang menjelaskan alam sekitar yang dikenalpasti.

(4) Apa-apa laporan yang disediakan menurut subseksyen (3) hendaklah diserahkan kepada Lembaga yang hendaklah melakukan mana-mana yang berikut:

- (a) meneliti laporan itu dan membuat apa-apa siasatan sebagaimana difikirkannya perlu;
- (b) menghendaki maklumat dan laporan lanjutan diserahkan; dan
- (c) meluluskan laporan itu, sama ada bersyarat atau tanpa syarat yang perlu dipatuhi oleh pencadang projek; atau
- (d) menolak laporan itu, dengan memberi alasan bagi keputusan itu dan membenarkan pencadang projek membuat penggubalan-semula dan menyerahkan laporan yang digubalkan-semula untuk dipertimbangkan selanjutnya, dan hendaklah memberitahu pencadang projek itu berkenaan keputusannya.

(5) Setelah selesainya penilaian dan pemeriksaan yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) atau setelah kelulusan laporan yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3), mengikut mana yang sesuai, pencadang projek hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang telah ditetapkan terhadap pelaksanaan projek yang dicadangkan melalui penerimaan pakai pelan pengurusan alam sekitar yang sesuai dan hendaklah menyediakan laporan pencapaian berkala berkenaan pematuhan syarat-syarat dan pelan itu.

(6) Lembaga bolehlah, berdasarkan laporan-laporan yang diserahkan di bawah subseksyen (5) atau setelah pemeriksaan aktiviti itu, meminta langkah pembaik pulih diambil untuk mengelakkan, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan buruk terhadap alam sekitar oleh aktiviti itu.

(7) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya lima ribu ringgit untuk setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan.

76. (1) Lembaga bolehlah menjalankan, atau menyebabkan mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang mengawal menjalankan, penilaian kesan terhadap alam sekitar setiap projek yang sedia ada di dalam kawasan yang ditetapkan. Penilaian itu hendaklah mengandungi penilaian penaksiran langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan, meringankan, mengurangkan atau mengawal apa-apa kesan yang menjejaskan alam sekitar oleh projek itu.

(2) Apa-apa syor yang dibuat sebagai sebahagian daripada penilaian yang dihuraikan dalam subseksyen (1) hendaklah dilaksanakan, setakat mana yang boleh dipraktikkan secara munasabah, oleh Lembaga atau pihak berkuasa awam yang berkaitan, mengikut mana yang sesuai.

(3) Lembaga bolehlah, melalui pemberitahuan bertulis, menghendaki mana-mana orang yang bertanggungjawab untuk mana-mana aktiviti pengubahan sumber yang sedia ada di dalam kawasan yang ditetapkan untuk melaksanakan langkah-langkah yang, pada pendapatnya, adalah sesuai untuk mengurangkan kesan aktiviti itu yang menjelaskan alam sekitar.

(4) Lembaga bolehlah, dalam apa-apa urusan dengan mana-mana pihak berkuasa awam, mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri langkah-langkah yang hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa awam itu di bawah seksyen ini dan Pihak Berkuasa Negeri bolehlah membuat arahan tertentu atas syor itu sebagaimana difikirkan wajar.

(5) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya lima ribu ringgit setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan.

Keluasan
penilaian
kesan
terhadap
alam sekitar.

77. Tanpa menjelaskan luasannya seksyen 75 dan 76 Enakmen ini, apa-apa penilaian kesan terhadap alam sekitar di bawah Bahagian ini hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pertimbangan yang berikut—

- (a) peningkatan penggunaan air secara efisien;
- (b) pengurangan air larian;
- (c) pengurangan kesan terhadap pengguna air di hilir sungai;
- (d) pengurangan kesan terhadap sumber-sumber dalam alur;
- (e) kesan terhadap pengendalian takungan, termasuk kadar pelepasan minima, yang mengambil kira rekreasi dan kegunaan navigasi di hilir sungai serta sumber-sumber dalam alur yang bergantung kepada sungai;

- (f) peringaman kesan yang diakibatkan oleh susutan aras air bumi;
- (g) perlindungan dan pembaik pulih tanah perairan dan lain-lain kawasan yang alam sekitarnya sensitif tertakluk kepada kerosakan atau bertambah buruk segi ekologi;
- (h) pengelakan atau peringaman penerobosan air masin;
- (i) peringaman kesan pengeluaran air untuk akuakultur atau aktiviti pertanian yang lain;
- (j) pembentukan zon perlindungan termasuk penyenggaraan rizab sungai;
- (k) penurunan kesan terhadap saliran air larian terhadap kawasan pantai yang tertakluk kepada kerosakan atau bertambah buruk segi ekologi;
- (l) pengurangan kesan saliran daripada pertanian;
- (m) mengelakkan atau mengurangkan pengelodakan sumber air;
- (n) kawalan terhadap pelepasan bahan buangan daripada aktiviti-aktiviti pertanian atau perkebunan;
- (o) kawalan terhadap punca pencemaran yang tidak setempat;
- (p) peringaman, pencegahan, pengurangan atau kawalan mana-mana kesan yang timbul daripada projek atau aktiviti itu.

78. (1) Lembaga bolehlah, setelah berunding dengan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar, menetapkan syarat-syarat yang boleh diterima untuk pemancaran, pelepasan atau pendepositan bahan buangan oleh mana-mana orang ke dalam mana-mana kawasan yang ditetapkan atau bahagiannya.

Sekatan
terhadap
pencemaran.

(2) Untuk tujuan melaksanakan syarat-syarat yang dinyatakan menurut subseksyen (1), Lembaga bolehlah

mencegah, mengawal atau mengawalselia pemancaran, pelepasan atau pendepositan bahan buangan oleh mana-mana orang ke dalam mana-mana kawasan yang ditetapkan atau bahagiannya.

(3) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1) dan (2), seseorang hendaklah dianggap sebagai memancarkan, melepaskan atau mendepositkan bahan buangan ke dalam kawasan yang ditetapkan sekiranya—

- (a) ia meletakkan apa-apa bahan buangan atau membentarkan apa-apa bahan buangan mendapat akses terhadap mana-mana tanah, tanah-tanah atau air; atau
- (b) ia menyebabkan apa-apa pengubahsuai kepada keadaan dan penggunaan semulajadi tanah, tanah-tanah atau air yang menerima bahan buangan itu.

(4) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tiga ribu ringgit setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan.

Larangan
pencemaran
sesuatu
sumber air.

79. (1) Kecuali sebagaimana yang telah dibenarkan secara nyata di dalam mana-mana undang-undang bertulis tiada seorang pun, kecuali di bawah dan menuruti termaterra dan syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini, menyebabkan kemasukan atau melepaskan ke dalam mana-mana sumber air—

- (a) apa-apa bahan beracun, bahan memudaratkan atau bahan pencemar atau bahan buangan yang akan menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan atau menyumbang kepada terjadinya suatu sumber air atau bahagiannya merbahayakan, memburukkan atau menjelaskan kesihatan, keselamatan atau kebajikan orang awam atau kehidupan atau kesihatan haiwan

atau tumbuh-tumbuhan atau padanya atau terhadap penggunaan berfaedah lain sumber air itu;

- (b) apa-apa bahan yang disebabkan haba, kandungan biologi atau kimianya atau kesannya menukar warna air membuat atau menyumbangkan terhadap membuatkan sumber air atau bahagiannya itu berpotensi merbahayakan kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam atau kehidupan atau kesihatan haiwan atau tumbuh-tumbuhan atau menjasakan penggunaan berfaedah lain sumber air itu;
- (c) apa-apa bahan yang disebabkan keadaan fizikal, kandungan kimia atau biologi, atau kesannya menukar warna air membuat atau menyumbangkan terhadap membuatkan sumber air itu sukar dipulihkan atau menjasakan aliran, kualiti atau kuantiti air di dalam sumber air itu; dan
- (d) minyak dalam apa-apa bentuk, minyak yang telah digunakan, bahan buangan atau bahan buangan yang mengandungi minyak atau sebaliknya.

(2) Apabila apa-apa kemasukan atau pelepasan itu telah dibuat, tuanpunya atau penghuni harta tanah dari mana kemasukan atau pelepasan itu berpunca hendaklah, kecuali dibuktikan sebaliknya, dianggap telah melepaskan atau menyebabkan kemasukannya ke dalam sumber air itu.

(3) Lesen untuk memasukkan atau membuang ke dalam mana-mana sumber air mana-mana bahan yang disebutkan di dalam subseksyen (1) boleh diberikan oleh Lembaga menurut seksyen 59.

(4) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya lima ribu setiap hari kesalahan diteruskan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki

BAHAGIAN X
PENSWASTAAN

Pemakaian.

80. (1) Bahagian ini hendaklah terpakai terhadap mana-mana pemindahan milik atau pelupusan oleh Lembaga, sama ada melalui satu transaksi atau siri transaksi, berkenaan kesemua atau sebahagian daripada pengusahaannya.

(2) Tiada pengusahaan boleh dipindahmilik atau dilupuskan, dikerjakan, dikendalikan atau diuruskan oleh mana-mana orang kecuali menurut peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

**Pemindahan-
milik
pengusahaannya.**

81. Tertakluk kepada had yang ditetapkan di dalam Bahagian ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk memindahmilikkan atau melupuskan kesemua atau mana-mana bahagian pengusahaannya kepada mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Enakmen ini.

**Kepertuan
Pelan
Penswastaan.**

82. (1) Lembaga hendaklah, sebelum pemindahan milik atau pelupusan mana-mana pengusahaannya di bawah seksyen 81, menyedia dan menyerahkan pelan penswastaan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusannya.

(2) Pelan penswastaan itu hendaklah termasuk:

- (a) pengenalan pengusahaan yang akan diswastakan;
- (b) nilai jangkaan pengusahaan itu;
- (c) bentuk dan had tanggungan, jika ada, untuk dipindahmilikkan;
- (d) cara bagaimana pengusahaan dan tanggungan itu akan dipindahmilikkan atau dilupuskan;
- (e) apa-apa aturan yang berhubungan dengan pemindahan pegawai dan pekerja yang terbabit kepada bakal pengendali itu;

- (f) peruntukan yang memberi kuasa kutipan caj yang berpatutan oleh Lembaga dan pembayaran sebahagian munasabahnya sebagai gantirugi kepada mana-mana pengendali yang bertanggungjawab terhadap pengusahaan itu;
- (g) mana-mana perkara lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

83. (1) Tiada pelan penswastaan boleh diperkuatkuaskan sebelum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kelulusan
Pelan
Penswastaan
oleh Pihak
Berkuasa
Negeri.

(2) Setiap pelan penswastaan hendaklah dikuatkuaskan di dalam bentuk yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Negeri bolehlah memberi kelulusan terhadap bahagian pelan penswastaan yang boleh dipisahkan dan Enakmen ini hendaklah terpakai untuk bahagian itu seolah-olah ianya adalah suatu pelan penswastaan.

(4) Pihak Berkuasa Negeri bolehlah, mengikut budibicaranya sendiri atau di atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan, membuat pembetulan kepada mana-mana pelan penswastaan.

(5) Pihak Berkuasa Negeri bolehlah memperuntukkan bahawa apa-apa caj, atau bahagiannya yang berpatutan, dikenakan menurut peruntukan Enakmen ini, diberi kepada dan dikutip secara langsung oleh pengendali daripada mana-mana orang yang dikenakan caj itu.

84. Mana-mana pelan penswastaan hendaklah dilaksanakan oleh Lembaga setelah—

Pelaksanaan
Pelan
Penswastaan.

- (a) mendapat kelulusan pelan itu dari Pihak Berkuasa Negeri menurut seksyen 83;
- (b) penandatanganan apa-apa perjanjian yang diperlukan di antara Lembaga dan bakal pengendali pengusahaan itu; dan

(c) pengeluaran lesen kepada pengendali menurut peruntukan seksyen 87 Enakmen ini.

Tanggungan berkenaan dengan pengusahaan itu.

85. Apa-apa tanggungan yang dikenalpasti dalam suatu pelan penswastaan hendaklah kekal sebagai tanggungan Lembaga, mengikut mana yang sesuai, kecuali setakat perjanjian bertulis yang berlainan yang dimasuki oleh kesemua yang berikut:

- (a) Lembaga;
- (b) pengendali;
- (c) orang terhadap mana tanggungan terhutang; dan
- (d) mana-mana penjamin tanggungan itu.

Kuasa, fungsi dan tugas Lembaga berkenaan dengan pengusahaan yang diswastakan.

86. Lembaga hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa yang selainnya telah diberikan oleh Enakmen ini, menjalankan fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan pengendalian kerja-kerja dan perkhidmatan yang telah diswastakan yang dibekalkan oleh pengendali berlesen menurut Bahagian ini. Pelaksanaan fungsi ini hendaklah termasuk—

- (a) penetapan dan penguatkuasaan standard prestasi yang terpakai bagi mana-mana kerja-kerja dan perkhidmatan yang berkenaan;
- (b) penetapan dan penguatkuasaan statut yang terpakai untuk mana-mana kerja-kerja dan perkhidmatan yang dibekalkan.

Pelesehan pengendali.

87. (1) Tertakluk kepada pengecualian yang boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, tiada pengusahaan yang boleh dipindahmilikkan kepada, dikerjakan, dikendalikan atau diuruskan oleh mana-mana orang selain daripada orang yang dilesenkan menurut peruntukan seksyen ini.

(2) Mana-mana permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen ini hendaklah bertulis dan mengandungi, atau disertakan bersama, maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang ditentukan oleh Lembaga.

mengikut mana yang sesuai, bagi tujuan mempertimbangkan permohonan dan sesuainya pemohon untuk mendapatkan lesen itu.

(3) Setelah menerima mana-mana permohonan yang dilengkapkan menurut subseksyen (2) di atas Lembaga, mengikut mana yang sesuai, boleh—

- (a) mengeluarkan lesen kepada pemohon selaras dengan peruntukan subseksyen (4); atau
- (b) menolak permohonan itu.

(4) Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan jangkamasa lesen itu dan selanjutnya menetapkan—

- (a) jenis-jenis perkhidmatan atau kemudahan yang akan dibekalkan oleh pelesen itu;
- (b) tugas-tugas tertentu pelesen berkenaan perkhidmatan dan kemudahan yang dibekalkan olehnya;
- (c) apa-apa bayaran lesen yang kena dibayar oleh pelesen termasuk mana-mana bayaran yang diperlukan untuk membayar gantirugi yang sepenuhnya kepada Lembaga, mengikut kesesuaian, bagi kos memproses permohonan, memindahmilikkan pengusahaan atau menjalankan fungsi pengawalseliaan ke atas pelesen; dan
- (d) mana-mana perkara atau syarat-syarat yang dianggapkan sesuai.

(5) Tiada lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini boleh dipindahmilikkan.

(6) Setelah pengeluaran lesen kepada pengendali, Lembaga hendaklah tidak menanggung apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh apa-apa tindakan, ketegalan atau salahlaku nengendali itu

(7) Sebelum pengeluaran suatu lesen, Lembaga bolehlah menghendaki sekuriti diberi bagi pematuhan berpatutan terma-terma dan syarat-syarat lesen itu.

Penggan-tungan dan penarikan balik lesen.

88. (1) Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini boleh digantung atau ditarik balik oleh Lembaga, mengikut mana yang sesuai, sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana syarat oleh pengendali atau kegagalan pengendali mematuhi mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya, atau jika pengendali berhenti mengerjakan atau mengendalikan kemudahan atau perkhidmatan berkenaan dengan mana lesen itu dikeluarkan. Penggantungan atau penarikan balik itu akan berkuat kuasa serta-merta walau apa pun apa-apa jua rayuan dibuat di bawah subseksyen (2).

(2) Pengendali bolehlah merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri terhadap penggantungan atau penarikan balik lesen itu di bawah subseksyen (1). Setiap rayuan hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Lembaga diserahkan ke atas pengendali itu. Keputusan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan mana-mana rayuan di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(3) Di mana suatu lesen telah digantung atau ditarik balik di bawah subseksyen (1), Lembaga bolehlah, sekiranya ia menimbangkan bahawa penggantungan atau penarikan balik itu akan berkesan secara material terhadap kemudahan dan perkhidmatan itu, dan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) mengambil alih mana-mana kerja-kerja;
- (b) mengendalikan mana-mana kerja-kerja itu; dan
- (c) mengambil mana-mana pengkhidmat atau pekerja Pengendali untuk mengendalikan kerja-kerja itu.

Tugas-tugas pengendali.

89. Adalah menjadi tanggungjawab pengendali untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan seperti yang dinyatakan di dalam lesen setakat yang diperlukan untuk mencapai standard prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga di bawah Enakmen ini.

90. Lembaga bolehlah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan standard prestasi dan penguatkuasaan standard itu berhubungan dengan pembekalan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan sebagaimana, pada pendapatnya, yang sepatutnya dicapai oleh pengendali itu.

91. Dalam masa tiga bulan dari tarikh akhir setiap tahun kewangan pengendali atau dalam masa yang lebih panjang yang dibenarkan oleh Pengarah, pengendali hendaklah menyerahkan kepada Pengarah—

- (a) laporan operasinya dalam tahun kewangan itu yang mengandungi maklumat yang perlu untuk membolehkan Pengarah membuat penilaian terhadap pengendali dan dalam bentuk yang boleh diluluskan oleh Pengarah;
- (b) kunci kira-kira dan akaun untung rugi yang diaudit, bersama dengan apa-apa pemberitahuan dan laporan-laporan juru audit serta pengaraphnya.

92. (1) Pengarah boleh, dari semasa ke semasa dan dalam jangkamasa tertentu dan dengan cara tertentu, menghendaki pengendali menyerahkan kepadanya—

- (a) maklumat terperinci berkenaan operasi pengendali;
- (b) pelan pembangunan masa hadapan berkenaan mana-mana perkhidmatan atau kemudahan yang diuruskan oleh pengendali; dan
- (c) apa-apa maklumat tambahan atau lanjutan yang dianggapnya perlu dengan merujuk kepada mana-mana laporan, akaun-akaun atau maklumat yang diserahkan oleh pengendali.

(2) Seorang pengendali yang gagal mematuhi seksyen ini atau seksyen 91 hendaklah membayar kepada Lembaga *sejumlah wang sebanyak satu ratus ringgit untuk setiap hari salahlaku itu berterusan selepas hari yang ke tiga puluh dari tarikh pengendali itu dikehendaki menyerahkan*

Lembaga
hendaklah
dimaklumkan
berkenaan
pertukaran
kawalan
pengendali.

93. (1) Adalah menjadi tanggungjawab pengendali, pada setiap masa, untuk memaklumkan kepada Lembaga serta-merta berkenaan perkara-perkara berikut—

- (a) apa-apa pertukaran kawalan syarikat pengendali;
- (b) apa-apa pertelingkahan perusahaan di antara pengendali dan pekerjanya; dan
- (c) apa-apa prosiding atau tuntutan yang dibuat terhadap pengendali yang boleh menjaskan kedudukan kewangannya atau terhadap keupayaannya untuk melaksanakan mana-mana syarat di bawah lesen itu.

(2) Untuk tujuan subseksyen (1) (a), "kawalan" ertiya mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengarahkan pengurusan dan polisi pengendali.

(3) Mana-mana pengendali yang gagal mematuhi seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Kegagalan
pelaksanaan
oleh
pengendali.

94. (1) Jika diputuskan oleh Lembaga bahawa pengendali telah gagal untuk melaksanakan mana-mana tugas di bawah lesen yang dikeluarkan menurut seksyen 87 Enakmen ini, Lembaga boleh memberi pemberitahuan bertulis kepada pengendali itu yang menghendaknya melaksanakan tugas itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu.

(2) Jika setelah tamat tempoh yang diberikan dalam pemberitahuan itu yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), pengendali telah gagal untuk melaksanakan tugas yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu, Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk melaksanakan tugas itu, dan segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga berkenaan tugas itu hendaklah dibayar balik oleh pengendali.

(3) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (2) boleh memasuki mana-mana premis pengendali untuk tujuan yang berikut:

- (a) untuk mengambil milik sementara dan menggunakan mana-mana peralatan atau mesin kepunyaan atau yang digunakan oleh pengendali;
- (b) untuk membawa mana-mana peralatan atau mesin ke dalam premis itu;
- (c) untuk mengambil bekerja mana-mana pengkhidmat atau pekerja pengendali, sebagaimana perlu atau wajar untuk tujuan melaksanakan mana-mana tugas yang dinyatakan dalam lesen.

(4) Lembaga hendaklah tidak menanggung apa-apa kerosakan atau kecederaan yang terjadi oleh mana-mana perbuatan, ketinggalan atau salahlaku orang yang dilantik di bawah subseksyen (2).

95. (1) Pengendali bolehlah, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Lembaga, mengurangkan kuantiti bekalan air kepada mana-mana pengguna sekiranya, disebabkan kemarau atau apa-apa sebab yang tidak dapat dijangka, bekalan air adalah tidak mencukupi untuk membolehkan kuantiti atau kualiti yang sepenuhnya dibekalkan secara suai manfaat.

Pengurangan
atau pember-
hentian
bekalan oleh
pengendali.

(2) Apabila kuantiti air dikurangkan di atas sebab keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1), tiada tanggungan boleh dikenakan terhadap pengendali itu berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pengurangan atau pemberhentian bekalan dengan syarat pengurangan caj untuk bekalan air bolehlah dibuat mengikut purata pengurangan yang dibuat.

(3) Tiada apa-apa pun yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dan (2) boleh mengecualikan pengendali daripada tanggungjawab terhadap kerosakan yang dapat dibuktikan adalah disebabkan oleh kecuaiannya atau

(5) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan denda lima ribu ringgit setiap hari kesalahan berterusan setelah pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan.

97. Kecuali sebagaimana dibenarkan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain dan tertakluk kepada mana-mana pengecualian yang bolehlah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, tiada seorang pun boleh membuat apa-apa navigasi di atas mana-mana tasik, tanah perairan atau sungai selain daripada orang yang dilesenkan menurut peruntukan seksyen 59.

Pelesehan
navigasi.

98. (1) Lembaga bolehlah, melainkan dibenarkan secara nyata sebaliknya di bawah peruntukan undang-undang bertulis yang lain, menetapkan apa-apa aktiviti atau struktur pada atau di dalam sesuatu sungai atau badan air termasuk aktiviti rekreasi atau aktiviti riadah, hendaklah didaftarkan, sekiranya Lembaga berpuashati bahawa aktiviti atau struktur itu menyebabkan atau boleh menyebabkan—

- (a) kerosakan kepada dasar, tebing atau pesisiran sumber air itu;
- (b) pencemaran atau penurunan kualiti air sumber air itu;
- (c) bahaya atau ancaman kepada aktiviti air yang dilesenkan;
- (d) halangan kepada navigasi;
- (e) pengubahan aliran, kualiti atau kuantiti air; atau
- (f) bahaya atau kacau ganggu kepada mana-mana orang atau hartabenda.

(2) Lembaga boleh mengeluarkan arahan-arahan kepada seseorang yang melakukan atau menganjurkan

BAHAGIAN XI

AKTIVITI-AKTIVITI ATAS PERMUKAAN BADAN AIR

Kawalan
navigasi.

96. (1) Walau apa pun apa-apa yang dibenarkan secara nyata di bawah mana-mana undang-undang lain, tiada seorang pun boleh mengendalikan apa-apa vesel di atas mana-mana tasik, tanah perairan atau sungai secara tidak berhemat, cuai, dengan kelajuan tertentu, dengan dimuat orang, dimuatkan barang-barang, bahanapi atau benda-benda lain, atau sebaliknya dengan apa cara sekali pun yang merbahayakan atau berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana orang, hartabenda atau alam sekitar, atau menyebabkan kacau ganggu kepada mana-mana orang.

(2) Lembaga boleh menetapkan bagi mana-mana vesel, berhubungan dengan mana-mana tasik, tanah perairan atau sungai—

- (a) jenis atau klas vesel yang boleh digunakan;
- (b) kelajuan maksima;
- (c) drauf yang dibenarkan;
- (d) caj untuk pendaftaran vesel-vesel itu dan untuk apa-apa perkhidmatan yang dibekalkan oleh Lembaga; dan
- (e) apa-apa pemasangan atau peralatan dan keperluan operasi untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan perlindungan alam sekitar.

(2) Seseorang hendaklah tidak, tanpa kebenaran yang sah di sisi undang-undang, membuang apa-apa bahan buangan dari suatu vesel atau menyebabkan apa-apa bahan merbahaya tertumpah atau terlepas dari suatu vesel dengan cara yang mencemarkan atau berkemungkinan mencemarkan air di suatu tasik, tanah perairan atau sungai.

(4) Lembaga boleh menghendaki sesuatu vesel untuk dipasang dengan kemudahan menyimpan dan pembuangan bahan buangan secara selamat dan kemudahan bagi tujuan yang sama dipasangkan di atas tanah.

mengendalikan struktur yang didaftarkan di bawah subseksyen (1) untuk tujuan melindungi—

- (a) dasar, tebing atau pesisiran suatu sumber air;
- (b) kualiti air di dalam suatu sumber air;
- (c) lain-lain aktiviti air yang dibenarkan; atau
- (d) keselamatan dan kesihatan,

dan orang itu hendaklah mematuhi arahan-arahan itu.

(3) Lembaga bolehlah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengenakan caj ke atas apa-apa aktiviti yang dijalankan atau pembinaan atau pengendalian apa-apa struktur yang didaftarkan di bawah seksyen ini.

(4) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya serta denda selanjutnya sebanyak lima ribu ringgit setiap hari kesalahan diteruskan selepas pemberitahuan oleh Lembaga menghendaki pematuhan diserahkan.

BAHAGIAN XII

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk
masuk,
menggeledah,
memeriksa
dan
merampas.

99. (1) Sekiranya Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa bertulis olehnya atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah dari Inspektor berpuashati, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, beliau boleh, sekiranya beliau berpendapat bahawa ianya perlu untuk tujuan penyiasatan kesalahan itu, tanpa waran, memberhenti dan mengeledah mana-mana orang, dan memberhenti, menaiki dan menggeledah mana-mana kenderaan atau kapal, atau memasuki mana-mana bangunan, dan boleh—

- (a) memeriksa, menyiasat, merampas atau menahan mana-mana peralatan, komputer, atau loji perindustrian;

- (b) memeriksa, menyiasat, merampas atau menahan mana-mana rekod, buku, lesen, permit, sijil atau dokumen berhubungan dengan—
 - (i) pejalanan atau penggunaan mana-mana peralatan atau loji perindustrian;
 - (ii) bahan pencemar atau bahan buangan; atau
 - (iii) apa-apa perkara yang dikehendaki untuk dilakukan di atas sesuatu kenderaan atau vesel di bawah Enakmen ini atau di bawah undang-undang bertulis yang lain;
- (c) memeriksa, menyiasat, merampas atau menahan mana-mana bahan buangan atau bahan pencemar dan mana-mana kenderaan atau vesel yang digunakan dalam pengangkutan bahan buangan atau bahan pencemar itu;
- (d) membuat inkiri dan pemeriksaan fizikal terhadap kenderaan, vesel, peralatan, perkakas, stor serta kargo sebagaimana perlu;
- (e) membuat salinan, atau mengambil ekstrak dari apa-apa buku, rekod atau dokumen yang telah dirampas atau ditahan;
- (f) memeriksa, menyiasat atau mengambil contoh mana-mana bahan yang digunakan, atau yang berkemungkinan akan digunakan atau selalu digunakan di dalam mana-mana perniagaan, industri atau proses yang dijalankan di atas atau di dalam kenderaan, vesel atau bangunan; dan
- (g) mengambil contoh atau mengarah agar diambil contoh mana-mana bahan, material atau benda daripada sebarang bahan pencemar atau bahan buangan yang dipancarkan, dilepaskan atau didepositkan, atau yang berkemungkinan dipancarkan, dilepaskan atau didepositkan dari kenderaan, vesel atau bangunan itu.

Pemberian maklumat.

100. (1) Pengarah boleh, melalui pemberitahuan bertulis memerlukan seseorang atau penghuni mana-mana bangunan, mengikut mana yang sesuai, untuk menyediakan dalam tempoh yang ditentukan apa-apa maklumat seperti dikehendaki di dalam pemberitahuan itu.

(2) Seseorang, yang gagal untuk menyediakan maklumat seperti yang dikehendaki menurut dari subseksyen (1) atau memberi apa-apa jawapan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan dalam mana-mana perkara material adalah apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang tahu mengenai kes.

101. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu siasatan di bawah Enakmen ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki supaya hadir dihadapannya seseorang yang pada hemat pegawai diberi kuasa itu tahu tentang hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana dikehendaki sedemikian.

(2) Sekiranya seseorang gagal untuk hadir sebagaimana yang dikehendaki, pegawai diberi kuasa itu hendaklah melaporkan ketidakhadiran itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan waran untuk memastikan kehadiran orang itu.

Pemeriksaan orang yang tahu mengenai kes.

102. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu siasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang dijangka mengetahui mengenai fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan berkaitan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya mungkin akan mendedahkan kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucutahan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang sebenar, sama ada pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan.

(4) Pegawai diberi kuasa yang memperolehi maklumat daripada seseorang hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, apabila mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepada dia dalam bahasa dia membuat pernyataan itu dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

103. (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu merupakan suatu pengakuan atau tidak atau sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan, oleh orang itu kepada atau dengan didengar seorang pegawai diberi kuasa dan sama ada diterjemahkan kepada dia atau tidak oleh seorang pegawai lain atau orang lain, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi tujuan mencabar kebolehpercayaannya.

Keboleh-
terimaaan
pernyataan
sebagai
keterangan.

(2) Tiada keterangan di subseksyen (1) boleh dijadikan bukti atau digunakan—

(a) jika pembuatan pernyataan itu pada hemat mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada seseorang yang berkuasa dan

cukup pada pendapat mahkamah untuk memberi orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pandangannya munasabah untuk mengandaikan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa kelebihan atau mengelakkan apa-apa kemudaran yang bersifat duniawi berkenaan dengan prosiding terhadapnya; dan

- (b) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dengan perkataan yang berikut atau perkataan yang mempunyai maksud yang sama:

“Menjadi tugas saya untuk memberikan amaran kepada anda bahawa anda tidak berkewajipan untuk menyatakan apa-apa atau untuk menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang anda nyatakan, sama ada sebagai jawapan kepada suatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan”.

- (3) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum ada kesempatan untuk memberikan amaran kepadanya tidaklah boleh menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan hanya semata-mata kerana orang itu tidak diberi amaran jika dia diberi amaran secepat yang mungkin selepas itu.

Perlindungan
kepada
pemberi
maklumat.

- 104. (1) Kecuali apa-apa yang telah diperuntukkan sebelum ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding jenayah di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya hendaklah dipertanggungjawabkan atau dibenarkan untuk memberitahu nama atau alamat seorang pemberitahu maklumat atau maklumat yang diterima darinya atau menyatakan mana-mana hal yang boleh mengakibatkan pendedahannya.

- (2) Sekiranya suatu buku atau dokumen dalam keterangan atau yang mungkin disiasat dalam mana-mana prosiding jenayah mengandungi catatan di mana mana pemberitahu maklumat dinamakan atau digambarkan atau yang boleh mengakibatkan pendedahannya,

Mahkamah akan memerintahkan semua catatan dirahsiakan dari pandangan atau dimumsnahkan sejauhmana ianya perlu untuk melindungi pemberitahu maklumat itu dari pendedahan.

(3) Sekiranya di dalam suatu perbicaraan untuk suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang telah dibuat di bawahnya Mahkamah, selepas membuat penyelidikan penuh terhadap kes itu, berpendapat bahawa pemberitahu maklumat itu dengan sengaja membuat di dalam aduannya satu pernyataan mustahak yang diketahui olehnya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar, atau sekiranya keadilan tidak dapat dilakukan sepenuhnya di antara pihak-pihak terlibat tanpa pendedahan pemberitahu maklumat itu, Mahkamah boleh memerintahkan dikemukakan aduan asal itu, sekiranya bertulis, dan memberarkan suatu siasatan dan menghendaki pendedahan penuh pemberitahu maklumat itu.

105. (1) Sekiranya Pengarah berpuashati bahawa terdapat suatu penggalangan salah terhadap akses atau pencerobohan ke atas mana-mana kawasan atau zon perlindungan yang telah ditetapkan dan diisyitharkan di bawah seksyen 48, dia boleh membuat satu perintah memerlukan orang yang bertanggungjawab untuk menghalau galangan atau pencerobohan itu dan sekiranya perintah itu tidak dipatuhi dalam masa yang telah ditentukan di dalamnya, boleh mengambil langkah-langkah yang dianggapnya sebagai perlu untuk tujuan itu.

Penggalangan
terhadap hak
akses
Lembaga.

(2) Tiada seorangpun yang boleh menggalang, mengganggu atau melengahkan Pengarah ataupun mana-mana orang diberikuasa dari melaksanakan sebarang kemasukan yang ianya berhak melaksanakan atau di dalam pelaksanaan sebarang tugas yang telah dikenakan atau kuasa yang telah diberikan oleh Enakmen ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh

Tanggungan
bagi
kerosakan
harta benda.

106. Sekiranya melalui apa-apa tindakan, kelalaian atau kemungkiran, mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen dan melalui tindakan, kelalaian atau kemungkiran itu, orang itu menyebabkan kerosakan kepada apa-apa kerja-kerja atau harta benda lain kepunyaan Lembaga, orang itu hendaklah, sebagai tambahan kepada sebarang hukuman yang boleh dikenakan untuk kesalahan itu, bertanggungan membayar pampasan kepada Lembaga.

Gangguan
atau peng-
ubahsuaihan
tanpa
kebenaran.

107. Mana-mana orang yang, tanpa kelulusan dari Pengarah—

- (a) mengganggu atau mengubahsuaikan sebarang peralatan atau bentuk kerja yang telah diluluskan;
- (b) mengeluar, menggunakan atau melencangkan air atau sumber yang lain;
- (c) membazirkan air; atau
- (d) mengubahsuai, mengganggu atau menggalang sebarang meter atau alat perakam yang lain dari merakam input, pengeluaran atau penggunaan air secara sah;

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pemotongan
bekalan air.

108. Sekiranya Pengarah memutuskan bahawa suatu kesalahan telah atau mungkin sedang dilakukan di bawah Enakmen ini, dia boleh, selepas memberi pemberitahuan tidak kurang dari dua puluh empat jam, mengarahkan bekalan air yang tidak diproses dipotong dari bangunan itu dan bekalan air tidak akan disambung semula sehingga Pengarah, mengikut budibicaranya, memberi kebenaran untuk penyambungan semula.

Kuasa untuk
menangkap.

109. Mana-mana pegawai diberikuasa bertulis oleh Lembaga termasuk seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah dari Inspektor boleh menangkap, tanpa waran, sesiapapun yang telah ditemui sedang melakukan kesalahan di bawah peruntukan Enakmen ini dan akan membawa

orang itu ke hadapan seorang pegawai diberikuasa bertulis oleh Lembaga untuk tujuan itu yang boleh, sekiranya diberikuasa, mengenakan kompaun ke atas kesalahan itu mengikut peraturan Enakmen ini atau memerintahkan agar orang itu dihadapkan kepada seorang Majistret.

110. (1) Tiada pendakwaan untuk apa-apa kesalahan Pendakwaan di bawah peraturan Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran Pendakwaraya.

(2) Tertakluk kepada peruntukan di dalam Kanun Acara Jenayah, Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa olehnya boleh mengendalikan suatu pendakwaan untuk apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang telah dibuat di bawahnya di hadapan mana-mana Mahkamah.

111. Mana-mana orang yang menggalang atau mengganggu Pengarah, seorang pegawai diberikuasa atau seorang pegawai polis dalam pelaksanaan sah mana-mana kuasanya di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya melakukan kesafahan di bawah Enakmen ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

112. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui suatu perintah yang disiarkan di dalam *Warta*, menentukan sebarang kesalahan yang melanggar peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan kompaun oleh Lembaga dan cara serta tatacara untuk mengkompaunkan kesalahan itu.

(2) Pengarah atau seorang pegawai diberikuasa olehnya boleh, mengikut budibacaranya mengkompaunkan kesalahan yang telah ditetapkan di bawah subsekyen (1) dengan menerima dari orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan apa-apa kesalahan suatu jumlah tidak melebihi satu per empat daripada jumlah denda yang ditetapkan untuk kesalahan itu atau sekiranya tiada jumlah yang ditetapkan, satu jumlah yang tidak

(3) Sekiranya suatu kesalahan dikompaunkan di bawah seksyen ini, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu terhadap orang yang telah disyaki melakukan kesalahan itu.

Kuasa untuk mendapat kembali kos dan perbelanjaan.

113. (1) Sekiranya seseorang itu tidak mematuhi kehendak mana-mana perintah, arahan atau pemberitahuan yang diberi oleh Lembaga di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengarah boleh mengambil tindakan atau mengarahkan agar tindakan itu diambil sebagaimana dianggapnya sebagai perlu untuk mematuhi kehendak perintah, arahan atau pemberitahuan itu dan boleh mendapat kembali dari orang itu segala kos dan perbelanjaan yang telah dikenakan berhubungan dengannya.

(2) Suatu sijil dari Pengarah menyatakan bahawa—

- (a) dia berpendapat bahawa orang yang dinamakan di dalam sijil itu bertanggungjawab atas kegagalan untuk melaksanakan tindakan yang ditentukan dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* untuk tujuan sebarang prosiding di bawah seksyen ini; dan
- (b) jumlah yang dibelanjakan dalam pelaksanaan semua atau sebarang tugas yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) adalah bukti konklusif bagi jumlah yang kena dibayar dan hendaklah tidak boleh dirayu atau disemak semula di Mahkamah.

Hukuman untuk kesalahan yang tidak diperuntukkan sebaliknya.

114. Setiap peninggalan atau kelalaian dalam mematuhi, dan setiap perbuatan atau percubaan untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau apa-apa kemungkiran syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang tertakrif kepada, atau di atas mana, mana-mana lesen dikeluarkan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan dibuat di bawahnya adalah suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan berkenaan dengan kesalahan itu yang tiada hukuman diperuntukkan secara nyata pesalah

itu hendaklah, apabila disabitkan dijenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

115. Mana-mana orang yang cuba untuk melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau bersubahat dalam perbuatan kesalahan itu hendaklah dikenakan hukuman yang telah diperuntukkan untuk kesalahan itu.

116. (1) Sekiranya suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu syarikat, firma, persatuan atau organisasi lain, seorang yang pada masa kesalahan itu dilakukan memegang jawatan pengarah, pengurus atau pegawai yang serupa dengannya atau seorang rakan kongsi dalam syarikat, firma, persatuan atau organisasi itu atau yang mengaku bertindak dalam jawatan itu adalah dianggap sebagai telah melakukan kesalahan itu kecuali jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau kebenarannya dan bahawa dia telah melakukan semua langkah yang patut untuk menghalang perbuatan kesalahan itu dengan mengambil kira fungsinya dalam kapasiti tersebut dan dalam segala keadaan.

(2) Bila mana telah dibuktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa suatu pelanggaran peruntukan Enakmen ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh maná-mana kerani, pekerja atau agen ketika bertindak dalam melaksanakan tugasnya, prinsipalnya juga hendaklah dipertanggungjawabkan atas pelanggaran itu dan hukuman yang telah diperuntukkan kepadanya kecuali dia dapat membuktikan dengan memuaskan hati kepada Mahkamah bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau kebenarannya atau dia telah melakukan semua langkah untuk menghalang kesalahan itu dan untuk memastikan pematuhan peruntukan-peruntukan itu.

(3) Tiada apa pun dalam subseksyen (2) ini boleh dianggap sebagai mengecualikan kerani, pekerja atau agen

diperuntukkan di bawah Enakmen ini atau peraturan yang dibuat di bawahnya untuk mana-mana pelanggaran yang telah dibuktikan dilakukan olehnya.

Mahkamah
Sesyen
hendaklah
mempunyai
bidangkuasa.

117. Walau apa pun apa-apa jua undang-undang bertulis di sebaliknya, Hakim Mahkamah Sesyen mempunyai bidangkuasa untuk mengadili sebarang kesalahan di bawah Enakmen ini dan untuk menjatuhkan hukuman penuh untuk kesalahan itu.

Kuasa
pegawai
polis tidak
terjejas.
F.M.S.
Cap. 6.

118. Tidak ada apa-apa dalam Bahagian ini boleh dianggap sebagai menjejaskan kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Acara Jenayah.

BAHAGIAN XIII

PELBAGAI

Hak akses.

